

**DEWAN RKAYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 65

Isnin

18 September 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2007 (Halaman 27)

USUL:
Anggaran Pembangunan 2007 (Halaman 27)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 18 September 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Nasarudin bin Hashim [Parit]** minta Menteri Penerangan menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk menentukan RMK-9 difahami sepenuhnya oleh semua peringkat rakyat di negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Rembau pada 22 November tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Penerangan akan memastikan rakyat benar-benar faham tentang perancangan yang telah digubal. Maklumat yang jelas dan lengkap mengenainya disalurkan kepada rakyat melalui media elektronik, media cetak dan secara bersemuka. Penyebaran dan penjelasan mengenai rancangan ini dilakukan secara berterusan bermula dengan menyiarkan secara langsung pembentangan rancangan tersebut di Parlimen melalui radio dan televisyen, memberi fokus utama rancangan ini sebagai bahan utama dalam siaran berita, radio dan TV; dan menyiarkan *capsule* petikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada pelbagai sudut dan huraian secara berulang-ulang kali.

RMK-9 turut dijadikan fokus utama perbincangan di dalam beberapa siri rancangan wawancara atau bicarawara di radio dan TV, seperti rancangan 60 Minit Bersama Menteri, Fast Foward, Debat Perdana, Selamat Pagi Malaysia dan juga Forum Perdana Hal Ehwal Islam. Pelbagai penerbitan mengenai RMK-9 telah dikeluarkan dan diedarkan ke seluruh negara oleh Jabatan Penerangan. Dalam perkara ini sebuah penerbitan khas bertajuk Rancangan Malaysia Kesembilan yang mengandungi ucapan penuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan usul mengenai RMK-9 di Dewan Rakyat pada 31 Mac tahun ini.

Di samping itu Jabatan Penerangan telah memperkenalkan satu program Majlis Rapat Bestari untuk memberi penjelasan dan kefahaman kepada rakyat di seluruh negara berkenaan dengan hala tuju dan fokus RMK-9 di samping meningkatkan keyakinan rakyat kepada usaha-usaha yang sedang diambil oleh kerajaan.

Majlis Rapat Bestari yang berkonsepkan satu perhimpunan rakyat telah dilancarkan pada 29 Ogos tahun ini di Negeri Sembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Program-program bersemuka yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan dan juga JASA di peringkat akar umbi akan memberikan fokus kepada maklumat-maklumat mengenai RMK-9 supaya rakyat lebih memahami rancangan tersebut melalui majlis-majlis penerangan dan perbincangan secara langsung.

JASA juga telah merangka strategi untuk menentukan RMK-9 difahami sepenuhnya oleh semua peringkat rakyat di negara ini. Sehingga Ogos 2006 sebanyak 14,597 program seperti Perkongsian Pintar, Gerak Tumpu dan Seminar Bicara Gemilang telah dilaksanakan.

Berdasarkan kepada kajian pemahaman terhadap RMK-9 yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan lebih daripada 65% responden memahami akan teras-teras RMK-9 dan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan RMK-9. Ini menunjukkan bahawa program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan telah berjaya meningkatkan kefahaman rakyat terhadap RMK-9. Namun begitu usaha akan terus dilakukan untuk meningkatkan lagi tahap kefahaman masyarakat dan seterusnya menggembelng penglibatan masyarakat dalam RMK-9. Sekian, terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang panjang lebar. Saya juga mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas usaha-usaha yang telah dibuat yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi untuk menjadikan rakyat lebih faham dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada agenda besar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bukan sahaja bagi memastikan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan berjaya, tetapi juga menuju kepada Wawasan 2020 untuk menjadikan pentadbiran negara lebih cekap, meningkatkan daya saing negara, mengurangkan ketirisan dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan ialah melaksanakan Pelan Integriti Nasional.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian untuk melaksanakan Pelan Integriti Nasional ini, khususnya kepada mereka yang harus melaksanakan program ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang Pelan Integriti Nasional itu merupakan satu program yang amat mustahak bagi kita mencapai matlamat Wawasan 2020. Selain daripada pelancaran atau penyiaran, dan memfokuskan apa juga aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dilaksanakan di bawah Pelan Integriti Nasional itu, kita pun boleh dapat dan akan mengadakan lebih banyak kerjasama supaya satu program atau pun satu kempen yang lebih bermakna dan yang lebih fokus dapat dijalankan tetapi ini perlu dijalankan dengan perbincangan, dengan pihak yang berkenaan. Sekian. Terima kasih.

2. **Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, kejayaan FAMA dalam pemasaran produk tani dan sejauh manakah usaha diambil jika ada, ke arah melahirkan golongan pemasaran di kalangan masyarakat graduan terutama bumiputera bagi menggalakkan lagi sektor pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu kejayaan FAMA dalam memasarkan produk tani yang berkesan dapat dilihat melalui program pasar tani. Setakat ini terdapat 232 Pasar Tani dan 31 Pasar Tani Mega di seluruh negara dengan bilangan peserta adalah seramai 9924 orang. Jumlah jualan tahunan mencecah RM230 juta. Selain daripada itu FAMA juga melaksanakan pelbagai program pembangunan pemasaran, bertujuan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana, memasarkan produk makanan mereka. Pemasaran produk PKS ini dilakukan melalui karnival jualan, konsesi pasar raya, penyertaan dalam rombongan perdagangan dan pembangunan pusat pemasaran.

Kaedah ini telah pun berjaya meningkatkan jualan produk-produk PKS. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, FAMA telah pun membantu memasarkan produk-produk tersebut secara terus, bernilai RM44.24 juta dan mengatur pasaran bernilai RM667 juta. Di bawah program ini, seramai 1,336 orang pembekal, 20 orang pemborong, pengedar, pengeksport dan 130 orang peruncit telah pun diwujudkan. Program ini akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan di mana FAMA akan membantu kerajaan mencapai sasaran untuk melahirkan 10,000 usahawan tani dengan pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan. Bagi membantu melahirkan golongan pemasar di kalangan graduan terutamanya bumiputera, FAMA telah pun menyediakan dua bentuk program iaitu menjadikan graduan sebagai usahawan di pasar tani dan menjadikan graduan sebagai pengedar produk-produk PKS.

Bilangan dan peratusan graduan yang memiliki kelulusan diploma dan ijazah terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran di sektor pertanian adalah masih rendah iaitu dianggarkan di antara 2% hingga 19% pada tahun 2005. Di sektor pengeluaran, melalui perangkaan projek kontrak pemasaran buah-buahan dan sayur-sayuran, hanya sekitar 4% sahaja adalah terdiri daripada graduan. Di sektor pemprosesan industri asas tani, perangkaan menunjukkan 5% peserta adalah terdiri daripada graduan yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan makanan sejuk beku, rempah ratus, kuih dan roti serta sos, dan kerepek ubi dan pisang.

Di sektor pemasaran, perangkaan menunjukkan penglibatan hanya 2% di kalangan graduan yang terlibat secara langsung dalam projek pasar tani iaitu menjual runcit hasil-hasil pertanian. Manakala 19% peserta gerai buah-buahan bimbingan FAMA adalah terdiri daripada graduan.

Langkah ke arah menguatkan lagi penyertaan graduan dalam pelaburan di sektor pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah pertamanya, ialah pembangunan produk. Kementerian Pertanian dan Asas Tani melalui jabatan agensi-agensinya akan

membangunkan barangan dan produk-produk yang mempunyai potensi pasaran untuk dibangunkan. Dari segi pasaran, usaha-usaha untuk memperluaskan pasaran produk keluaran graduan di pasaran dalam negeri mahu pun luar negara melalui pembaikan kualiti, melalui *good agriculture practice*, dengan izin, *good manufacturing practice* serta pembungkusan dan pelabelan sebagaimana yang dikehendaki oleh pasaran.

Ketiganya, memperkenalkan teknologi baru dari segi pengeluaran dan pemrosesan serta kemudahan pinjaman kewangan disediakan oleh bank-bank bagi membantu graduan menceburi pelaburan di sektor pertanian.

Tuan Mohd Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, sewajibnyalah kita rasa bangga dengan perubahan yang begitu hebat daripada FAMA. Cuma Yang Berhormat, saya ingin menyentuh setengah *mindset*, pemikiran rakyat di kawasan bawah, masih lagi mengatakan bahawa FAMA ini seolah-olahnya berniaga ataupun anggota pekerja FAMA itu sendiri mencari untung dalam memasarkan produk-produk petani daripada luar bandar. Tetapi *mindset* ini mungkin tidak betul. Cuma saya minta Yang Berhormat Menteri boleh kita memperjelaskan supaya *mindset* yang negatif ini tidak wujud di dalam pemikiran mereka dan sejauh manakah perkara ini benar. Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tidak benar kerana mengikut Akta FAMA, FAMA adalah satu agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk membantu memasarkan produk-produk pertanian dan juga asas tani yang dikeluarkan oleh petani-petani kita sama ada graduan atau pun bukan graduan. Jadi soal FAMA mencari keuntungan ini tidak berbangkit. Cuma dalam beberapa kes di mana FAMA terpaksa membantu, membeli produk-produk tersebut untuk dipasarkan ke tempat lain, maka adalah dikenakan sedikit caj ataupun yang dikatakan bayaran-bayaran *fee* yang agak minimum supaya dengan cara itu dapat mengatasi beberapa kos. Kos-kos yang agaknya *basic* untuk mengurangkan tanggungan pihak kerajaan.

Pada keseluruhannya, saya fikir banyak pihak di kalangan masyarakat kita masih beranggapan bahawa FAMA berfungsi dan menjadi tanggungjawab FAMA untuk membeli segala produk-produk dan dipasarkan untuk mereka. Ini bagi saya adalah satu tanggapan yang tidak betul. Saya kira adalah jadi tanggungjawab kita bersama-sama untuk menjelaskan bahawa FAMA adalah satu institusi kerajaan untuk membantu, di mana peniaga ataupun petani-petani kita menghadapi masalah dari segi pemasaran, maka FAMA mengikut akta sebagai *buyer of last resort* bolehlah membantu mereka setakat mana yang mampu. Saya kira mungkin kalau kita terus memberikan penjelasan sebegitu, isu tentang kesilapan ataupun salah faham tentang peranan FAMA ini dapat kita perbetulkan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dapat Menteri jawab sendiri hari ini. Saya

berdiri di sini untuk menanyakan soalan daripada penduduk, khususnya di Pantai Timur, mengenai dengan masalah duku. Dia orang suruh cakap mengenai dengan duku dan kebetulan pula ada siaran terkeluar pada *New Straits Times, Tuesday, September 12*. Mengenai orang Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Ini adalah musim duku dan mereka sekarang ini termenung. Orang Kelantan kata, 'dok menenung' sebab memikirkan buah-buah dia ini hendak dipasarkan. Bagaimana mereka ini satu tahun menanti duku sahaja. Dokong. Jadi kadang kala dua tahun sekali baru menjadi. Itulah dia kata, tolonglah Yang Berhormat menyuarakan kepada Dewan supaya harga ini dapat dikawal. Sekarang ini harganya RM2, tetapi bila menurun, dia kata sampai 50 sen satu kilo dan di sini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*Orchard Owners Dread Duku Glut.*" "*Kuala Terengganu. The duku season... , ...ect., "...and there are a lot of worried faces among orchard owners..."*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Faham.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Jadi, mereka berkehendakkan supaya Menteri menjawab bagaimana harga duku ini dapat dikawal. Ini kerana satu-satunya pendapatan mereka adalah daripada hasil duku. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kita telah mengambil perhatian. Perkara ini kerap berbangkit waktu musim buah-buahan seperti di pantai timur seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, buah dukung walaupun disebut buah duku, yang dikeluarkan agak secara besar-besaran di sana. Saya telah pun mengarahkan FAMA untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Biasanya memang kita *intervene* dalam pasaran untuk membeli, bukan semuanya tetapi sebahagian daripadanya.

Yang keduanya ialah untuk membantu supaya petani mencari pasaran-pasaran lebih awal. Saya difahamkan sebahagian daripada hasil pengeluaran daripada kawasan pantai timur ini, buah dukung ini di eksport ke Thailand dan di sana di proses bukan untuk setakat makan secara mentah ataupun segar tetapi dalam bentuk jus dan ada juga dikeluarkan bahan-bahan yang lain. Jadi, apa yang penting sekarang ini adalah untuk kita bersama-sama dengan pihak penanam turun ke bawah, musim pun dekat tiba supaya FAMA boleh awal-awal lagi bersama-sama dengan pengeluar...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Kerai]: Maksudnya duku agaknya, bukan dukung. Duku lain, dukung lain. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, di pantai timur banyak dukung. Mungkin istilah di situ digunakan duku tetapi produknya saya tahu, saya sudah pergi ke sana dan saya faham apa yang dimaksudkan, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya kira, kita boleh bersama-sama berbincang dan bekerjasama rapat dengan FAMA. Selain daripada itu, mungkin masalah yang berbangkit soal logistik, bagi mengangkut buah-buahan ini

kerana di kawasan seperti di Kuala Lumpur dan sekitar negeri-negeri lain tidak ada buah-buahan itu dikeluarkan, boleh dipasarkan di Kuala Lumpur. Sebagai contoh dalam musim lepas dengan harganya RM5 hingga RM8 sekilo.

Jadi, soal yang berbangkit di situ bukan soal tidak ada pasaran tetapi logistik untuk mengangkut buah-buahan itu tidak dapat disediakan. Dan, buah dukung ini ada dia punya masalah, ia mudah rosak dalam masa sehari sahaja kalau pun tidak dieksport ataupun dijual di pasaran. Saya telah mencadangkan supaya pihak FAMA bekerja rapat dengan penanam yang disebutkan tadi dan dapat kita berfikir bersama-sama bagaimana masalah harga tadi dapat kita bantu supaya tidak turun kepada satu paras yang agak begitu rendah sekali.

3. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan kedudukan kewangan terperinci Sabah Electricity Sdn. Bhd bagi tahun 2002, 2003, 2004 dan 2005 sama ada prestasi berkenaan telah menjejaskan mutu bekalan elektrik di Sabah khususnya di kawasan Sandakan dan Pantai Timur Sabah yang mengalami gangguan bekalan elektrik yang sangat serius selama ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedudukan kewangan Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) bagi tahun 2002, 2003, 2004 dan 2005 adalah seperti berikut:

Tahun 2002	-	Rugi bersih RM237.057 juta;
Tahun 2003	-	Rugi bersih RM301.759 juta;
Tahun 2004	-	Rugi bersih RM272.299 juta; manakala
Tahun 2005	-	Rugi bersih RM2.7 juta setelah mengambil kira subsidi minyak.

Berdasarkan angka-angka di atas, jelas dapat dilihat bahawa SESB telah dapat mengurangkan kerugian bersih pada tahun 2004 dan 2005. Jumlah kurangan yang drastik ini adalah kesan daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh SESB melalui pengurangan kos operasinya. Sungguhpun demikian, kerugian yang dialami oleh SESB memang tidak dapat dielakkan disebabkan tarif elektrik yang terpakai semenjak tahun 1986, masih lagi diguna pakai sehingga kini sedangkan kos pembekalan elektrik telah menunjukkan peningkatan yang tinggi dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya ingin menjelaskan bahawa kerugian yang dialami oleh SESB bukanlah merupakan punca utama yang menyebabkan mutu bekalan elektrik di Sabah terjejas khususnya di kawasan Sandakan dan Pantai Timur Sabah. Tambahan pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM606 juta kepada SESB dalam bentuk pinjaman mudah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk melaksanakan projek-projek penghantaran dan pembahagian di seluruh negeri Sabah yang akan dapat membantu memperbaiki aliran tunai SESB.

Seperti yang telah saya jelaskan berulang kali di Dewan yang mulia ini, gangguan bekalan elektrik di Sabah, khususnya di kawasan pantai timur, adalah berpunca daripada pelbagai masalah yang meliputi aspek pembekalan, penghantaran dan pembahagian dan memerlukan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Contohnya, bagi menangani masalah kekurangan kapasiti penjanaan bekalan elektrik di Sabah, kerajaan telah meluluskan pembinaan stesen-stesen jana kuasa yang baru seperti berikut:

- (i) IPP Sepangar Bay Power Corporation dengan kapasiti penjanaan sebanyak 100 MW yang akan disiapkan pada tahun 2006;
- (ii) IPP Powertron Sdn. Bhd dengan tambahan kapasiti 70 MW daripada 120 MW kepada 190 MW yang akan disiapkan pada tahun 2007;
- (iii) IPP Ranhill Power Ventures dengan kapasiti penjanaan sebanyak 190 MW yang dijangka siap pada tahun 2008; dan
- (iv) sebuah stesen jana kuasa baru berasaskan arang batu di pantai timur dengan kapasiti penjanaan sebanyak 300MW.

Selain daripada itu, penyiapan Projek Grid Sambungtara Timur-Barat pada penghujung tahun 2006 akan melengkapkan Sistem Grid Sabah dan akan membolehkan penyaluran bekalan elektrik dari pantai barat bagi menampung kekurangan kapasiti penjanaan di pantai timur.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar akan masalah gangguan bekalan elektrik yang sedang dialami oleh penduduk Sabah. Kerajaan sememangnya sentiasa mencari jalan bagi mengatasi masalah ini. Sungguhpun demikian, langkah-langkah yang diambil memerlukan tempoh masa dari 3 hingga 5 tahun sebelum hasilnya dapat dinikmati sepenuhnya.

Sementara menunggu langkah jangka panjang dapat diselesaikan, kerajaan telah mengarahkan SESB untuk mengambil usaha mengurangkan kekerapan gangguan bekalan elektrik khususnya di Sandakan. Susulan daripada itu, SESB telah menghantar Baj Janakuasa Gantisan dengan kapasiti sebanyak 40 MW menyewa *generator set*, dengan izin, berkapasiti 10 MW untuk menambahkan lagi kapasiti penjanaan bagi mengurangkan masalah gangguan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah. Jelas dapat dilihat di sini bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah bekalan elektrik yang dihadapi oleh penduduk negeri Sabah.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan ataupun langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri telah banyak kali diumumkan di Dewan yang mulia ini tetapi masalahnya ialah gangguan bekalan elektrik masih berlaku sehingga semua pihak telah mengutuk SESB pada bulan Julai tahun ini tentang gangguan bekalan elektrik yang serius di Sandakan dan juga bahagian Pantai Timur Sabah, sehingga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pun tidak puas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh pengurus SESB Sandakan.

Selepas suatu mesyuarat pada hari berikuit dengan Pengarah Pengurusan SESB mutu bekalan elektrik di Sandakan bertambah baik dalam bukan Ogos, 2006. Malangnya pada 3, 4 dan juga 10 September ini gangguan bekalan berlaku semula. Semua pihak ingin tahu mengapakah bekalan elektrik terputus setiap kali berlakunya kilat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Sedikit lagi. Ini disebabkan oleh kesalahan kerajaan atau ketidaksesuaian kakitangan yang mengendalikan operasi SESB ataupun kerjasama yang tidak memuaskan

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, kemukakan soalan, Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:dari jabatan yang lain. Dengan prestasi yang demikian, SESB ini bukan lagi Sabah Electricity Sdn. Bhd. Ia telah menjadi Sabah "everyday sure black out". [Disorak] [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, baik.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Dalam isu ini, saya rasa malu Ahli Bebas ini hendak katakan menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, hanya minta pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tarikh tetap bilakah masalah gangguan elektrik ini dapat diselesaikan. Terima kasih. [Disampuk]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sandakan. Walaupun Yang Berhormat daripada Bebas, tetapi Kerajaan Barisan Nasional sentiasa membela nasib rakyat di seluruh negara. Ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat, sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, mutu perkhidmatan tenaga elektrik di negeri Sabah telah bertambah baik. Itu yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Ini dapat saya sokong dengan satu petunjuk yang dinamakan sistem *average in eruption duration index (SAIEDI)* yang telah menunjukkan kekurangan berlakunya *black out* di negeri Sabah. Pada tahun 2005 adalah 4,106 minit, manakala 2006 telah turun kepada 3,830 minit.

Ini menunjukkan berlakunya kerosakan ataupun gangguan elektrik di negeri Sabah telah berkurangan dengan banyaknya tetapi sebagaimana yang saya nyatakan dalam jawapan saya yang awal tadi bahawa untuk mendapat nikmat sepenuhnya hasil daripada pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan terutamanya untuk menyediakan janakuasa yang cukup, bekalan elektrik yang cukup dan sistem penghantaran yang baik ia betul-betul akan dapat dinikmati dalam masa 3 hingga 5 tahun yang akan datang.

Ini perkara Yang Berhormat kena faham, kalau Yang Berhormat tanya saya pada awal tahun ini, itulah jawapan saya kerana proses ini mengambil masa yang panjang, untuk siapkan satu janakuasa bukan seminggu, bukan dua minggu dan kita perlu melalui proses-proses tertentu. Begitu juga untuk menyiapkan satu grid seperti Grid Sambung Tara Timur dan Barat ini mengambil masa yang panjang dan insya-Allah Grid Sambung Tara Timur dan Barat ini akan

siap pada penghujung tahun ini dan mutu bekalan elektrik di Sabah akan bertambah baik di masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di Semenanjung kita ada Tenaga Nasional Berhad (TNB), di Sabah, *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* (SESB), ini *double standard*. Kenapa kita tidak gunakan sama rata Tenaga Nasional Berhad sebab kalau kita katakan SESB di Sabah tentu rakyat Sabah tidak ada kepercayaan sama sekali. Gangguan seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata berkurangan, tapi saya jemput Yang Berhormat duduk di kawasan Pantai Timur, di Tawau, Semporna, Lahat Datu, setiap hari ada gangguan elektrik, kalau sejam, dua jam tidak apa, kadang-kadang 5, 6 jam, kadang-kadang satu hari, jadi kita mahu pastikan tambahan-tambahan grid di Pantai Timur ini, kalau pun kita kata lima tahun bila dia selesai, kita mahu rekod kalau cukup masanya tidak selesai maka kita akan minta supaya satu prosedur lain untuk memastikan bahawa bekalan elektrik ada di seluruh negeri Sabah tidaklah kira peringkat Pantai Timur, atau Pantai Barat keseluruhannya. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, saya boleh katakan kepada Yang Berhormat insya-Allah pada hujung Rancangan Malaysia Kesembilan mutu perkhidmatan bekalan elektrik di negeri Sabah akan meningkat dengan baik sekali, malah kita juga mempunyai sasaran pada hari ini, masyarakat Sabah yang menerima bekalan elektrik adalah sebanyak 80% kita telah menyasarkan pada penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan ini nanti masyarakat Sabah akan menikmati bekalan elektrik lebih daripada 90%. Terima kasih.

4. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kajian-kajian telah dijalankan oleh MARDI untuk mengkomersialkan kulit manggis dan durian dan jika ada apakah tajuk kajian tersebut dan di manakah ia dijumpakan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan tumpuan lebih banyak diberikan kepada kajian penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan produk makanan berasaskan manggis dan durian berbanding pengkajian ke atas kulitnya, dan oleh itu tiada sebarang kajian dilakukan sehingga kini untuk mengkomersialkan kulit manggis dan kulit durian.

Namun begitu, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak kementerian saya melalui MARDI telah pun mulai merancang projek penyelidikan dan pembangunan kulit manggis dan durian untuk mendapatkan manfaat keseluruhannya. Di antara penyelidikan yang akan dijalankan ialah pertamanya dengan izin *extraction and identification of anthocyanin from the skins of mangosteen and stabilisation of anthocyanin in food products*. *Anthocyanin* adalah

merupakan ekstrak perwarna asli yang boleh digunakan dalam makanan dan kosmetik. Penyelidikan perlu dijalankan bagi mengetahui secara terperinci sifat *anthocyanin* yang di ekstrak daripada kulit buah-buahan, kestabilan produk, jenis pembungkusan, keselamatan produk, aplikasi produk dan penerimaan orang ramai serta mengkaji potensi produk untuk dikeluarkan secara komersial, keduanya penyelidikan akan juga dijalankan mengenai dengan izin, *utilization of potential non-wood pulp* dengan izin durian *skin, rice straw, kenaf and pineapple waste for tray and paper making*.

Di Rancangan Malaysia Kesembilan, tujuan penyelidikan adalah untuk menyelesaikan masalah hasil buangan daripada penanaman padi, nanas, kenaf serta kulit durian yang diperolehi daripada kilang yang memproses duri durian dan durian sejuk beku. Bagi maklumat Yang Berhormat, *research and development* MARDI dalam hal ini masih belum dijumpai.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kehadiran pemimpin wanita Parlimen Jasin. Soalan tambahan saya, apakah tindakan-tindakan yang akan atau telah diambil oleh kementerian untuk memastikan agar kajian-kajian ini terlepas kepada syarikat-syarikat asing maknanya daripada luar negara dan kekal menjadi penemuan kita oleh sebab saya rasa inilah satu penyelidikan yang belum lagi orang buat selain daripada pewarna asli itu. Jadi saya ingin hendak tahu cara mana kita hendak memastikan benda ini, kajian ini masih lagi akan kita pegang sepanjang masa yang bolehlah. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah berkaitan dengan apa yang kita panggil sebagai *intellectual property rights* ataupun hak harta intelek. Biasa yang kita lakukan seperti MARDI sebagai contoh setiap kali penyelidikan itu dilakukan dan kita sudah mencapai ke satu tahap yang mana kita percaya mempunyai satu hasil yang boleh kita manfaatkan, maka pendaftaran untuk hak milik harta intelek itu perlu kita lakukan di peringkat awal-awal lagi. Jadi dalam hal ini, langkah-langkah sedemikian juga akan kita lakukan dalam kajian-kajian yang berkaitan dengan apa yang kita panggil *non-food product* ini yang kita percaya kerana ia adalah berpunca daripada hasil-hasil tanaman dalam negara kita dan sepatutnyalah kalau ada pun keputusan yang bermanfaat maka hak harta intelek itu mestilah dimiliki oleh kita sendiri, insya-Allah ini memang sentiasa dalam perhatian kerajaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik atas jawapan Yang Berhormat Menteri Pertanian, Industri dan Asas Tani bahawa MARDI pada hari ini sedang menjalankan penyelidikan buah durian, kulit manggis, dan saya berharap supaya MARDI menjalankan lebih banyak penyelidikan, tanaman-tanaman tradisional orang-orang kampung, lengkuas, serai, halia, kunyit yang mana orang kampung ini Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita hendak memperkasa pertanian, dan membantu orang kampung. Hari ini walaupun kita dapati durian tidak berapa

menjadi musim ini, tetapi kampung Tuan Yang di-Pertua dan kampung saya dekat Jasin, buah rambutan kering di pokok Tuan Yang di-Pertua. Tak ada pembeli Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kita hendak, apakah MARDI betul-betul serius untuk mengkomersialkan atau mencari penemuan-penemuan baru untuk tanaman-tanaman kampung ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang MARDI mengadakan tumpuan kepada produk-produk yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin itu tadi, dan juga produk-produk yang disebutkan juga herba yang telah pun kita laksanakan macam serai wangi untuk ekstrak dan patinya digunakan untuk jadi minyak wangi-wangian. Saya mempelawa Ahli Yang Berhormat bagi Jasin untuk pergi ke pusat kita yang baru kita bina di Melaka. Di situ ada hasil-hasilnya, mungkin tidak jauh daripada Jasin agaknya [*Dewan ketawa*] di mana ekstrak daripada bahan-bahan herba itu boleh dikeluarkan untuk menjadi wangi-wangian dan kita sudah pun bermula dapat syarikat yang berminat untuk mengambil alih hasil ini untuk dikomersialkan.

Saya di sini Tuan Yang di-Pertua, ada senarai lebih 39 teknologi yang telah pun dibuat oleh MARDI hasil daripada penyelidikan yang sudah pun dikomersialkan termasuk sebahagian daripada buah-buahan ekstrak bahan-bahan bukan makanan yang disebutkan tadi dan sebenarnya masalah kita sekarang ini tidak ada pihak yang hendak mengambil alih pergi jauh sedikit supaya produk ini dapat dikeluarkan dan dipasarkan kepada pengguna. Jadi saya fikir kalau ada yang berminat, senarai ini panjang di sini, mungkin saya akan serah kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

5. Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan kementerian untuk memastikan enrolmen lelaki dibandingkan dengan wanita adalah lebih kurang sama seperti yang terdapat di sekolah rendah dan menengah rendah. Tetapi di peringkat SPM, matrikulasi dan tingkatan enam, wanita adalah 67% lebih ramai daripada lelaki. Kemasukan ke universiti pada tahun 2005, 63.4% terdiri daripada wanita dan selebihnya lelaki. Bagaimana ketidakseimbangan gender ini dapat diatasi.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia memang menyedari terdapat kadar peningkatan kemasukan pelajar perempuan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki khususnya di peringkat lepasan menengah dan pendidikan tinggi. Untuk makluman, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh *United Nations Statistics Division*, menunjukkan fenomena ini tidak berlaku di Malaysia sahaja. Kadar ini dialami oleh kebanyakan negara. Contohnya, nisbah kemasukan pelajar wanita dengan lelaki adalah:

(i)	Kanada	-	1:1.3
(ii)	Amerika Syarikat	-	1:1.34
(iii)	Qatar	-	1:2.6
(iv)	Arab Saudi	-	1:1.4

(v)	United Kingdom	-	1:1.53
(vi)	Australia	-	1:1.22
(vii)	New Zealand	-	1:1.53

Dalam hal ini, keputusan peperiksaan pelajar perempuan lebih baik berbanding pelajar lelaki. Sebagai contoh, bagi kemasukan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia ke institusi Pengajian Tinggi Awam bagi tahun 2006/2007 hanya 35.5% pelajar lelaki yang layak berbanding 64.5% pelajar perempuan. Begitu juga dengan kemasukan ke matrikulasi di mana enrolmen pada tahun 2005 menunjukkan bilangan pelajar perempuan sebanyak 62.6% berbanding pelajar lelaki 37.4%. Manakala bagi lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, hanya 41.08% pelajar lelaki yang layak ke IPTA berbanding 58.92% pelajar perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu jika dilihat pada enrolmen pelajar-pelajar di pusat pengajian yang berasaskan teknikal, fenomena ini agak berbeza di mana bilangan pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan. Sebagai contoh, data 30 Jun 2005 menunjukkan pelajar lelaki tingkatan lima di sekolah teknik melebihi pelajar perempuan iaitu 13,178 orang bagi lelaki dan 9,390 bagi pelajar perempuan. Begitu juga dengan enrolmen pelajar lelaki di politeknik dan kolej komuniti melebihi 60% berbanding pelajar perempuan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, situasi ini juga berlaku dalam bidang-bidang teknikal di universiti ataupun kolej-kolej universiti. Dengan kecenderungan dalam pemilihan bidang-bidang yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi serta minat pelajar yang memilih jurusan atau bidang yang diminati, secara keseluruhannya ketidakseimbangan *gender* ini bukanlah satu perkara yang luar biasa. Walaupun demikian, bagi mewujudkan daya saing yang sihat untuk menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran, maka dasar meritokrasi yang dilaksanakan itu tidak mengambil kira jantina penuntut tetapi ianya berdasarkan pencapaian akademik yang cemerlang dan kegiatan aktif dalam bidang kokurikulum. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak kali sudah saya bangkitkan hal ini dan hari ini Yang Berhormat bagi Kuala Langat yang sangat peka kepada perkara ini kerana saya pernah menanya dia sebab apa bukan teknikal itu wanita lebih daripada lelaki dan apakah sebab-musabab? Kita bukan hendak tengok di Australia misalnya kerana di Australia pun dia ada program untuk mengubah keadaan tapi nampaknya di Australia ini gagal juga program dia untuk menambahkan lelaki di dalam bidang-bidang di mana didominasi oleh wanita. Dan di Malaysia... soalan ada, ini sambungan kepada soalan. Sambungan kepada soalan. Memang ini masalah rumit.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita faktor-faktor yang mewujudkan keadaan yang sedemikian dan apakah strategi yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi secara jangka panjang?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa perbezaan ini bukanlah perkara yang luar biasa. Ini kalau kita lihat daripada trend pelajar-pelajar ini, dia mula tidak berlaku ketidakseimbangan ini ialah apabila tingkatan empat. Bila masuk tingkatan empat, pada masa itu pelajar-pelajar telah pun mula memilih bidang yang mereka gemari dan juga yang bersesuaian dengan kelayakan mereka serta hala tuju dalam kerjaya yang mereka cita-citakan.

Sebab itu kalau dilihat seperti yang saya nyatakan tadi, kalau bahagian teknikal 11,804 lelaki dan yang perempuan hanya ada 8,799. Vokasional 9,520 lelaki dan 4,172 perempuan. MLVK 1,063 lelaki dan 17 sahaja perempuan. Jadi ini menunjukkan bahawa kalau kita tengok kecenderungannya ialah pelajar-pelajar perempuan lebih minat kepada bidang-bidang akademik dan lelaki ialah minat kepada bahagian teknikal dan vokasional yang mungkin lebih sesuai dengan bidang kerja mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sehubungan dengan masalah jantina yang berbeza ini iaitu tentang hal guru pula. Bagaimana dari segi kerenah pertukaran guru-guru wanita kita ini? Lebih-lebih lagi dari segi mobiliti mereka itu agak menimbulkan masalah, hendak duduk bersama keluarga (*family*) dan ini pula boleh menjejaskan dari segi unjuran penempatan guru itu sendiri, dari segi opsyennya. Bagaimanakah kita hendak merungkaikan masalah ini dari segi Kementerian Pelajaran?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Kita tidak nafikan bahawa salah satu masalah yang kita hadapi ialah untuk penempatan guru-guru dan juga disebabkan kita ingin memberikan keselesaan kepada guru-guru maka berlakulah beberapa unjuran yang tidak tepat dan juga kita memang dasar kita, kita kalau boleh hendak bagi suami isteri duduk sekali. Jadi kalau masalah keluarga mereka dapat diselesaikan, sudah tentu guru-guru ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Tetapi kalau dia asyik berjauhan, kena berulang satu utara dan satu selatan, maka sudah tentu banyak masanya di dalam perjalanan dan juga kos yang tinggi untuk mereka dapat berjumpa selalu.

Namun demikian, jika kita teruskan trend sedemikian maka kita dapati bahawa berlakulah ketidakseimbangan di antara taburan jumlah guru lelaki dengan guru perempuan. Kita tidak nafikan terutamanya di tempat-tempat tertentu seperti Lembah Klang, guru perempuan ini lebih ramai daripada guru lelaki. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan cuba dan sedang berusaha untuk mengubah trend ini. Kalau dulu kita memberi peluang kepada guru untuk memilih di mana mereka hendak mengajar, tetapi kali ini kita akan ubah trend ini di mana kementerian yang akan menentukan di mana sepatutnya guru ini mengajar. Terima kasih.

6. **Brig. Jen (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memperincikan usaha kerajaan dalam mengekalkan pertumbuhan dalam mendapatkan pelabur asing dalam produk berteknologi tinggi dan memberikan tambahan nilai terutama dalam pembangunan Industri Elektrik dan Elektronik (E&E).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik pelaburan asing dalam industri berteknologi tinggi serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi, beberapa skim insentif telah ditawarkan kepada industri yang berkenaan misalnya taraf perintis dengan pengecualian cukai 100% selama lima tahun. Elaun cukai pelaburan atau *investment tax allowance* 60% bagi modal perbelanjaan lima tahun. Pakej galakan istimewa atau *customize incentive* bagi projek-projek pelaburan strategik. MATRADE juga menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara di Amerika Utara, Eropah dan Asia Barat yang merupakan pengeksport modal utama dan berteknologi tinggi.

Selain daripada itu, misi projek spesifik dianjurkan bagi menarik pelaburan asing di dalam sektor berteknologi tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Usaha-usaha yang lain termasuk menumpukan *industry advisory* panel untuk mengenal pasti *growth industries* dan menganjurkan *specific industry* seminar yang khusus bagi industri-industri yang berpotensi di negara-negara yang diperkenalkan. Baru-baru ini, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas kabinet untuk memproseskan permohonan pelaburan yang strategik khususnya berteknologi tinggi secara *fast track*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini di bawah INP 3 iaitu untuk tempoh masa 2006 dan 2020, sasaran pelaburan di dalam sektor E&E adalah berjumlah RM82.4 bilion dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 7.2%. Di antara teras strategik yang telah dikenal pasti bagi mencapai ini termasuk membangunkan lagi subsektor semi kontraktor. Memperdalamkan dan memperluaskan pembangunan rantai nilai bagi industri ICT. Mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan reka bentuk dan menyediakan sumber tenaga yang inovatif dan mempunyai kemahiran yang tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memang kita ada banyak insentif, langkah-langkah yang baik untuk menggalakkan pelaburan asing atau FDA ini. Tetapi dengan unjuran ekonomi USA ini, kelak akan menjadi lembap dan juga ekonomi dunia ini akan menjadi perlahan dalam suku tahun yang akan datang. Bagaimana kita akan menarik atau mempertahankan lagi pelaburan-pelaburan daripada asing, khususnya untuk sektor E&E.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kita tahu, sektor E&E adalah merupakan lebih kurang 55% daripada jumlah eksport kita. Pasaran yang paling besar sekali ialah pasaran Amerika Syarikat. So, apakah langkah-langkah yang drastik mesti diambil oleh kementerian untuk mengekalkan ataupun sekurang-kurangnya mengekalkan jumlah eksport kita, nilai eksport kita dalam sektor ini supaya perniagaan-perniagaan di Malaysia ini dapat dipertahankan. Saya hendak tahu, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, dalam tiga tahun kebelakangan ini, eksport E&E semakin meningkat di negara kita. Misalnya pada tahun 2003, eksport E&E adalah USD55.5 bilion. Tahun 2004, anggaran ini telah dinaikkan kepada RM63.5 bilion. Pada tahun 2005, USD69.8. Namun begitu, kita tidak dinafikan ekonomi US akan mengharukan eksport E&E kita. Ini memang adalah satu masalah yang dihadapi bukan oleh negara kita, tetapi di seluruh negara. Khususnya mereka yang ekonominya bergantung pada eksport dan *manufacturing*, pembuatan. Walau bagaimanapun beberapa tindakan telah pun diambil oleh kerajaan kita untuk meningkat lagi daya saing di sektor industri pembuatan kita. Ini termasuk insentif dan juga beberapa jawatankuasa daya saing ditubuhkan di peringkat Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Seperti yang saya sebutkan dalam jawapan saya, insentif untuk menggalakkan pelaburan berteknologi tinggi pun telah diadakan semasa ini. Sekian, terima kasih.

7. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan :-

- (a) status rundingan semula perjanjian Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) dan implikasi kepada kedudukan kewangan masa depan Tenaga Nasional; dan
- (b) apakah kerajaan tidak bercadang membuka penghasilan tenaga alternatif seperti suria, nuklear dan sebagainya dan membuka kepada persaingan terbuka seperti telekomunikasi yang banyak memberi manfaat kepada pengguna.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan mengenai status rundingan semula perjanjian penjualan tenaga atau *Power Purchase Agreement (PPA)* dengan izin dengan pihak penjana bebas atau IPP dengan izin, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa penyelesaian yang sedang dirundingkan adalah untuk mengadakan perjanjian tambahan, *supplementary agreement* kepada PPA sedia ada yang telah dimeterai di antara TNB dan IPP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permatang Pauh, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bersama-sama dengan suruhanjaya tenaga telah pun memulakan rundingan dengan IPP untuk mendapatkan persetujuan ke atas prinsip-prinsip perjanjian tambahan itu.

Setakat ini pihak IPP telah memberi maklum balas positif terhadap prinsip-prinsip perjanjian tambahan yang dicadangkan. Proses rundingan ini di jalan secara berterusan dan akan diteruskan sehingga penyelesaian yang berbentuk *win-win* dengan izin dapat dicapai supaya dapat menjaga kepentingan semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa negara ini tidak boleh terus bergantung pada sumber bahan api fosil seperti minyak, arang batu dan gas sebagai sumber bahan api penjana elektrik memandangkan sumber ini semakin susut dan tidak boleh diperbaharui. Tambahan pula harga bahan api fosil tertakluk kepada harga pasaran yang sentiasa berubah dan semakin meningkat dari setahun ke setahun. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah memperkenalkan dasar lima bahan api pada tahun 2000 untuk mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil sebagai sumber bahan api penjana elektrik. Melalui dasar tersebut kerajaan telah menetapkan tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* (RE) sebagai salah satu daripada sumber bahan api bagi penjana elektrik selain daripada gas, arang batu, hidro dan minyak.

Sumber tenaga boleh diperbaharui yang telah dikenal pasti berpotensi untuk dijadikan bahan api penjana elektrik termasuklah *biomass*, sisa buangan perbandaran dan hidro mini dan tenaga suria. Bagi melaksanakan dasar tersebut, kerajaan telah memperkenalkan *Small Renewable Energy Power Programme* atau SREP yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan loji jana kuasa RE bersaiz kecil dengan kapasiti maksimum sebanyak 10 mega watt. Pelaksanaan program ini dibuka kepada pengusaha-pengusaha yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak kerajaan belum bercadang untuk membuka sektor tenaga kepada pasaran terbuka seperti mana yang telah dilakukan kepada sektor komunikasi. Penyediaan perkhidmatan bekalan elektrik memerlukan pembangunan prasarana fizikal yang menelan kos yang tinggi serta keperluan *way lift* yang jauh lebih rumit untuk dilaksanakan berbanding dengan industri telekomunikasi yang menggunakan teknologi tanpa wayar atau *wireless* dengan izin serta *satelit*. Kerajaan perlu terus menyediakan keperluan-keperluan prasarana fizikal bagi sektor perkhidmatan bekalan elektrik pada masa ini.

Sekiranya sektor ini dibuka kepada pasaran terbuka pada masa ini, pihak swasta akan terpaksa mengeluarkan pelaburan modal yang tinggi bagi menyediakan prasarana fizikal yang masih belum tersedia. Kos pelaburan ini akan dicerminkan dalam kos perkhidmatan bekalan elektrik yang sudah tentu menjadi jauh lebih tinggi dari kos sedia ada. Pihak swasta juga akan hanya tertumpu di segmen pasaran yang memberikan pulangan yang lebih menarik seperti di kawasan bandar manakala keperluan rakyat di luar bandar tidak dipenuhi. Keadaan ini akan mewujudkan keadaan pembangunan yang tidak seimbang di antara masyarakat bandar dan luar bandar. Akhirnya, ini akan merugikan rakyat, di mana rakyat luar bandar akan terus ketinggalan manakala rakyat di kawasan bandar akan terpaksa membayar kos perkhidmatan yang lebih

tinggi. Struktur tenaga sedia ada yang berbentuk *vertically intergrated* dengan izin masih sesuai untuk industri pembekalan elektrik di negara ini.

Struktur ini mewujudkan subsidi silang dan *cross subsidy* dalam industri pembekalan elektrik yang memungkinkan para pengguna di negara ini menikmati tarif elektrik yang berpatutan. Dasar tenaga negara memberi jaminan kepada rakyat bahawa tenaga elektrik akan dibekalkan kepada rakyat pada harga yang berpatutan. Selain daripada itu, kita perlu berhati-hati dalam membincangkan isu mengenai persaingan terbuka dalam sektor pembekalan elektrik di negara ini. Ini adalah kerana modul pasaran terbuka pada masa ini adalah ditetapkan mengikut keperluan negara-negara maju yang mempunyai infrastruktur yang lengkap berbanding dengan negara-negara membangun seperti Malaysia. Oleh itu kerajaan belum bersedia untuk membuka pasaran pembekalan tenaga kepada persaingan terbuka demi menjaga kepentingan pengguna dan ekonomi negara. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab. Saya ingin bertanya dalam soalan susulan saya kerana yang dikatakan bahawa ada perjanjian tambahan IPP yang akan dipersetujui dan bagaimana kita harapkan apa yang dalam jawapannya itu adalah responsnya positif. Jadi saya hendak tanya dalam perjanjian ini adakah klausa yang '*take or pain*' dengan izin dalam perjanjian dengan khususnya *YTL Intent Power International* akan ditukar dan apakah sebab-sebabnya ianya dipersetujui *in first phase* dengan izin kerana ia adalah satu-satunya IPP yang di mana Tenaga terpaksa membayar dan mengambil 72% kapasiti tidak kira kos dan tidak kira keperluan.

Jadi dan juga dalam satu laporan, saya dapati bahawa ada kapasiti berlebihan 45% Tenaga kita yang sepatutnya disyorkan 25% sahaja dan dalam perjanjian-perjanjian yang dulunya apakah tidak diambil kira pendapat Tenaga Nasional sendiri apabila tidak memersetujui tentang perjanjian terutamanya dengan YTL tetapi diteruskan juga. Satunya juga dengan bagaimana dan mendapatkan tenaga alternatif apabila dikatakan bahawa Tenaga sekarang ini mendapat kesusahan untuk menjana dengan lebih murah lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Soalan yang (b) itu Tuan Yang di-Pertua, apakah insentif yang boleh diberi oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi supaya pengeluar tenaga alternatif dapat meningkatkan penyelidikannya? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab soalan (b).

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh sungguh panjang soalan tambahannya. Suka saya jelaskan berhubung dengan *supplementary agreement* ataupun perjanjian tambahan itu suka saya nyatakan di sini bahawa memandangkan pada hari ini kita masih lagi dalam peringkat perbincangan, maka tidak perlulah saya nyatakan

dengan terperinci apakah bentuk *supplementary agreement* yang akan kita ketengahkan nanti cuma setakat saya nyatakan bahawa tujuan utama diadakan *supplementary agreement* ini adalah untuk memastikan pihak Tenaga tidak dibebankan dengan kapasiti *charge* yang begitu banyak atau sebagainya manakala di masa yang sama tidak akan merugikan pendapatan bagi IPP yang setelah selama ini memberi perkhidmatan bekalan tenaga jana kuasa kepada Tenaga Nasional Berhad.

Manakala, apabila Yang Berhormat mengatakan apakah bentuk inisiatif yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka-mereka yang mengeluarkan tenaga elektrik atau bercadang untuk mengeluarkan tenaga elektrik daripada bahan *renewable*, kerajaan memberi tag inisiatif kepada mereka-mereka ini untuk membeli peralatan mereka ini dapat dikurangkan lagi kos bagi pembinaan *renewable energy* ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Boleh, tidak ada orang lagi, saya hendak bantu dia sahaja. Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Sekarang kita nampak itu IPP sudah membekalkan hampir 4,500 mega watt kepada TNB dan sebagainya dan adakah kapasiti ini akan ditambahkan lagi dan juga masalah nuklear. Apakah dasar sekarang untuk mengadakan nuklear generator di Malaysia ini dan masalah koordinator itu *cogenerators*, saya pun tidak begitu faham kerana di Malaysia ini dia ada banyak *cogenerators*, apakah masalah dengan *cogenerators*?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Suka saya jelaskan dari segi IPP, pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk memberikan mana-mana lesen baru kepada IPP sebagaimana Yang Berhormat ketahui bahawa *reserve margin* di negara kita pada hari ini adalah di sekitar 38% hingga 40% dan kerajaan menerusi kementerian ini bercadang untuk menurunkan *reserve margin* ini di sekitar 25% hingga 30% di masa yang akan datang dan berhubung dengan dasar nuklear, pihak kementerian ini pada masa ini dalam masa terdekat ini belum bercadang kerana negara kita masih lagi mempunyai bekalan elektrik yang cukup.

Walau bagaimanapun kita tidak menutup 100% akan dasar nuklear ini mungkin daripada jangka masa yang panjang kita akan menerima pandangan ini. Terima kasih.

8. Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh] minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian sedar penswastaaan penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Pantai Timur kepada 'Roadcare' sebenarnya menyebabkan syarikat ini hanya mengambil kira parit-parit di tepi jalan raya untuk pengaliran air hujan tanpa menyedari sebahagian besar parit dan longkang di tepi jalan raya juga digunakan sebagai sistem perparitan kampung-kampung dan perumahan di sepanjang jalan dan banyak kali menyebabkan banjir kilat. Apakah usaha kementerian mengatasi masalah ini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya menyedari bahawa skop pembersihan longkang

dalam program penswastaaan penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia di mana Syarikat Roadcare Sdn. Bhd. telah diberi konsesi di zon pantai timur adalah melibatkan longkang-longkang di tepi jalan, dengan izinnya *roadside drain* yang direka bentuk untuk mengalirkan air larian permukaan iaitu dengan izin *surface runoff*. Selain longkang tepi jalan terdapat juga parit monsun, di tepi dan yang dibina oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran.

Parit-parit ini adalah di bawah penyelenggaraan jabatan tersebut. Di samping itu sebahagian parit di tepi Jalan Persekutuan dalam kawasan bandar adalah di bawah tanggungjawab pihak kerajaan tempatan. Jabatan Kerja Raya telah pun mengenal pasti parit-parit yang berada di luar skop pembersihan. Program penswastaaan penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan pihak yang bertanggungjawab untuk menyelenggara parit-parit tersebut telah pun dimaklumkan. Saya berharap jabatan atau pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Keterah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Yang menjadi masalah kepada rakyat ialah apabila rakyat menghadapi masalah *blockage* ataupun banjir kerana parit ini hanya mengambil aliran air macam menteri kata tadi daripada *surface runoff* tetapi sebelum daripada penswastaaan berlaku, kebanyakan daripada parit ini adalah juga digunakan oleh orang kampung dan penduduk sekitar jalan itu adalah aliran air untuk mereka lari daripada kesesakan atau banyak sangat air, banjir. Bila kita mengadu kepada Roadcare, Roadcare tidak boleh buat sebab skopnya adalah kecil. Bila kita mengadu pula kepada JPS, JPS pula mengatakan ini bukan kerja mereka.

Jadi soalan tambahan saya ialah apakah ada satu jawatankuasa yang ditubuhkan sama ada oleh JKR, atau oleh JPS atau oleh *local authority* yang membuat satu koordinasi antara jabatan-jabatan ini supaya sistem penswastaaan yang dilaksanakan oleh kerajaan ini tidak menjadi bahan ejekan kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang kita ada juga rundingan di antara Kementerian Kerja Raya dan jabatan tersebut yang saya sebut tadi. Walau bagaimanapun di kawasan-kawasan di mana Yang Berhormat sebut tadi ada juga masalah di mana kami boleh juga menghantar jurutera kita bersama dengan Jabatan Parit dan Saliran Air untuk mengatasi atau untuk menyiasat macam manakah perkara itu boleh dapat diselesaikan.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, hari Khamis lepas saya balik ke Pendang. *Exit* yang baru dibuat di Pendang, longkang dia didapati lebih rendah daripada sawah padi. Jadi saya hendak tahulah daripada Menteri dengan pengalaman sebagai menteri yang lama di JKR ini, macam mana agaknya air daripada lebuah raya ini boleh masuk ke sungai pada longkang itu lebih rendah daripada sawah padi. Sebab apabila kita pandu di lebuah raya saya dapati dekat Jambatan Pulau Pinang, di

tempat lebih raya yang sedang di*upgrade* kepada tiga lane, semua bertakung air. Ini kita hendak bawa kereta pun kadang-kadang 60 pun terbabas, nasib baiklah tidak ter*accident*.

Jadi bagaimanakah pandangan, pengetahuan dan pengalaman yang bijaksana daripada kementerian ini untuk mengatasi masalah ini – longkang lebih rendah daripada sawah padi. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh jadi kes yang istimewa. Apabila sahaja kita membina longkang, kita mengambil paras-paras sungai yang sedia ada. Selepas itu kita membina longkang di mana air daripada longkang ini disalurkan kepada longkang besar atau di sungai. Tetapi kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kami kena siasat.

9. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan hala tuju dan perancangan pihak kementerian mengenai kesaksamaan *gender*. Apakah mekanisme dan struktur pengurusan yang akan digunakan bagi melaksanakan dasar tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, kesaksamaan *gender* bermaksud lelaki dan perempuan mempunyai peluang yang sama rata untuk mencapai hak asasi manusia dan potensi masing-masing sepenuhnya ke arah menyumbang dan mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik. Dengan kata lain, lelaki dan perempuan dinilai secara sama rata oleh masyarakat dari segi kesaksamaan dan perbezaan peranan yang dimainkan oleh mereka berasaskan bahawa lelaki dan perempuan merupakan rakan kongsi yang saksama di rumah, di tempat kerja, di dalam komuniti dan masyarakat.

Menyedari dan memahami akan kepentingan kesaksamaan *gender*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat meletakkan pencapaian kesaksamaan *gender* sebagai salah satu objektif utama. Ke arah mencapai objektif ini, KPWKM mengambil tiga pendekatan utama iaitu:

- (i) mewujudkan perundangan dan dasar yang mesra *gender* serta menghapuskan segala bentuk undang-undang atau peraturan yang mendiskriminasikan *gender*. Sebagai contoh, pindaan kepada Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan bagi menjamin kesaksamaan *gender* menerajui pelaksanaan dasar 30% wanita di peringkat pembuat keputusan sektor awam dan mempelopori pindaan ke atas mana-mana undang-undang dan peraturan yang mempunyai unsur diskriminasi berasaskan *gender*;
- (ii) menjalankan aktiviti advokasi melalui kempen-kempen bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan kesaksamaan *gender*.

- Melaksanakan Konvensyen CEDAW - *Convention on Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* serta menjalankan kursus-kursus seperti literasi undang-undang dan kepekaan *gender*; dan
- (iii) melaksanakan program seperti memperkenalkan projek perintis *Analysis Budget Gender*. Program-program *gender main streaming*, dengan izin, serta pewujudan pangkalan data berasaskan *gender*.

Isu kesaksamaan *gender* adalah isu yang merentasi semua agensi, peringkat dan sektor. Justeru itu, untuk mencapai kesaksamaan *gender*, kerjasama dan komitmen daripada semua agensi dan peringkat pentadbiran adalah sangat penting. Untuk tujuan ini, Jawatankuasa Kabinet Kesaksamaan *Gender* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditubuhkan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi dalam menentukan hala tuju dan dasar yang menjurus kepada mencapai kesaksamaan *gender*.

Kementerian bertindak selaku penyelarasa keseluruhan dan *gender focal point*, dengan izin, yang dilantik di setiap kementerian dan agensi tertentu menjadi pegawai tumpuan bagi setiap kementerian dan agensi yang mereka wakili. Di peringkat negeri, KPWKM telah mewujudkan mekanisme pelaksanaan melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga yang dipengerusikan oleh Exco kerajaan negeri masing-masing.

MPWK diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Wanita di peringkat Pusat. Kerajaan melalui KPWKM juga menjalin kerjasama pintar dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau NGO untuk menjalankan program-program kepekaan *gender* dan pembangunan wanita. Untuk itu kerajaan telah menyediakan peruntukan bantuan khas sebanyak RM20 juta setahun kepada mana-mana NGO yang ingin menjalankan program termasuk program untuk mencapai kesaksamaan *gender*.

Seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2007 baru-baru ini, peruntukan bantuan khas kepada NGO telah dinaikkan kepada RM30 juta setahun untuk menjalankan program-program kepada kumpulan sasaran kementerian. Terima kasih.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Terima kasih setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya, setakat hari ini berapakah – ini sahabat saya senyum sedikit – sebenarnya saya ingin bertanya kerana saya memperjuangkan kaum wanita di negara ini juga. Setakat hari ini berapakah jumlah ataupun peratusan kaum wanita dalam semua bidang berbanding dengan kaum lelaki. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Buat setakat ini saya tidak ada statistik di tangan tetapi saya mohon untuk jawab secara bertulis kerana memang kita ada statistik dan banyak kali sudah dijawab di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu hari ini saya tidak bawa, *sorry*. Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebut tentang *gender*

budgeting. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan apa dia *gender budgeting* dan perkembangannya?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2003 pada bulan September 2002 telah mengumumkan cadangan memperkenalkan *budget gender* di Malaysia. *Budget gender* ialah bajet yang peka *gender* iaitu ia memenuhi keperluan dan kepentingan kumpulan penduduk yang berbeza. Aktiviti *budget gender* bukan mengenai bajet yang berasingan untuk perempuan. Ia mengambil kira perspektif *gender* dalam bajet negara supaya sumber diperuntukkan secara saksama bagi memenuhi keperluan yang berbeza antara perempuan dan lelaki.

Oleh yang demikian, bajet yang peka terhadap *gender* akan dapat memenuhi keperluan penduduk dan negara secara menyeluruh. Ia akan memastikan negara menggunakan potensi setiap penduduk dengan sepenuhnya. Mulai Jun 2005, selain memperkenalkan rangka contoh format bajet yang *responsive gender* dan memasukkan pernyataan *budget gender* ke dalam proses penyediaan bajet mulai tahun 2006 dan 2007. Sebuah menu yang mengandungi garis panduan dan prosedur praktikal untuk melaksanakan GRB telah diterbitkan. Di samping itu sekumpulan pegawai telah dilantik untuk melatih pegawai kerajaan yang lain mengenai teknik GRB. Sekian, terima kasih.

10. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Tenaga Nasional Berhad yang menyediakan bekalan tenaga elektrik kepada pengguna negara kita.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memastikan supaya Tenaga Nasional Berhad (TNB) berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada para pengguna. Ini jelas dapat dilihat semasa meluluskan kenaikan tarif kepada TNB baru-baru ini di mana kerajaan telah menetapkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh TNB bagi memastikan supaya mutu perkhidmatan TNB dapat dipertingkatkan. Antaranya ialah:

- (i) TNB dikehendaki mengambil langkah untuk meningkatkan keboleharapan bekalan tenaga elektrik;
- (ii) TNB dikehendaki menetapkan Piagam Pelanggan yang berasaskan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Service Network Agreement yang telah ditandatangani di antara TNB dengan pemaju-pemaju perumahan; dan
- (iii) TNB dikehendaki membayar pampasan dalam bentuk rebat kepada pelanggan sekiranya TNB gagal memenuhi Piagam Pelanggannya. Mekanisme pelaksanaan Piagam Pelanggan serta amaun rebat akan ditetapkan oleh kementerian setelah dikaji bersama dengan Suruhanjaya

Tenaga dan TNB. Pelaksanaan mekanisme ini akan dipantau oleh Suruhanjaya Tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu TNB bercadang untuk melabur hampir RM5 bilion setiap tahun dalam tempoh lima tahun akan datang bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan serta menaik taraf infrastruktur bekalan elektrik. Antara langkah-langkah yang akan diambil ialah:

- (i) melaksanakan Program Penggantian Aset;
- (ii) memperkenalkan Sistem Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA) untuk membolehkan pemulihan gangguan bekalan elektrik dilaksanakan dengan lebih pantas;
- (iii) melaksanakan projek-projek pengukuhan Sistem Penghantaran Elektrik seperti Central Area Reinforcement, Northern Area Reinforcement, Southern Area Reinforcement serta High Reliability Supply Putrajaya dan Cyberjaya.
- (iv) pembinaan *national load displace centre* yang baru, dan
- (v) pembaikan pulihan stesen-stesen jana kuasa TNB serta pembinaan loji-loji hidro

Di samping itu, TNB juga akan meneruskan pelbagai inisiatif bagi mempertingkatkan program perkhidmatan pelanggannya. Sebagai contoh, TNB akan memperkenalkan produk serta perkhidmatan berikut:-

- (i) pakej premium *power* untuk pengguna-pengguna kuasa besar (*large power consumer*) supaya para pengguna dalam kategori ini dapat menikmati bekalan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap pada harga berpatutan
- (ii) teman *advisory services* untuk pengguna iaitu perkhidmatan nilai tambah (*value added*) di mana TNB akan menyediakan perkhidmatan kepada pengguna untuk kerja-kerja pembaikan serta perundingan bagi pemasangan elektrik di premis pengguna melalui kaunter-kaunter perkhidmatan TNB serta *care line* TNB
- (iii) memantau dan mempercepatkan proses penyambungan bekalan elektrik kepada pengguna, dan
- (iv) mempercepatkan proses pemulihan semula gangguan bekalan elektrik.

Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh TNB adalah menjurus kepada peningkatan mutu perkhidmatan kepada para pengguna untuk mencapai dengan izin *excellent in customer services*. TNB turut menjalankan kajian indeks kepuasan pelanggan atau *customer satisfaction index* dengan izin yang diguna pakai secara menyeluruh untuk mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh TNB. Dari

keputusan kajian serta maklum balas dari pengguna langkah-langkah sewajarnya diambil bagi tujuan peningkatan mutu perkhidmatan TNB. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah menyediakan begitu banyak program untuk meningkatkan mutu perkhidmatan TNB. Tetapi saya tidak faham mengapa masih berlaku begitu banyak gangguan yang sering kali dikemukakan oleh wakil rakyat dari banyak kawasan di seluruh negara.

Soalan saya ialah adakah kementerian memantau keadaan gangguan bekalan elektrik di seluruh negara untuk memastikan sebab-sebab berlakunya gangguan bekalan ini dan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi bagi mengurangkan kekerapan gangguan bekalan elektrik. Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Untuk pengetahuan Yang Berhormat yang memantau gangguan bekalan elektrik adalah Tenaga nasional Berhad. Walau bagaimanapun kementerian ini sentiasa menerima laporan-laporan yang telah disiapkan oleh Tenaga Nasional Berhad berhubung dengan jumlah gangguan setiap bulanan bagi seluruh negara.

Maka daripada situ, kementerian menilai sama ada perkhidmatan mutu bekalan elektrik negara ini bertambah baik atau tidak dan sekiranya mutunya dilihat tidak mencapai tahap yang memuaskan, maka kementerian akan memberi nasihat dan pandangan kepada Tenaga Nasional berhad supaya terus meningkatkan lagi program-program yang perlu dilaksanakan untuk memastikan bekalan elektrik adalah berdaya harap dan dapat memberi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Apakah sebab-sebabnya gangguan itu yang telah dikenal pasti.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan tentang langkah-langkah yang diambil mungkin di peringkat yang lebih besar. Tapi saya ingin memfokuskan di sini di peringkat yang lebih kecil di mana saya mewakili rakyat luar bandar di mana sebelum ini jalan kampung diserahkan kepada kontraktor yang terbuka kemudian diserahkan balik kepada TNB.

Tetapi apa yang terjadi ialah TNB pun tidak dapat melaksanakan tugas-tugasnya dengan berkesan kerana apabila kita bertanya dia mengatakan bahawa bekalan tidak cukup. Kontraktor yang dilantik tidak dapat menjalankan tugas dengan subkontraktor yang dilantik tidak dapat menjalankan tugas dengan lebih baik dan ini menimbulkan masalah kepada penduduk di kawasan luar bandar. Apabila kita telah mengumumkan pemasangan lampu-lampu ini tetapi tidak dapat dijalankan oleh TNB yang memakan masa berbulan-bulan dan apabila kita bertanya

balik itulah masalah yang dihadapi dan saya mohon penjelasan, bagaimanakah yang dikatakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan TNB ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Sekijang, program pembekalan elektrik di luar bandar adalah di dalam bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Tetapi walau bagaimanapun kontraktor yang ditugaskan untuk memberi bekalan elektrik ini adalah Tenaga Nasional Berhad dan saya amat mengharapkan sekiranya Yang Berhormat dapat memberi kepada saya yang terperinci di kawasan mana yang dikatakan Tenaga Nasional Berhad gagal untuk membekalkan bekalan elektrik di kawasan bandar setelah mendapat kelulusan daripada kerajaan. Ini yang ingin saya supaya dapat saya fokus dan ambil tindakan secepat mungkin kerana sebagai mana yang saya ketahui pada hari ini tidak terdapat kawasan-kawasan yang mana telah diuruskan oleh kerajaan untuk mendapat bekalan elektrik di luar bandar tercicir dari segi mendapat bekalan elektrik.

Dan berhubung tadi Yang Berhormat bagi Tebrau kata apakah sebab-sebab berlaku gangguan ini saya ingin jelaskan kadang-kadang gangguan kecil ini berlaku kerana ada kerja-kerja mengorek seperti yang dilakukan oleh agensi-agensi lain dan mereka dengan tidak sengaja telah menyentuh kabel-kabel tertentu dan ini menyebabkan gangguan dan walaupun ia sebenarnya bukan kesilapan daripada pihak TNB, tetapi kerana apabila ada gangguan elektrik orang telah terus menuding jari kepada Tenaga Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad terpaksa mengambil tindakan sewajarnya untuk memulihkan bekalan elektrik di tempat-tempat yang berkenaan.

Inilah perkara-perkara yang sering berlaku apabila terdapat berlaku gangguan bekalan elektrik kerana bagi kita di semenanjung sebenarnya bekalan elektrik kita memang mencukupi malah *reserve margin* kita begitu besar 38%. Jadi tidak ada sebab mengapa kita tidak mendapat bekalan elektrik yang secukupnya kecuali kerana kadang-kadang aset-aset yang digunakan oleh Tenaga ini telah agak lama dan perlu diperbaharui. Sebab itu dengan ada kenaikan baru-baru ini saya yakin Tenaga Nasional Berhad sebagai mana yang saya nyatakan juga Tenaga Nasional Berhad akan berbelanja lebih kurang RM5 bilion setiap tahun untuk lima tahun yang akan datang ini untuk memastikan mutu *maintenance* bekalan elektrik di negara kita ini akan bertambah baik di masa akan datang. Terima kasih.

11. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan peranan serta langkah-langkah kementerian dalam membentuk suatu acuan agar pembangunan negara menjadi agenda belia.

Timbalan Menteri belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan menyedari betapa pentingnya generasi belia merupakan sumber terbesar dalam negara dan mereka berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan

negara. Keupayaan untuk mengerak tenaga belia akan menentukan kekuatan dan ketahanan pembangunan sosial, ekonomi dan politik.

Peranan utama yang dimainkan oleh kementerian ini dalam membentuk satu acuan agar pembangunan negara menjadi agenda belia dapat dilihat apabila kementerian ini memperkenalkan Dasar Belia Negara pada tahun 1985 yang kemudiannya dikaji semula pada tahun 1997 dan dikenali sebagai Dasar Pembangunan Belia Negara. Dasar ini wajar dilihat sebagai satu garis panduan utama dalam pembangunan belia ke arah merealisasikan matlamat pembangunan negara. Dasar ini memberi penekanan kepada tujuh strategi utama yang akhirnya menjurus kepada matlamat pembangunan negara iaitu

- i) pembangunan ilmu
- ii) pembangunan sikap
- iii) pembangunan kemahiran dan keusahawanan
- iv) pemupukan gaya hidup sihat
- v) kemudahan interaksi sosial
- vi) perkongsian dalam pembangunan, dan
- vii) jaringan hubungan antarabangsa.

Bagi memperkukuhkan dan memperkemaskan dasar tersebut, kementerian ini juga telah mengambil langkah dalam menyediakan satu pelan terperinci dan berjangka panjang khususnya untuk memperkasakan belia Malaysia pada masa akan datang selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kesembilan dan pelan tersebut dinamakan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2004.

Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional disediakan dengan matlamat ke arah melahirkan masyarakat belia Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Pelan yang berasaskan 11 teras pembangunan utama dalam agenda pembangunan belia di negara ini mempunyai dua objektif utama iaitu menyediakan satu pelan pembangunan belia nasional yang menyeluruh dan berjangka panjang sehingga tahun 2020.

Yang kedua, menyediakan pelan tindakan jangka pendek dengan memberi empat tumpuan utama iaitu pengunggulan Program Rakan Muda, mengupayakan pertubuhan belia, menangani keperluan golongan belia tidak berpersatuan dan memantapkan keupayaan Kementerian Belia dan Sukan.

Kesemua hasrat dasar dan pelan tersebut diterjemahkan ke dalam bentuk program dan aktiviti belia yang dilaksanakan sama ada oleh agensi-agensi di bawah kementerian mahupun oleh pertubuhan-pertubuhan belia di pelbagai peringkat.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, seramai 122,616 orang belia telah diberi latihan kepimpinan di pelbagai peringkat. Seramai 16,670 orang belia diberi latihan kemahiran. Seramai 42,663 orang belia mendapat latihan keusahawanan manakala 1.3 juta orang belia terlibat dalam Program Rakan Muda. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah setakat itu sesi jawab lisan.
[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah- buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” **[14 September 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Jabatan Perdana Menteri untuk memulakan jawapan. Silakan.

11.31 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar Bajet 2007 dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu amat dihargai.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat bagi Tebrau sangat prihatin mengenai dana kutipan bantuan tsunami yang telah membangkitkan sama ada berlaku ketirisan dalam pengurusannya. Saya ingin membaca surat daripada Ketua Audit Negara berkenaan perkara yang dimaksudkan, di mana beliau telah menulis surat pada 8 September kepada Yang

Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak selaku Pengerusi Tabung Tsunami Negara. Dia telah mengatakan iaitu bahawa, saya ingin memaklumkan bahawa laporan akhbar yang mengatakan

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ... saya mendakwa terdapat lebih bantuan bencana tsunami berjumlah RM6.7 juta tidak dikembalikan oleh agensi pelaksana kepada Perbendaharaan Malaysia adalah kurang tepat...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dan mengelirukan. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Sri, apa yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2005 adalah lebih wang Tabung Bantuan Bencana Negara bukan tsunami.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya tidak bercadang untuk memberi jalan sebab saya ada 80 muka surat. Kalau ada apa-apa hal tolong tanya dalam waktu Jawatankuasa atau tulis kepada saya. Lebih wang tabung bantuan bencana negara berjumlah RM6.7 juta yang masih disimpan oleh agensi pelaksana atau tidak digunakan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk tujuan yang dinyatakan dalam surat kuasa berbelanja yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Jumlah tersebut adalah tidak termasuk wang Tabung Bantuan Bencana Tsunami, ini yang penting. Malangnya pihak akhbar telah menyalahafsirkan maksud teguran saya terhadap lebih Tabung Bantuan Bencana Negara dengan melaporkan sebagai lebih Tabung Bantuan Bencana Tsunami. Kemudian Tan Sri Auditor General juga telah mengatakan laporan akhbar yang menyatakan bahawa saya telah melaporkan berlakunya salah guna *misuse* wang Tabung Bantuan Bencana Tsunami juga adalah kurang tepat.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Sri, apa yang saya bangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2005 adalah wang bantuan bencana tsunami tidak diuruskan dengan teratur menyebabkan berlakunya kes seperti peralatan yang dibekalkan tidak sama dengan yang dipesan. Peralatan yang dibeli tidak digunakan, rumah yang dibina lewat disiapkan dan tidak berkualiti. Jadi ini menunjukkan bahawa, dia memberi penjelasan bahawa tidak berlaku ketirisan dalam menguruskan wang tabung tsunami negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mempersoalkan tentang hala tuju kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat tersebut berhak mempunyai pandangan tersebut, tetapi kerajaan tidak bersetuju sama sekali dengan pandangan tersebut. Malah kerajaan percaya bahawa hala tuju pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah jelas dan betul seperti yang tertera dalam misi nasional,

Rancangan Malaysia Kesembilan dan pelbagai ucapan dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pandangan Ahli Yang Berhormat tersebut mungkin lahir daripada sebab politik, lebih daripada sebab-sebab yang lain. Komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menepati janji-janji pilihan raya tetap teguh dan kukuh.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi usaha untuk mencapai matlamat tersebut tidak akan membuahkan hasil dalam sekelip mata.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, dalam persekitaran yang mencabar ini, negara tetap menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam aspek-aspek yang dinamakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seperti pertumbuhan ekonomi, pembangunan modal insan, pengurangan kadar kemiskinan, peningkatan kualiti hidup, penambahbaikan keupayaan pelaksanaan dan pelbagai lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini seharusnya diiktiraf oleh mereka yang benar-benar adil pendiriannya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat. Mana satu Peraturan Mesyuarat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh berdiri, mahu minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, tak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa tak? Adakah hilang kawalan, Perdana Menteri kata di Havana, tidak hilang kawalan. Adakah Yang Berhormat hilang kawalan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa-apa juga yang boleh ditanya, tanya saya nanti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini spesifik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini saya menjawab berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan dalam perbahasan minggu lepas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, adakah ini menunjukkan sudah hilang kawalan? Itu penjelasan yang tidak bererti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mempersoalkan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2004 untuk membina perkhidmatan yang cemerlang.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk makluman Yang Berhormat, disiplin yang kukuh dan sikap berjimat-cermat untuk mencapai keseimbangan bajet merupakan pendekatan bagi mengukuhkan ekonomi domestik dari ancaman persekitaran.

Seorang Ahli: Hilang kawalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduk, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pendekatan ini dititikberatkan semasa pembentangan Bajet 2004 di mana agensi kerajaan disasar dikurangkan dari 54% Keluaran Dalam Negara Kasar....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *One way*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada Peraturan Mesyuarat. Mana satu Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan Mesyuarat dalam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam mana satu?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dalam buku ini. Tuan Yang di-Pertua, adakah dalam sejarah Parlimen ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Yang Berhormat, kata ada Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak ada?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pendekatan ini dititikberatkan semasa pembentangan Bajet 2004.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(12).

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Di mana defisit kerajaan disasarkan dikurangkan dari 54% Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2003.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, duduk sekejap. Saya nak dengar apa Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk ke, Tuan Yang di-Pertua suruh?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk, duduk!.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa suruh duduk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ok.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(12), Menteri ini memesongkan Dewan.

[Dewan riuh]

Memesongkan Dewan apabila memberi angka-angka mengenai tsunami tadi. Saya mahu dapat tahu daripada dia di mana dia dapat angka-angka itu, dia memesongkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, Menteri jawab sekarang.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak bangkit tentang angka pun jadi dia tak betul.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Memesongkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kata Menteri dia tak sebut angka.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak sebut angka.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tadi ada, ada tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tak dengar tadi, saya tak sebut angka. Saya memberitahu tentang jawapan daripada Ketua Audit Negara mengatakan bahawa apa yang dilaporkan tidak benar, angka tidak ada. Dia pekak, dia tidak dengar, dia duduk diam lebih baik.

[Dewan bisung]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dan sama ada Menteri nak berikan laluan ataupun tidak terpulung kepada Menteri, saya tidak ada kuasa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya punya, itu saya punya hak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, silakan, teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Susahnya dia tak

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ini dah hilang kawalan ni, hilang kawalan dah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia kurang ajar, dia bercakap, dia duduk, dia kurang ajar. Kerajaan telah memutuskan bahawa

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: "Kurang ajar" itu tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order, Point of Order* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dah cukup tu. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: pengurangan defisit ini hendaklah dilakukan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Justeru sasaran untuk mencapai keseimbangan bajet telah diubahsuai kepada sasaran untuk mencapai pembangunan pengurangan defisit secara beransur-ansur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Alhamdulillah defisit bajet telah dapat dikurangkan kepada 4.3% pada tahun 2004 dan 3.8% pada tahun 2005.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kawal dia Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pada tahun 2006 pula, kerajaan mensasarkan defisit tetap 3.5%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kawal dia, kawal dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa Peraturan Mesyuarat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Peraturan Mesyuarat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa? Baca Peraturan Mesyuarat dulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sangkaan jahat tadi menggunakan perkataan "kurang ajar".

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa? Dia guna sama saya, dia berucap.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(4), 36(4).....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dahulu dia berucap pun dia cakap saya itu macam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat baiklah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang menggunakan perkataan kurang ajar tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa Yang Berhormat punya pandangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pandangan tidak payah gunalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tarik baliklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini merupakan tahap yang setanding dengan defisit negara-negara maju yang lain. Pada masa akan datang kerajaan akan terus berusaha untuk mengurangkan defisit bajet negara secara beransur-ansur mengikut persekitaran ekonomi serantau dan dunia.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Gelugor dia sudah bersetuju tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam laporan bertajuk2007 iaitu satu kajian mengenai masa dan kos untuk menjalankan perniagaan di sebuah negara bank dunia telah mengekalkan kedudukan Malaysia di tangga ke 25.....

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: *Out of control.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:kepada 170 negara yang dikaji. Apa yang lebih menarik prestasi Malaysia lebih baik berbanding dengan negara-negara lain seperti Taiwan, China dan Indonesia. Walaupun begitu laporan tersebut juga mengutarakan beberapa aspek yang boleh ditambah baik.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik. Yang Berhormat Menteri, Menteri, Menteri.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini termasuk mengurangkan kerenah birokrasi dan kadar cukai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sesungguhnya penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam merupakan agenda penting kerajaan demi mencapai Misi Nasional dan seterusnya membangunkan Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:sebagai sebuah negara yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Menteri rehat rehatlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rehat sekejaplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk rehat sekejaplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tahu peraturan apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak dengar apa Yang Berhormat Bukit Gelugor hendak cakap. Duduk, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay. Yang Berhormat suruh duduk eh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha tidak apa okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah cukup cukup.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya sudah jadi gila hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hendak cakap Yang Berhormat? Apa hendak cakap?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:...36(4) dia menggunakan perkataan 'kurang ajar' tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah dia tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi dia sudah meminta pandangan saya, saya kata tidak sesuai untuk gunakan perkataan itu dia bersetuju tarik balik, dia sudah tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya ada dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. *You* pekak, *you* punya pasallah apa saya peduli. *You* pekak *you* punya pasallah saya sudah cakap.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa *you* pakai itu *guide*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik baik....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia pekak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa saya.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia pekak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhirlah. Tadi Yang Berhormat telah bersetuju tarik balik perkataan itu betul?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kata susah mahu cakap dengan dia sebab dia bercakap dia duduk sebab itu saya kata dia 'kurang ajar' itu sahaja tidak ada apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik tidak apa itu tadi atas nasihat saya pandangan saya tidak sesuai Yang Berhormat bersetuju tarik balik perkataan itu, betul?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lebih kurangnya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tarik balik itu perkataan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Dia pekak apa?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua adakah dia tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia sudah bersetuju tarik balik?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan bersetuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walaupun begitu laporan tersebut juga mengutarakan beberapa.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia adakah tarik balik? Dia kena tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...aspek yang boleh ditambah baik. Ini termasuk mengurangkan kerenah birokrasi dan kadar cukai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Menteri, Menteri.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sesungguhnya penambahbaikan serta penyampaian perkhidmatan awam merupakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk memudahkan kita semualah, jadi tidak payah membenarkan laluan tetapi bolehkah Yang Berhormat kata semula tarik balik perkataan 'kurang ajar' itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada, tidak ada tarik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tarik balik!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha? Tidak ada saya bukan kata dia kurang ajar saya kata kalau bercakap duduk kurang ajar itu bukan.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah baiklah. Untuk memudahkan kita semualah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kerajaandan seterusnya membangun Malaysia sebagai sebuah negara maju.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua adakah dia tarik balik? Tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Justeru kerajaan telah memperkenalkan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kawal dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan telah juga menyusun strategi-strategi tertentu untuk mengukuhkan keupayaan institusi dan sistem pelaksanaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya mintalah untuk membenarkanlah itu perkataan tarik baliklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa? Dia panggil dia cakap dia 'kurang ajar' jawab Tun Mahathir boleh, saya cakap dia tidak boleh. Apa hal?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, tidak apa. Itu yang lepaslah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia besar sangat ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hari inilah kita mulai hari inilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ah! tidak ada hari itu pun saya tidak minta tidak ada apa ini dalam kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak minta *you* punya pasallah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Orang lain tolong diam berikan peluang kepada saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Orang lain itu boleh bersopan santun, itu dia tidak sopan santun langsung hendak ajar saya tentang perangai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya akan bersetuju dengan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat tidak berikan laluan ini kuasa Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya! kuasa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi permintaan tadi yang bangkitkan....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya! Kalau dia boleh cakap saya 'kurang ajar' sama Tun Mahathir apasal dia tidak bercakap sama dia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hormat sedikit, hormatlah sedikit kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia pekak ke dia ingat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua bolehkah dia tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sini lebih besar sinilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada tarik balik saya mahu baca.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua yang lebih besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak hendak saya tidak hendak tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam Dewan dia boleh cakap saya boleh cakap! Apa dia ingat besar ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia Ahli Parlimen biasa saya Menterilah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang saya

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Lagi satu *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sedang berucap Yang Berhormat Yang Berhormat Bukit Gelugor. Tolong hormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Habis Menteri pun tidak hormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kenyataan bahawa kedudukan Malaysia menurun dalam indeks

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau mahu cakap bangun tidak mahu cakap duduk. Ha hendak cakap bangun sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:adalah kurang tepat. Sebenarnya pada tahun 2004 Malaysia berada di tangga ke 39.

[Dewan riuh]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. Saya bangun, peraturan mesyuarat

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Daripada tahun 2005 pula Malaysia berada di tangga ke 39 dari 359 negara dengan skor 5.1. Kedudukan Malaysia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah itu, itu saya.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua apa peluang mengambil tindakan ke atas dia. Tidak mengikut arahan Tuan Yang di-Pertua tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa. Yang Berhormat, Yang Berhormat saya mintalah untuk memudahkanlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Halau dia keluar daripada Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkataan yang digunakan itu memang tidak sesuai, memang tidak sesuai jadi kita tarik baliklah. Yang Berhormat tarik baliklah. Dan kalau sesiapa.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia, kalau dia pakai lagi, kalau dia pakai lagi dia akan diarahkan keluar.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua tarik balik, tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Sebab keputusan saya sudah buat, keputusan saya sudah buat. Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat tarik balik ini 'kurang ajar'.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tarik balik! Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay sudah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betullah mahu tarik balik apa? Saya kena tarik balik dia 'kurang ajar' itu perkataan saya guna. Saya tarik balik perkataan dia 'kurang ajar'. Habis.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua itu bukan tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa tarik balik? Mahu tarik balik apa? Mahu tarik balik apa?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tarik balik perkataan itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tarik balik kata 'you kurang ajar'.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri 'kurang ajar'.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri 'kurang ajar' Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 'You kurang ajar', 'you kurang ajar' apasal Menteri. Ha tengok dia pula guna 'Menteri kurang ajar'.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 'Menteri kurang ajar'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak perlu tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 'Menteri kurang ajar' Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia sendiri 'kurang ajar' saya tidak apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak apa Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Orang panggil saya gengster ke saya tidak peduli.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua Menteri ini 'kurang ajar'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jadi sekarang....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia duduk bercakap dia kurang ajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat katakan dan menggunakan. Ha Yang Berhormat sudah gunakan juga ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ah! tidak ada apa-apa.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 'Menteri kurang ajar'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat sendiri hendak juga pakai gunakan perkataan itu jangan tuduh kepada orang lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua 'Menteri kurang ajar'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Namun begitu daripada analisis berdasarkan *percentage* kedudukan negara telah bertambah baik kerana jumlah negara yang dikaji pada tahun 2005 adalah 151 negara berbanding 114 pada tahun 2004.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan mesyuarat 44 (2). Pengerusilah hendaklah memerintah mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh ialah *disorderly* apa Yang Berhormat Menteri berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat. Dan kelakuan beliau menghina Majlis Mesyuarat tadi apa yang berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak apa saya jawab, saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *point of order*, nantilah dahulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya menjawab saya marah dia pun cakap saya.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya masih dalam *point of order* lah. Bukan dia oleh kerana jaga Parlimen tidak ada peraturan mesyuarat lagi. Bukan dia atas peraturan mesyuarat dia di bawah peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya saya membangkit perkara Peraturan Mesyuarat 44(2) oleh kerana Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri berkelakuan tidak senonoh *disorderly* dan *contempt on the house* dan oleh kerana sampai sekarang saya percaya

tidak ada seorang sama ada di sini atau Barisan Nasional tahu apa dia jawab. Dia *bullet train*. Bukannya *bullet train* apa guna jawab sini kalau begitu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia bising mana mahu dengar!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...letak sebagai jawab bertulis. Kita mahu dengar, semua dengar....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sendiri bikin.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Public gallery* mahu dengar bukan satu *bullet train* di sini, nanti....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mahu dengar *you* duduk diam. *You* mahu dengar suara saya *you* duduk diam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh dia, dia ganggu saya. Mana boleh dia ganggu saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham, Yang Berhormat saya faham apa yang dikatakan oleh Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan saya belum habis. Berdiri atas peraturan mesyuarat itu hak saya sehingga saya habis...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini hak saya menjawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri perlulah duduk Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengarahkan beliau duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, boleh. Saya akan buat satu keputusan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau ini pun tidak ada kuasa nampaknya pagi ini Tuan Yang di-Pertua hilang kawalan. Ini macam satu zoo sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tuduhan jahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu apa yang berlaku *disorderly* dan tidak patut berlaku. Kita di sini mahu dengar. Saya percaya Yang Berhormat Menteri ada buat persiapan panggil banyak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah hujah, tidak payah hujah, tidak payah hujah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu dengar dan kita mahu dengar supaya kita mahu faham. Saya pun mahu dengar. Sampai sekarang pada permulaan tidak ada orang tahu apa dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh kah kita bermula dengan

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* bising bukan saya punya salah. *You* bising.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:supaya tidak hilang. Mana boleh ganggu saya duduk. Saya tidak hilang kawalan.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hak saya menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup saya buat keputusan, saya buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi dia ucap *bullet train* Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor, *I think it's a laughing stock* tidak pernah berlaku dalam sejarah Dewan yang mulia ini. Bolehkah kita bermula semula supaya kita dengar apa dia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri pun tidak ikut peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya kata tidak hilang kawalan bukan saya belum habis. Saya hilang kawalan. Saya tidak mahu dengar kita menghormati jawapan itu sebab itu kita mahu faham kita mahu dengar sampai sekarang tidak ada seorang pun tahu apa dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat cukup, cukup, cukup.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timor yang mengemukakan usul itu saya memang sendiri faham. Akan tetapi semasa saya hendak buat *ruling* semasa saya hendak menasihatkan Menteri juga Yang Berhormat di sini ambil kesempatan. Jadi siapa hendak dengar? Jadi sekarang sebelum saya boleh meminta Yang Berhormat Menteri tarik balik perkataan yang digunakan itu Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor juga gunakan perkataan yang sama terhadap Menteri. Jadi saya fikir dalam keadaan ini saya hendak minta Menteri teruskan jawapan. Dan sama ada Menteri punya jawapan boleh memuaskan Yang Berhormat ini terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Namun begitu jika di analisis berdasarkan *percentage* kedudukan negara telah bertambah baik kerana jumlah negara yang dikaji pada tahun 2005 adalah sebanyak 159 negara berbanding 140 buah negara dalam tahun 2004.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua adakah kita tahu apa Yang Berhormat Menteri jawab tadi, apa dia jawab kalau dia betul tidak tahu, semua orang tidak tahu, saya mahu tahu, sebab kita mahu input.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Malaysia juga berjaya meningkatkan skornya sebanyak 0.1 mata pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 2004. Ini menunjukkan bahawa persepsi terhadap ketulusan dan integriti pentadbiran negara semakin tinggi.

Yang Berhormat bagi Kepong mempersoalkan bagaimanakah kerajaan dapat merangsang semua rakyat ke arah pencapaian misi nasional. Sebenarnya misi nasional merupakan satu rangka kerja bagi agenda pembangunan negara bagi tempoh 15 tahun akan datang. Misi nasional memperkenalkan lima teras utama serta langkah-langkah utama yang harus diambil supaya negara dapat menjadi negara maju dalam tahun 2020.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu tak gunalah kita duduk tak tahu apa dia jawab. Tak mahu layan orang.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Kepong faham, Kepong faham. DAP keluar, Kepong faham.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat [*Mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat*]

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun dan Membantah*] [*Dewan semakin bercelaru*] [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sokongan padu dan usaha gigih segenap lapisan rakyat Malaysia diperlukan. Menyedari hakikat ini kerajaan telah melaksanakan beberapa

Seorang Ahli: *Lost control* [*Dewan cukup bising*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, kalau hendak dengar duduk. Tak mahu dengan boleh keluar. Boleh pilih Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagi jawapan bertulislah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Rakyat benar-benar faham tentang kepentingan misi nasional sebagai *road map*, pembangunan negara serta motivasi dan strategi di sebalik misi nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, jawapan daripada Menteri saya tidak boleh buat apa-apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memastikan dasar-dasar dan program yang dilaksanakan umpamanya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat bercakap. Macam mana mahu faham.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: yang dilaksanakan di bawah RMK-9 dan rancangan-ancangan Malaysia yang seterusnya adalah relevan dan konsisten dengan misi nasional dan ketiga memastikan program-program yang dilaksanakan di bawah RMK-9 dan rancangan-ancangan Malaysia yang seterusnya memberi manfaat kepada rakyat yang ingin

mengekalkan kualiti hidup serta tahap ekonomi rakyat apabila rakyat dapat menikmati manfaat tersebut, maka mereka akan lebih bermotivasi dan akan mempertingkatkan usaha

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada 44(2) – kalau mereka ini masih berdegil-degil, keluarkan.

Beberapa Ahli: Keluarkan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Keluarkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak guna duduk dalam, minta dia orang keluar.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun] [Membantah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Tak payah, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta mereka ini keluar.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Keluar. Keluar. Keluar. Keluar. Keluar. Keluar. Keluar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Keluar. *Get out. Get out. Get out.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Cukuplah, cukup. Jasin, Labuan duduk.

Beberapa Ahli DAP: *[Bangun dan meninggalkan Dewan]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kerajaan yakin bahawa rakyat Malaysia akan terus memberi sokongan padu dan berusaha gigih untuk memastikan pencapaian nasional pencapaian Wawasan 2020.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tetap dengan apa yang telah diperkatakannya mengenai menantunya Khairy Jamaludin dalam wawancara tersebut bahawa Khairy tidak mempengaruhi keputusan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat dalam urusan pentadbiran negara. Sekiranya maklum balas Khairy diperlukan, ia adalah berdasarkan keadaan kapasiti beliau sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan bukan sebagai ahli keluarga Yang Amat Berhormat.

Tindakan kerajaan meluluskan penjualan saham Parkway Holding tidak menjejaskan kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana segala keputusan sama ada berkaitan penjualan atau pembelian saham Parkway Holding dibuat dengan mengambil kira kepentingan negara. Sehubungan ini tindakan Khazanah Nasional.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Beberapa Ahli : Peraturan Mesyuarat apa? Apa lagi?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Apa itu?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya tak dengar apa yang dia cakap. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dia bukan satu Menteri yang berhak untuk duduk dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, ini anggapan Yang Berhormat. Sangkaan jahat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tak, bukan anggapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, saya bukan dia. Dia tidak ada hak..... Sehubungan dengan ini tindakan Khazanah Nasional Berhad baru-baru ini dalam urusan niaga Parkway Holding yang membabitkan penguasaan dalam Pantai Holding Berhad adalah semata-mata berasaskan pasaran dan tidak ada langsung unsur membetulkan kesilapan atau menyelamatkan bela izin.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. *Point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Adakah sama?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang sama.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan sama, berlainan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat Menteri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri duduk. Duduk. Duduk. Duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Apa standing order?*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk. Duduk. Duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mahu dengar *standing order* dahulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk dahulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk tak ada.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, no*, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Urus niaga berkenaan dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak kerana ia memberikan manfaat kepada kedua-duanya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa, Yang Berhormat yang mana satu?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat Menteri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Tak apa. Tak apa. Duduk. Duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Peraturan apa dahulu? Saya sudah tahu dia main-main sahaja.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Tak apa. Tak apa. Duduk dahulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : *No. No.* Yang Berhormat duduk dahulu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak boleh suruh dia duduk sebab dia tak boleh jalan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk, duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 44(3) – minta keluar. Orang tak nak dengar duduklah tunggu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(12) – dia memesongkan Dewan dengan apa yang dia katakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, tadi sudah cakap banyak kali.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Memesongkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia buang masa lah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia memesongkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Kalau dengan cara ini tidak ada orang boleh jawab Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kubang Kerian membangkitkan isu semasa yang menjejaskan kewibawaan dan pertimbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Ipoh Timor pula mempersoalkan tentang pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam temu ramah di TV3 dan penyampainya ialah Suhaimi Rejab pada 15 Ogos 2006 berkaitan KTMB, SCOMI Berhad.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Peraturan Mesyuarat yang mana satu?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang mana satu?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi dia pun tak bagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, yang mana satu Peraturan Mesyuarat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bangkit, dia pun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat Menteri.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sudah. Sudah. Dia penipu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Benda yang samalah Tuan Yang di-Pertua.

Dia tipu kita semua.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: DAP tipu. DAP penipu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya tidak ada apa.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sangkaan jahat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab ini betul atau tidak betul ini tanyalah. Apa tulis jawapan ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi saya bangkit. Dia belum tanya, dia kata saya tipu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Kalau dia tipu, saya ambil tindakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mana cakap. Dia sudah cakap saya tipu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau saya kata, you pekakkah?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, you pekakkah?

Cik Fong Po Kuan : Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: You pekakkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baiklah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dia tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: You pekakkah. Pakai baiklah telinga. Ini pekak, muda sudah pekak.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dia tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bangkit. Saya mahu ucap Peraturan Mesyuarat. Dia sudah berucap, bagaimana saya mahu berucap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa saya punya haklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Atas Peraturan Mesyuarat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia kata saya pekak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Okay.*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Mana boleh salah guna Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Mana satu Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan di bawah Peraturan Mesyuarat:

- (i) sangkaan jahat 36(6), kata saya tipu, saya pekak, kata kurang sopan;
- (ii) Peraturan Mesyuarat 41 :
 - (a) semua ahli-ahli hendaklah masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau membawa diri dalam Dewan dengan tertib dan beradab

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: DAP. DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Biar saya habis dahulu, saya haraplah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, saya faham. Saya faham. Saya faham.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Biar saya habiskan dahulu menyokong mengapa saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik. Baik. Baik. Baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Beliau langsung tidak menghormati Dewan ini. Cara dia menjawab langsung tidak beradab kerana dia tidak membenarkan laluan....

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: You siapa?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia menjawab..... sebab seperti bullet train.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelogor]: Tuan Yang di-Pertua. Boleh kata duduk. Menteri duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik. Baik. Baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau sedemikian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak apa, tak apa. Biar saya habiskan dahulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelogor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Oleh yang demikian, bagilah setiap ahli satu set dia punya jawapan bertulis, lepas itu kita boleh bersurailah. Dia mahu pergi mana, pergilah.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Itu DAP. BN *happy*. BN terima jawapan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik. Baik. Cukup. Cukup. Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan cara ini bermesyuarat. Dia langsung tidak menghormati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Cukup. Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelogor]: *Ask him to sit down.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Baik. Baik. Yang Berhormat sama ada jawapan daripada Menteri boleh diterima atau tidak, terpulang keadaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat Yang Berhormat..... cadangan Yang Berhormat bagi Batu Gajah boleh secara bertulis tetapi saya fikir ramai antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di sini harap beliau teruskan jawapan *[Disorak]*

Ini terpulang kepada Yang Berhormat Menteri sama ada dia *bullet train* ataupun kereta api atau kapal terbang ini saya tidak boleh buat apa-apa Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh, kita mahu Parlimen ialah *give and take* bukan cakap apa yang seronok tak boleh dengar, tak boleh faham semua sana ...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: You sudah keluar, keluarlah bikin apa masuk balik lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak guna itu BN.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Hai, Ketua Pembangkang, *you get out.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Satu contoh, Ipoh Timor saya belum habiskan keputusan saya Yang Berhormat sudah campur.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun] [Membantah]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat Ipoh Timor baiklah. Baiklah. Walau bagaimanapun, saya juga hendak minta Yang Berhormat cuba membantu mereka supaya mereka faham apa yang

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi saya tak akan bagi jalan, saya ada banyak yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Ini terpulang kepada Yang Berhormat. Terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan beliau sudah meneliti laporan berhubung kontrak yang diperolehi SCOMI Berhad, serta membandingkan dengan rakaman dan transkrip kenyataannya di TV3 awal bulan lalu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order. Point of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan bahawa tiada projek yang telah diberikan kepada SCOMI Berhad dengan

pengetahuan beliau dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak pernah terlibat secara peribadi yang menyebabkan keputusan mengenai sebarang projek ataupun konsensi kepada SCOMI Berhad serta anak-anak syarikatnya.

Beberapa Ahli Pembangkang : *[Bangun] [Membantah]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang yang memegang prinsip integriti yang tinggi memandang berat terhadap tuduhan yang menyatakan beliau berbohong kepada rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri. Baiklah duduklah Yang Berhormat. Kata mereka, Yang Berhormat tidak hormat saya.

Beberapa Ahli Pembangkang : *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik. Tak apa. Yang Berhormat saya cakap Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat pun tak hormat saya *[Dewan tersangat riuh]* Apa, baik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tadi bagi rakan saya Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Menteri ada menyatakan dia orang yang pekak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan tipu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Cukuplah Ahli Yang Berhormat. Cukuplah. Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah itu ditarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Sebab dia kata Yang Berhormat tak dapat dengar sama ada dia pekak dan sebagainya. Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah dia tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Kita timbang rasa sedikit. Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Baiklah, yang timbang rasa bolehlah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohonlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Adakah saya membenarkan Yang Berhormat berucap?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua. Tak boleh atas timbang rasa dia suka-suka menuduh. Saya boleh panggil menteri bodoh, boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab itu saya minta dia timbang rasa. Saya pohonlah. Saya bangun hanya mengikut peraturan harap menteri tarik balik sebelum saya mematuhi Peraturan Mesyuarat. Dia sudah menuduh saya menipu, sudah mengatakan saya pekak sebelum saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat. Ini bagaimana hendak jalan Peraturan Mesyuarat macam ini? Menteri lah hendak jaga maruah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia jawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Tarik baliklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itulah dia tak dengar apa saya cakap. Saya tak kata dia tipu. Saya kata kalau saya tipu. Baca *hansard*, kalau saya tipu. Bukan dia tipu. Kalau perkataan kata kalau dia tak dengar, pekaklah. Itu bukan menghina. Itu kenyataanlah kalau dia tak dengar apa saya cakap, pekaklah. Saya tidak berhajat untuk menghina dia. Baik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Baik, teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mesti siasat perkara ini, kalau benar Yang Berhormat Menteri menipu, saya mohon dia dirujuk kepada 'Jawatankuasa Hak'. Sebab tadi dia kata....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu saya kata kalau hendak bangkit, kalau saya tipu, bukan awak tipu, bukan awak menjawab, saya yang menjawab, *okay*. Saya tidak berhajat langsung untuk mengata Yang Berhormat bagi Batu Gajah menipu. Pekak...*okay* guna perkataan lagi selain daripada pekak apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak dengarlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak dengar, *okay* dia tidak dengar. Kurang pendengaran.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, bukan belok-belok, pusing-pusing macam itu. Kalau sudah keluarkan perkataan pekak, mesti tarik balik perkataan pekak. Kalau sudah kata saya, sebelum dengar peraturan mesyuarat, sudah menuduh saya akan tipu, jadi saya mohon tarik balik, itu sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Okay...okay* saya tarik balik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berani kata, kalau lelaki berani kata, berani mengaku. Jangan bagi belok-belok, pusing-pusing, berselindung, kerana majoriti dalam Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tarik balik Yang Berhormat bagi Batu Gajah pekak, bukan pekak, kurang pendengaran. Yang Amat Berhormat Menteri sebagai seorang yang memegang prinsip integriti yang tinggi, memandang berat terhadap tuduhan yang menyatakan beliau berbohong kepada rakyat Malaysia apabila memperkatakan tentang isu anaknya dan Scomi Berhad, dalam wawancara dengan TV3 pada 7 Ogos 2006 yang lalu. Berbekalkan prinsip ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat beliau bersedia

untuk meminta maaf sekiranya ternyata apa yang dikatakan dalam wawancara tersebut adalah salah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ingin menggesa semua pihak supaya mengkaji apa yang telah dinyatakan oleh beliau dalam wawancara bersama TV3, iaitu program yang disebutkan oleh saudara Sulaiman Rejab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, dia minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Iaitu program yang disebutkan oleh Saudara Sulaiman Rejab pada 7 Ogos 2006. Seterusnya mengambil inisiatif untuk meneliti fakta-fakta yang berkenaan seperti pengalaman dan perniagaan Scomi Berhad, serta anak syarikatnya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...sebelum membuat tuduhan melulu yang lebih bermotifkan politik dan cuba mengelirukan rakyat Malaysia. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor mempersoalkan tentang pendirian kerajaan terhadap kenyataan dan tindakan saya ke atas Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak bagi...saya tidak bagi. Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa setiap ahlinya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagilah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:termasuklah saya, seharusnya mempertahankan keputusan kerajaan dalam menjawab kritikan mana-mana pihak termasuklah daripada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamed. Sekiranya ada pihak yang menanggapi bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh mana-mana Ahli Jemaah Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia minta...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan tidak boleh. Sekiranya ada pihak yang menganggap bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh mana-mana Ahli Jemaah Menteri telah menimbulkan kekalutan, maka pihak tersebut bolehlah menggunakan proses yang sedia ada untuk mengemukakan aduan mereka. Sebagai contoh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan tidak ada. Sebagai contoh bagi Ahli UMNO perkara itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Disiplin, melalui Jawatankuasa Pengurusan sekiranya dibuktikan maka tindakan yang sewajarnya akan diputuskan oleh

jawatankuasa tersebut. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lembap dalam....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:menutup politik perkauman, dan reaksi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tanya dia, dia sudah jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...terhadap kenyataan Timbalan Ketua Pemuda UMNO mengenai Melayu Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.... Yang Berhormat..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah lembap untuk menyatakan pendiriannya berkaitan isu perkauman. Sudah beberapa kali Yang Amat Berhormat memberi amaran dan peringatan, supaya tidak ada mana-mana pihak cuba mengapi-apikan sentimen perkauman. Yang Amat Berhormat juga telah meminta supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat hendak jawab sekali gus? Langsung tidak mahu kasi laluan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: tidak ada kasi jalan...ada banyak 80 muka surat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat sudah membuat keputusan, sesiapa minta laluan tidak bagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya tidak payah tegurlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payah tegur. Yang Amat Berhormat juga telah meminta supaya semua pihak tidak membangkitkan isu sensitif berkaitan agama yang sememangnya sudah termaktub dalam perlembagaan. Biarpun negara kita sudah 49 tahun mencapai kemerdekaan, namun hal berkaitan kaum dan agama perlu terus dipelihara oleh semua rakyat Malaysia. Berhubung kenyataan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Yang Amat Berhormat telah mengarahkan beliau untuk menjelaskan sendiri kenyataannya berhubung Melayu Pulau Pinang yang dikatakan menyinggung perasaan masyarakat Cina. Yang Amat Berhormat merasakan biarpun suasana politik mengenai Melayu Pulau Pinang masih hangat dibincangkan, namun hubungan kaum tidak terjejas olehnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat peraturan mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk Menteri...jangan bangun lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya akan jemput dia bangun. Jangan kata, jangan bangun.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36 (12) dia memesongkan Dewan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan yang sama akan diberikan oleh Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia memesongkan, kerana saya tidak dengar apa dia cakap, dia memesongkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat tidak dengar apa yang dia cakap, tidak boleh salahkan beliau.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Oleh itu dia memesongkan Dewan. Saya tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah kerana Yang Berhormat punya tempat jauh sangat? Yang Berhormat, kalau tidak boleh dengar, tidak dapat dengar, tidak boleh salahkan Menteri. Kalau Yang Berhormat, Menteri tidak kasi laluan, saya pun tidak boleh buat apa-apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhubung kenyataan Yang Berhormat bagi Kota Bharu agar kerajaan memberi perhatian tentang amaran oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamed supaya Perdana Menteri meletak jawatan, di mana beliau juga mengingatkan rekod Tun Dr. Mahathir dalam pengunduran dan penyingkiran pemimpin lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan mesyuarat mana satu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seperti Tunku Abdul Rahman, Tunku Razaleigh, Tun Hussein Onn dan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ingin dimaklumkan bahawa kerajaan mengambil maklumat meletakkan syarat berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.* Seseorang Ahli tidak boleh baca melalui teks.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat lebih baik Yang Berhormat ringkaskan, tidak payah baca tekslah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak boleh baca, dia baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kena rujuk kepada butir-butiran yang disediakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jawapan kena bacalah. Mana boleh dengar apa yang bahas lapan hari itu, mesti baca. Mahu jawapan tepat, mesti kena baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seramai 85 Ahli yang berucap, jadi catatan kena ada.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya betul, mana boleh ingat semua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak boleh baca.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Larut mencadangkan supaya Ketua Setiausaha yang baru memulakan tugas mengadakan perjumpaan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...dengan Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai tinggi kerajaan, sebenarnya...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.* Bolehkah dia duduk. Duduk Menteri, duduk. *Point of order,* seseorang Ahli tidak boleh baca daripada teks.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak boleh baca ya?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, tidak boleh baca, dia baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi dia sudah jawab ucapan daripada sejumlah 85 Ahli.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu tidak kira Tuan Yang di-Pertua, peraturan. Peraturan menyatakan seorang Ahli tidak boleh baca daripada teks. Tidak boleh baca.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah 40 tahun baru dia hendak beritahu. Sebenarnya adalah menjadi amalan sejak sekian lama bagi Ketua Setiausaha Negara yang baru memulakan tugas mengadakan perjumpaan dengan Pegawai-pegawai tinggi kerajaan, malah pada hari pertama bertugas....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri. Rujuk kepada teks atau baca teks?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rujuk...saya rujuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi baca dan tengok saya sekejaplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia yang tidak boleh itu berbahas, saya menjawab.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh baca.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ketua Setiausaha Negara yang baru memulakan tugas mengadakan perjumpaan dengan Pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Malah pada hari pertama bertugas, ketua Setiausaha Negara telah mengadakan perjumpaan dengan Ketua-ketua Jabatan di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ketua Setiausaha Negara mempunyai jadual pertemuan dengan...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order,* bolehkan dia duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pegawai-pegawai tinggi dan Kanan kerajaan .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:seperti mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Benda sama.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk, jangan bangun. *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Seseorang Ahli tidak boleh baca daripada teks. Ini ada dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat, tetapi selama ini, Yang Berhormat kita tidak bangkit, ramai..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sepanjang masa ini tidak ada Menteri macam ini tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selama ini termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada daripada Barisan Nasional atau pun pembangkang juga baca teks. Mungkin ini salah satu sebab untuk menjimatkan masa. Ini jawapan, kalau ikut ingatan saya fikir, tidak ada seorang pun yang boleh jawab dengan baik di Dewan yang mulia ini, 85 Ahli Yang Berhormat yang berucap, diseliakan. Jadi saya cadangkan Yang Berhormat ringkaskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jangan layan dialah. Dia cemburu, dia boleh berdiri, sebab itu dia kata saya duduk jangan berdiri. Dia tidak boleh berdiri. Dia cemburu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham itu tidak timbullah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mesyuarat Ketua-ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termasuk melawat pejabat-pejabat di peringkat negeri dan daerah. Melalui mesyuarat-mesyuarat tersebut, Ketua Setiausaha Negara akan menyalurkan keputusan-keputusan kerajaan kepada Ketua-ketua Jabatan atau Pegawai-pegawai tinggi kerajaan, memberi maklum balas dan sebagainya berhubung dengan perjalanan organisasi mereka dan perkhidmatan awam serta masalah-masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:yang dihadapi dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Berhubungan dengan Yang Amat Berhormat..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, jaga badan Yang Berhormat dan jaga kesihatan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36 (4). Yang Berhormat Menteri menggunakan kata-kata yang menyakitkan hati dan kurang sopan terhadap Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Beliau berkata, "Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor cemburu kerana dia tidak boleh berdiri". Saya rasa tidak baik menghina Ahli

Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dengan kata-kata sedemikian kerana beliau seorang OKU. Tidak baik begitu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah,cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini juga menyakiti pengundi-pengundi Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Sebab beliau mewakili pengundi Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah jangan membuat hujah lagi. Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah beliau tarik balik. Tidak baik sentiasa berkata sedemikian, menghina OKU. Saya pohonlah Yang Berhormat Menteri tunjuk teladan yang baik dan pohon maaf kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Supaya diwujudkan jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Negara mengikut zon dan wilayah, dimaklumkan bahawa pada masa ini tiada keperluan untuk mewujudkan jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Negara sama ada mengikut zon, wilayah ataupun fungsi dalam perkhidmatan awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan Yang Berhormat Menteri teruskan jawapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, cadangan ini akan diambil maklum dan akan dikaji mengikut keperluan. Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dan Yang Berhormat bagi Kota Belud menyentuh tugas-tugas Ketua Setiausaha Negara dan mencadangkan agar Ketua Setiausaha Negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sama saja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpaksa saya dengarlah. Saya kena dengar dan buat keputusan.

Tuan R.Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk. Tuan Yang di-Pertua, harus kawal dia. Orang ini sudah gila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak patut.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini tidak bagus, apa yang dia katakan bagus?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau kita hendak tegur orang lain, kita sendiri kena tunjukkan satu teladan baik. *[Riuh]* Jangan tegur orang saja. Sendiri buat tidak baik. Tidak patut Yang Berhormat.

Tuan R.Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa dia buat? Jangan macam itu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cukup menghormati Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tetapi tolonglah. Saya cuba kawal, jangan taruk api lagi.

Tuan R.Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang dia buat? Siapa yang taruk api?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak ada buat apa.

Tuan R.Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Siapa yang dia tidak buat apa-apa? Dia menghina seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Kalau kata-kata yang dikatakan, dia tidak mahu terima, boleh membawa usul dan membawa tindakan. Jangan gunakan perkataan lain untuk membuat tuduhan sebaliknya kepada Yang Berhormat.

Tuan R.Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kerana apa yang dia buat itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Jadi Yang Berhormat jugalah, saya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cuma orang gila sahaja yang boleh mengenali orang gila lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa kita kena kawal.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kawal, dia saja. Saya baca. Saya mahu kawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah kata 80 muka surat hendak sampaikan kepada Dewan yang mulia ini. Jadi kita cuba mengelakkan perkataan yang tidak senonoh dan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sana yang gila. Dia yang cakap saya gila, bukan saya. Sana yang gila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...perkataan yang akan timbulkan rasa tidak puas hati supaya kita...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak ada buat apa-apa. Dia panggil saya menteri gila pun, saya tidak ada hal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua tidak gilalah. Semua orang baik sini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tanya sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat hendak tuduh lagi saya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tuduh. Cuma orang gila boleh kenal orang gila yang lain, itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup dan jangan salah gunakan Peraturan Mesyuarat lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dan Yang Berhormat bagi Kota Belud

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang di-Pertua, saya hendak beritahu dari mula lagi digunakan perkataan kurang ajar, menggunakan orang pekak, menggunakan lagi... Banyak lagi tetapi tidak boleh dikawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sudah selesailah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa ini bukan satu Dewan yang mulia. Satu Dewan yang mulia bukan macam ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang tidak mulia di sana. Bukan di sini. Saya menjalankan tugas untuk menjawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau Dewan yang unggul bukan menggunakan perkataan-perkataan seperti ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia selalu guna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak mahu beri kerjasama, saya akan minta menghadkan masa untuk menteri menjawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya setuju kalau hadkan masa. Hadkan masa!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia? Okey, kalau Yang Berhormat suruh saya berhenti, saya berhenti. Sekarang boleh berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat habiskan. Berapa banyak lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak lagi. Lagi 60.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi setengah jam boleh habiskah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekarang pun boleh habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam setengah jam boleh habis? Saya serahkan kepada Yang Berhormat. Setengah jam boleh habis ke?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekarang boleh habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan saya begitu panjang dan ianya akan diberikan kepada mereka yang berminat, maka dengan ini saya menggulung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis? Baik. *[Bising]*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Perbahasan Peringkat Dasar Bajet 2007 dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan

Perdana Menteri. Sesungguhnya pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu amat dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkaitan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan ekonomi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Beliau menyatakan sasaran pencapaian 30% ekuiti kaum bumiputera tidak tercapai dan Dasar Ekonomi Baru gagal kerana hanya mencapai 18% sahaja. Dakwaan bahawa Dasar Ekonomi Baru gagal adalah tidak tepat sama sekali. DEB dengan strategi serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh 1971-1990.

Sesungguhnya pelaksanaan DEB dalam tempoh tersebut telah berjaya mewujudkan suasana sosiopolitik yang aman dan stabil bagi membolehkan kerajaan menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha membangunkan negara sehingga ke tahap yang dicapai sekarang ini. Dalam proses tersebut, kadar kemiskinan dan ketidakseimbangan yang ketara dalam pendapatan guna tenaga dan pemilikan modal saham sektor korporat di kalangan kaum telah dapat dikurangkan. Kejayaan-kejayaan ini telah membantu merapatkan lagi jurang di antara kaum dalam negara ini. Pengalaman dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru menunjukkan bahawa pendekatan pembangunan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama atau *growth with equity* dengan izin berjaya mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan pelbagai kaum dalam negara ini.

Kejayaan ini juga dapat dicapai dalam konteks ekonomi yang berkembang dan pada masa yang sama menyumbang ke arah perpaduan negara. Atas alasan inilah falsafah pembangunan, 'pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama' telah dikekalkan dalam dasar-dasar pembangunan utama selepas DEB iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Wawasan Negara. Sebagaimana DEB dan Dasar Pembangunan Nasional serta Dasar Wawasan Negara juga mengekalkan strategi membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Walaupun kaum bumiputera tidak mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% milikan ekuiti pada akhir tempoh DEB, tetapi kemajuan yang dicapai oleh mereka sebenarnya adalah besar. Dari segi kadar pertumbuhan pegangan modal saham kaum bumiputera telah meningkat pada kadar purata 29.6% setahun iaitu lebih tinggi daripada pertumbuhan purata bagi keseluruhan sektor korporat sebanyak 16.3%. Begitu dalam tempoh 1991-2000, modal saham kaum bumiputera telah meningkat pada kadar 11.7% setahun berbanding 10.5% bagi kaum bukan bumiputera. Justeru pemilikan ekuiti kaum bumiputera telah meningkat daripada hanya 2.4% pada tahun 1970 kepada 19.3% pada tahun 1990 dan 18.9% pada tahun 2004.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengamalkan Dasar Ekonomi Baru saya ingat itu satu dasar yang telah diimplementasikan sejak 1970 dan satu dasar yang dianggap untuk menstabilkan sosioekonomi di antara kaum-kaum. Tetapi satu perkara yang saya hendak tanya Yang Berhormat, kita telah banyak penyelidikan (*research*) mengenai jurang perbezaan di antara kaum bukan bumiputera dengan bumiputera. Tetapi saya hendak tanya, adakah jabatan ataupun kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri membuat satu penyelidikan yang menyeluruh mengenai jurang perbezaan di antara bumiputera *intra-ethnic analysis* iaitu kaum bumiputera yang berpendapatan tinggi dengan kaum bumiputera di peringkat sederhana dan bawahan.

Kerana bagi saya selepas implementasi Dasar Ekonomi Baru ini jurang perbezaan di antara kaum bumiputera yang ada, *the have or have not* telah meningkat. Jurang perbezaannya semakin hari semakin melebar. Jadi, apakah tindakannya. Sebab saya tidak hendak nanti kalau, saya ingat semua orang Malaysia pun tidak hendak, nanti kalau kita boleh mencapai satu sasaran 30% tetapi 30% ini dipegang oleh segolongan atau segelintir bumiputera yang kaya raya berpendapatan tinggi tetapi kebanyakan atau majoritinya kaum bumiputera di peringkat pertengahan dan bawahan ini masih susah keadaannya. Jadi apakah satu rancangan atau satu tindakan yang strategik untuk mengurangkan jurang perbezaan ataupun *intra-ethnic*. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya akan sampai ke situ sebentar lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi beri peluang bagi saya meneruskannya dulu supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya akan sampai ke situ selepas ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh juga mempersoalkan kedudukan ekonomi Malaysia sejak krisis kewangan tahun 1997. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar pertumbuhan ekonomi negara telah menunjukkan arah aliran meningkat sejak tahun 2001 daripada 0.3% kepada 5.8% pada tahun 2005 dan dijangka meningkat kepada 6% pada tahun 2007.

Ini menunjukkan ekonomi negara berada di landasan yang betul menuju ke arah potensi pertumbuhan jangka panjang sebenar iaitu antara 6% hingga 7% dalam tempoh jangka sederhana.

Datuk (Dr.) Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Prestasi perbelanjaan sektor swasta telah kembali cergas terutama bagi tempoh 2004 hingga 2006 di mana pelaburan swasta meningkat sebanyak 11.8% dan penggunaan swasta pula meningkat sebanyak 8.4%. Pertumbuhan tersebut disokong oleh pertumbuhan eksport yang meningkat sebanyak 9.5%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Puchong dan saya mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri mengatakan ada rangka-rangka jawapan yang telah dibuat ataupun ditetapkan kepada persoalan *intra-ethnic equation* dalam *riches* ini ataupun kekayaan negara. Saya juga mengikut kemajuan dan perkembangan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara dan sekarang kita menjurus kepada wawasan negara.

Tetapi malangnya kalau kita lihat fakta Tuan Yang di-Pertua, bahawa jurang di antara *the have and the have not*, dengan izin makin membesar. Kalau lihat sekarang isi rumah orang di seluruh negara ialah RM3,700 sebulan. Pada hal di luar bandar masih RM1,800 dan jurang ini nampaknya makin membesar dan pendapat orang bumiputera jauh terpinggir kalau dipandang. Walaupun kita mempunyai suatu apa yang dikatakan *affirmative action*, dengan izin tetapi nampaknya tidak berkesan. Walaupun kita bersetuju sebagaimana yang Timbalan Menteri sebut, kita mengembang. Orang yang dahulunya kaya keluarganya sekarang sudah miskin. Orang Melayu yang dahulunya tidak pernah naik Mercedes, sekarang sudah *drive* Mercedes, BMW dan kereta besar, rumah besar dan sebagainya.

Tetapi persoalannya yang nyata di sini, memang kita juga perlu menerima hakikat. Jadi saya berharap Timbalan Menteri jangan terikut dengan sindrom *denial*. *Denial Syndrome* maknanya kita menafikan bahawa wujudnya masyarakat Melayu dan bumiputera itu terpinggir sebenarnya. Dalam masyarakat kita, semasa kita memberi kekayaan kepada bumiputera kita *targetkan certain group*, dengan izin.

Kalau kita lihat, 18.7% didapati bumiputera sekarang, keseluruhannya. Ini termasuk institusi dan juga amanah, kalau kita lihat individu bumiputera hanya 14.7% sahaja perkembangan kekayaan. Walaupun saya menerima hakikat bahawa pada sebelum tahun 1970 dahulu, *economy cake* kita, Malaysia dengan izin, ialah RM5.7 bilion tetapi sekarang kita mempunyai *economy cake* RM390 bilion. Dengan sendirinya yang 14.7% ini cukup besar, tetapi yang cukup besar ini orang di luar bandar, segelintir orang Melayu masih terpinggir kerana kita mempunyai satu *affirmative action*, yang memberi *target* kepada apa yang dikatakan orang yang berpotensi. Tetapi orang yang tidak berpotensi di dalam pandangan dan persepsi kita, kita tidak *targetkan* orang ini sentiasa akan terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita kena belajar apa pengalaman di India. Ada juga di India itu, *affirmative action* ada. Jangan kata kita tidak ada, dia buat macam *a new economic policy*, ada dibuat di India, ada juga dibuat di Amerika supaya meningkatkan kekayaan orang Negro di Amerika. Tetapi dalam masa 200 tahun pencapaiannya, kalau kita lihat data yang sekarang ini, ada fakta-fakta menunjukkan kegagalan di dalam satu fakta dan kejayaan di dalam satu fakta yang lain.

Jadi kalau kita lihat daripada penyelidikan ilmiah dan penyelidikan secara intelektualnya bahawa kita *have to learn a lot more*. Kita mesti melihat dan belajar daripada ramai orang. Jangan anggap bahawa fakta ini menunjukkan 14.7% daripada RM390 bilion itu banyak tetapi dipunyai oleh segelintir yang kecil sahaja orang bumiputera dan orang Melayu. Yang *multitude*, yang ramai, yang banyak itu masih ...

Tuan Yang di-Pertua, yang pencen terima RM300, yang pencen terima RM400, yang di kampung ada kadang-kadang masih ada masalah. Jadi kita kena melihat ini *how to spread the economy cake* kepada semua orang bukan dua, tiga orang sahaja yang menjadi senang-lenang dan kaya raya. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat yang memberi pandangan. Memang saya ingin jelaskan sedikit melalui pengalaman kita yang lalu seperti mana apa yang disebutkan Yang Berhormat tadi, ini juga menjadi sebagai panduan khususnya ketika kita merancang Rancangan Malaysia Kesembilan di mana kita lebih proaktif dan kita faham hakikat ini. Oleh sebab itu salah satu kehendak kita di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya perbezaan pendapatan (*disparity*) ini dapat dikurangkan dan salah satu fokus yang kita beri selain daripada yang saya sebutkan *disparity* tadi ialah untuk membasmi kemiskinan kepada mereka, khususnya yang kita tahu terdapat ramai mereka di Sabah dan Sarawak yang masih lagi di dalam hal ini. Oleh sebab itulah di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan yang banyak diberikan kepada kedua-dua negeri itu.

Di samping itu kita hendak pastikan supaya ia berterusan dan sebab itu kita kata kita tidak patut bagi umpan, kita patut bagi kail kepada mereka. Oleh sebab itu kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan insan dan Insya-Allah dalam rancangan yang seterusnya berdasarkan kepada pengalaman kita yang lalu, perkara ini akan kita laksanakan melalui latihan-latihan, melalui pusat-pusat latihan kemahiran akan ditambah lagi supaya mereka dapat menggunakan kail untuk memancing ikan bukan lagi kita beri umpan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat, saya panjang lagi, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sikit saja. Kalau dalam perbincangan berhubung dengan kepentingan orang Melayu dan bumiputera ini Yang Berhormat, kita kena beri masa sedikit.

Saya bersetuju dengan beri kail dan beri umpan ini, tetapi kalau beri kail dan beri umpan tidak ada ikan hendak kail, ikan sudah semua orang lain kebas dengan *deep net* dia, pukut dalam dia, Yang Berhormat, *you* bagilah dia umpan apa. *You* bagilah kail apa, *what we are talking about* beri kail, beri umpan dan beri juga ikannya. Tidak boleh beri kail, beri umpan.

Saya tahu *target* kita sekarang ialah beri kail, beri umpan. *That is* membina modal insan kerana dalam teori pembangunan manusia ini ada dua perkara Tuan Yang di-Pertua, satu *capacity building* iaitu beri kail beri umpan, yang satu lagi *affirmative action* iaitu kita bantu secara ekonomik apa yang kita buat dalam Dasar Ekonomi Baru yang kita nampak ada kesan yang tidak mencapai matlamat yang kita capai. Oleh kerana kita juga melihat orang Melayu dan bumiputera tidak berlari secepat orang lain, tetapi pelarian mereka sama cepat dengan orang India, sama cepat dengan orang Cina, akhirnya kita pun sama juga kerana mengikut kata Profesor Fakland salah seorang daripada perancang *The New Economic Policy* dahulu, mengatakan kita naik ini macam air pasang. kalau kita naik air yang pasang, kapal kecil, kapal besar, perahu balok....apa lagi perahu yang kecil-kecil ini? *[Disampuk]*, perahu jalong kata orang Sarawak, perahu kolek kata orang Semenanjung, ia akan naik semua, kapal Raja Brooks, kapal James Brooks dan Kontena Nasional pun naik semua. Tetapi sebesar mana yang naik, yang besar tetap besar, yang kecil tetap kecil melainkan ada *affirmative action*. *Affirmative action* dengan pembangunan sumber insan ini kena dibuat bersama, you bangun di sini, *it is a long term process* tetapi *affirmative action*, kita hanya 14 tahun lagi. *We have to take the affirmative action*.

Jadi, soalan kita bukan saya tidak setuju, Tuan Yang di-Pertua. Dengar saya punya *stress* ini, bukan saya tidak setuju soalan *transparency*, *accountability* dan sebagainya, tetapi kalau orang Melayu, kalau bumiputera terkilan oleh kerana *transparency*, *accountability* dan kita hanya *stress* kepada, apa dikatakan, beri kail, beri umpan ini, yang dikail tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua, ikan tidak ada lagi dah, pukat sudah hantam semua.

Ini yang saya kata, jangan *target special group* sahaja tetapi *spreadkan economic cake* ini kepada semua orang dan *your accountability* dengan kita punya *transparently* kena *revisited*, kena tengok semula supaya jangan *come 14* tahun yang akan datang, Wawasan 2020, mungkin saya pun tidak kisah lagi, Datuk pun tidak kisah, kita semua tidak kisah, anak cucu kita akan kisah. Macam mana orang hitam di India, macam mana orang hitam di Amerika. Jadi kita kena pada ketika ini memikir apa yang akan berlaku 20 tahun akan datang. Bukan orang Melayu bumiputera sahaja yang *diplantation*, yang di ladang, di mana-mana itu, orang bangsa lain, orang Melayu, orang India, orang Cina, yang di luar-luar bandar itu dalam dasar konsep negara. Kita kena lihat semua, jangan ada segelintir yang tersisih, khusus bumiputera dan orang Melayu. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat itu. Sebab itulah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana kita membuat rumusan tidak lagi berdasarkan kepada sektor, kita berdasar secara keseluruhan. Di samping itu untuk memastikan supaya ianya tidak ditempatkan ataupun ditumpukan pada sesuatu kawasan. Dengan yang demikian juga kita telah mengadakan koridor-koridor ini, Koridor Utara, Koridor Timur, Koridor Sabah dan Sarawak. Semuanya ini dengan tujuan untuk

memastikan dari segi menikmati pembangunan negara ini dinikmati oleh semua golongan ataupun semua pihak.

Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang diambil kira di dalam perancangan kita, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Insya-Allah melalui penegasan kita untuk memperkukuhkan sistem penyampaian, kalau dapat diperbaiki dan diperkukuhkan apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi Insya-Allah.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Biar saya jawab dahulu sebab masa.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sedikit sahaja Yang Berhormat, sebelum...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak, sebelum saya....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Jadi, saya hendak meneruskan jawapan saya. Minta maaf, Yang Berhormat sebab panjang lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak, saya minta sebab ini Yang Berhormat bagi Santubong punya soalan, saya rasa masih tidak terjawab. Persoalannya begini, kalau kita lihat dalam Dasar Ekonomi Baru, kita perlukan 30% tetapi kita gagal mencapai 30% penyertaan bumiputera dalam semua sektor ekonomi. Tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tambah-tambah lagi pula dalam Bajet 2007 kita tidak pun jelas dari segi *affirmative action* daripada Yang Berhormat bagi Santubong kata tadi.

Apakah hari ini, misalnya betul modal insan itu salah satu cara, pendekatan untuk kita mengatasi masalah di kalangan orang Malaysia, khususnya orang Melayu, bumiputera dalam keterlibatan mereka di dalam bidang ekonomi. Tetap kalau kita lihat hari ini, segala macam apa sekali pun ekuiti masih kita terkebelakang, orang Melayu maksud saya terkebelakang, baik pemilikan hartanah misalnya kalau kita ambil, cara dia buat hari ini tidak ada.

Jadi, saya boleh simpulkan di sini persoalan *relative deprivation*, sudah wujud. Misalnya dahulu kita mahu ramai bumiputera dalam pendidikan tinggi. Hari ini ramai pendidikan tinggi tetapi malangnya apabila mereka dapat ijazah pertama, mereka tidak ada ruang. Jadi, soalnya apakah ruang-ruang yang kita sediakan kepada kaum Melayu dan bumiputera tadi. Jadi, tindakan susulan ini tidak ada, kita tidak lihat. Misalannya, dahulu kita kata, okeylah, RM1000 ke atas, okey, tetapi hari ini RM1000 tidak jadi masalah. Makin lama dengan harga barang naik, dengan keadaan dunia hari ini, kita orang Melayu, khususnya bumiputera tidak akan mencapai.

Jadi, apakah tindakan *affirmative* yang akan diambil oleh pihak kerajaan menjamin supaya orang Melayu, terutama sekali dapat menyertai ataupun dalam bahasa Inggeris,

participation dalam kegiatan ekonomi pada hari ini. Janganlah kalau kita lihat betul, ada tidak ada orang Melayu yang kecimpung di dalam bidang ekonomi, ada, tetap boleh dikira dengan tangan. Bagaimana kalau kita lagi lama, makin lama, kalau kita tidak kawal keadaan ini, tidak ada tindakan susulan selagi itu orang Melayu akan menguncup dari segi penyertaan mereka dalam kegiatan ekonomi. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Kalau kita lihat dari segi sejarah masa yang lalu, dari segi kerajaan, kita tidak dapat nafikan bahawa begitu banyak sekali kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Cuma sebab itulah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita hendak wujudkan, iaitu manusia yang mempunyai daya saing, yang mempunyai daya cipta, yang mempunyai daya usaha yang tinggi.

Sekiranya tidak ada masyarakat ataupun kelompok masyarakat, kalau yang saya katakan bumiputera ataupun kaum-kaum minoriti yang lain mempunyai sikap ataupun budaya seperti ini sudah pasti ia tidak mungkin boleh kita mencapai hasrat yang kita kehendaki. Kita letaklah berapa pun dia punya matlamat. 20%kah, 30%kah, 40%kah, kalau manusia ini kita tidak perkukuhkan.

Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita hendak memperkukuhkan mereka ini. Ini kerana kita tahu kalau Yang Berhormat tanya tentang masalah tabung. Hampir 40 tabung kita ada untuk membantu bumiputera tetapi kerana tidak ada daya usaha, tidak ada inisiatif, bagaimana untuk mencari tabung-tabung ini, maka ada yang tidak tahu langsung nama tabung itu. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi dan ini juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita hendak pastikan bahawa manusia ini adalah manusia yang mempunyai mentaliti kelas satu.

Insya-Allah kalau semuanya ini berjalan dengan baik, apa yang kita hasratkan ini boleh mencapai kejayaan. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya ingat cukuplah, habis nanti baru jawab.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta bantuan Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya ingat saya tidak jawab lagi, baru.....:

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, ini kerana benda ini berkaitan dengan ekuiti dan juga.....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tidak apa sekejap lagi ada sampai ke situ, Yang Berhormat bangun. Saya beri peluang kalau tidak, saya tidak beri langsung . Saya kena baca. Tetapi DAP tidak ada hari ini, kalau tidak bagi baca pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh juga mempersoalkan kedudukan ekonomi Malaysia. Dari segi pertumbuhan ekonomi, tidak dapat dinafikan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi bagi Republik rakyat China dan India lebih baik berbanding dengan Malaysia. Ini kerana kedua-duanya tidak menghadapi krisis kewangan pada tahun 1997. Walau bagaimanapun, purata kadar pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 5.1% setahun dalam tempoh 1997 hingga 2006 adalah lebih baik berbanding Korea sebanyak 4.6 % dan Taiwan sebanyak 4.1% setahun.

Dari segi pendapatan per kapita pula, pendapatan per kapita negara pada tahun 2005 ialah sebanyak USD4,998, lebih tinggi berbanding Republik Rakyat China sebanyak USD1,702 dan India sebanyak USD656. Sementara itu pada tahun 2005, mengikut *World Competitiveness Year Book Report 2006*, prestasi daya saing negara di peringkat antarabangsa terus meningkat daripada kedudukan ke-28 pada tahun 2005 kepada kedudukan ke-23 pada 2006, iaitu masih mengatasi negara India iaitu ke-29 dan Korea yang ke-38.

Di bawah misi nasional usaha akan diteruskan supaya negara terus berjaya dalam pasaran global yang semakin berdaya saing melalui peningkatan produktiviti, memperbaiki daya tahan dan daya saing di peringkat antarabangsa, meningkatkan nilai di tambah bagi sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan, menjana kekayaan baru di dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi dan perkhidmatan yang berasaskan kemahiran. Menggalakkan sektor swasta sebagai peneraju utama meningkatkan pelaburan, menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti serta mengembangkan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia di peringkat global.

Yang Berhormat bagi Santubong membangkitkan isu *smart partnership* dan pemilikan 30% ekonomi kaum bumiputera bagi menggalakkan kerjasama bagi usahawan bumiputera dan bukan bumiputera pada tahun 1995, kerajaan telah mewujudkan program kerjasama tulen yang bertujuan menggalak dan meningkatkan usaha sama antara usahawan bumiputera dan usahawan kaum bukan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Program ini telah dilaksanakan oleh Majlis Galakan Usaha Sama Tulen yang dianggotai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia, gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia dan wakil konsortium 20 buah bank dengan dana sebanyak RM700 juta.

Selain daripada itu, pada September 2002, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mewujudkan Unit Usaha Sama Tulen bagi melaksana dan memantau program

usaha sama tulen ini. Semenjak penubuhan Majlis Galakan Usaha Sama Tulen dan sehingga tahun 2005 sebanyak 56 syarikat usaha sama yang terdiri dari berbagai-bagai sektor seperti pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, tenaga dan lain-lain telah mendaftar dengan Majlis Galakan Usaha Sama Tulen. Bagi meningkatkan keberkesanan program ini, kerajaan akan memperluaskan konsep usaha sama tulen ini meliputi antara lain:

- (i) kerjasama antara syarikat bumiputera dan syarikat bukan bumiputera termasuk di dalam skim *sub-contracting* dengan izin komponen dan input-input industri; dan
- (ii) usaha sama antara usahawan-usahawan tempatan bumiputera dan bukan bumiputera dengan usahawan asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah membangkitkan isu berkenaan trend ketidaksamaan taburan dan sistem agihan pendapatan negara. Untuk makluman Yang Berhormat tidak dinafikan bahawa jurang pendapatan di Malaysia agak luas, berdasarkan ini *coefficient* dengan izin

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ini..sekejap. Ini tidak bermakna pelaksanaan program-program pembangunan kerajaan tidak berjaya. Perbezaan dari segi keupayaan modal, kepakaran dan pengalaman telah mempercepatkan lagi peningkatan pendapatan dari golongan yang berpendapatan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi agihan pendapatan berdasarkan perangkaan tahun 2004, menunjukkan bahagian pendapatan bagi kumpulan berpendapatan 10% dan 20% terendah adalah lebih besar dari segi peratusannya berbanding dengan bahagian pendapatan bagi 20% tertinggi yang telah menurun.

Bilangan dan peratusan isi rumah bagi di bawah kategori kumpulan berpendapatan rendah, berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan terus berkurang daripada 77.8% pada tahun 1980 telah berkurangan kepada 32.1% pada tahun 2004. Apa yang perlu ditegaskan di sini ialah dalam beberapa dimensi seperti yang telah dijelaskan, menunjukkan terdapat peningkatan atau pembaikan dalam corak agihan pendapatan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya, penjelasan yang saya minta adalah saya tertarik dengan pengagihan yang dikatakan tadi. Baru-baru ini Amanah Saham Wawasan telah dilancarkan dan untuk makluman Yang Berhormat, saya telah menghantar 3 orang di Cameron Highlands, Ipoh dan saya sendiri berada di satu tempat bernama Jelapang untuk melihat pembelian dan penjualan Amanah Saham Wawasan. Saya balik kepada pengagihan yang diperkatakan tadi, pengagihan saksama

kekayaan negara maka 390 juta ekuiti saham telah dikeluarkan, tetapi malangnya apabila 62 orang tunggu di luar bank di Cameron Highlands, satu pun tak dapat.

Kononnya ada tohmahan yang mengatakan bahawa pengurus-pengurus bank sudah pun memberi kawan-kawan mereka dan sediakan semua borang dan pada 9.00 pagi mereka sudah masuk dalam *on-line* dan telah habiskan semua saham yang dijual. Maka ini berlaku di Ipoh, saya pergi ke Bank Bumiputera Jelapang, sama juga di sana keadaannya, dan di Pasir Putih, dua sahaja dapat. Maka ini saya rasa adalah satu perkara yang perlu dilihat, sistem penyampaian yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat, maka dasarnya cantik tapi mekanisme di bawahnya masih kekurangan. Walaupun, contohnya masyarakat India 3% ekuiti yang dikatakan, yang di janji, turun sampai 1.2% dan dijanjikan 3% pada 2020.

Baik ekuiti Malaysia dalam 2004 adalah 530 juta jumlahnya dan dianggarkan 6% pembangunan, *annual rate of growth is 6%*, maka 2005 hingga 2020, kita akan mempunyai *value*, nilai, *market value* sebanyak RM1,270 bilion, maka berdasarkan kepada itu 3% yang bakal akan di kecapai oleh masyarakat India adalah RM38 bilion. Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat sukar sekali dicapai sekiranya mekanisme macam tadi, saya rasa kakitangan kerajaan, guru-guru biasa mahu melabur, duit ada RM10,000, RM20,000 tetapi dia tidak kesampaian, orang tengah, orang bank telah memainkan peranan untuk menggagalkan hasrat kerajaan.

Maka apakah perkara yang boleh dibuat untuk memberhentikan semua permainan-permainan sebegini, kerana golongan yang *fixed* deposit, dia dapat 3.5%. Saya rasa ekuiti sebegini, saham begini akan dapat 8% maka mereka boleh simpan untuk pendidikan anak-anak mereka. Baik, apakah yang boleh dibuat, walaupun kita ada seorang pegawai di Jabatan Perdana Menteri yang jaga cuma memberi angka nasihat, ini tidak akan ke mana-mana. Apakah langkah kerajaan yang perlu dibuat untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang sewaktu dilancarkan Amanah Saham Wawasan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, kita tidak menyangka bahawa begitu berminat sekali mereka untuk melanggan saham tersebut. Pertamanya kita faham bahawa dari segi pelancarannya, dianggarkan kemungkinan tidak akan berlaku sebegini sekiranya daripada awal kita dapat meneka bahawa peristiwa seperti itu berlaku sudah tentulah kita akan buat satu mekanisme yang lebih rapi dan ...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Setujukah Yang Berhormat

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Setujukah Yang Berhormat Menteri...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, nanti, saya hendak jawab, saya belum kata hendak setuju dengan Yang Berhormat

bagi Cameron Highlands, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dah tanya dah. Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bahawa ada kelemahan-kelemahan itu, saya setuju, jadi sebab itu ini sebagai satu pengalaman kepada kita pada masa yang akan datang bahawa kes-kes seperti ini tidak akan berulang lagi.

Yang keduanya, kalau kita lihat secara positif, ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia ini begitu berkemampuan dengan begitu cepat dapat melanggan saham seperti ini. Kita juga bukan sahaja berdiam diri Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, kita meminta daripada pihak PNB untuk memberi maklumat ini kepada kita. Tetapi mengikut apa yang dilaporkan kepada kita, bahawa lebih daripada 80% mereka yang melanggan ini adalah mereka di kalangan yang pelabur-pelabur pertengahan, jadi sebab itu kalau Yang Berhormat bagi Cameron Highlands ada satu kes yang tertentu yang dapat beri tahu kepada saya, insya-Allah saya tidak akan ragu-ragu untuk membawa perkara ini ke peringkat yang lebih tinggi. Jadi saya minta maaf kerana masa.....

Seorang Ahli: Assalamu alaikum.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta maaflah kerana lepas ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan jawab lagi, kita tak ada masa lah, minta maaflah. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan, banyak lagi ini.

Seorang Ahli: Yang Berhormat, ASB...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Bagi mengurangkan lagi jurang pendapatan, kerajaan telah merangka beberapa projek yang khusus bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah sama ada melalui penyertaan dalam projek-projek ekonomi, program-program pembangunan modal insan bagi melengkapkan diri golongan berpendapatan rendah dengan ilmu dan kemahiran tertentu melalui pendidikan dan latihan.

Program pembangunan di kawasan luar bandar memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan mereka. Adalah tidak benar wujud berbagai-bagai kelas dalam negara ini. Semua kaum mendapat perhatian dan peluang daripada pelbagai program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Di kalangan semua kaum, sudah pasti terdapat mereka yang berjaya dan juga mereka yang kurang berjaya. Walau bagaimanapun, yang pasti semua kumpulan mendapat manfaat daripada pembangunan negara. Inilah komitmen kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai Petroleum Nasional (Petronas). Juga mendapat perhatian ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Bajet 2007 yang baru lalu ini. Yang Berhormat bagi Alor Setar dan Yang Berhormat bagi Padang Serai mencadangkan supaya keuntungan Petronas digunakan untuk kebajikan umum. Untuk makluman Yang Berhormat, 76% daripada keseluruhan jumlah keuntungan Petronas digunakan untuk membayar dividen, cukai, duti eksport dan royalti kepada kerajaan. Sementara bagi sebanyak 24% digunakan untuk

perbelanjaan operasi dan dilaburkan semula oleh Petronas untuk pembangunan industri petroleum dan gas dalam jangka masa panjang.

Keuntungan Petronas bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 adalah RM23.6 bilion dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005 meningkat kepada RM35.6 bilion. Manakala keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006 yang lalu adalah sebanyak RM43.6 bilion. Sementara itu jumlah pelbagai subsidi yang diberikan oleh kerajaan pada tahun 2003 adalah RM1.82 bilion meningkat kepada RM4.79 bilion pada tahun 2004 dan meningkat lagi kepada RM7.41 bilion pada tahun 2005. Unjuran keuntungan bagi tahun 2007 yang akan datang sukar dilakukan disebabkan faktor-faktor berikut:

- (i) kedudukan harga minyak di pasaran antarabangsa yang tidak menentu;
- (ii) kedudukan pasaran petrokimia di peringkat serantau dan antarabangsa juga tidak menentu; dan
- (iii) kenaikan kos dalam industri petroleum di seluruh dunia.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pula telah membangkitkan isu tanggungjawab sosial Petronas. Sebenarnya Petronas sentiasa peka akan tanggungjawab sosialnya selain daripada sumbangan dalam bentuk royalti kepada kerajaan. Petronas juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat menerusi pelbagai program kemasyarakatan. Antara bidang yang sentiasa diberi perhatian adalah pendidikan yang bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tenaga mahir syarikat tetapi juga untuk membina modal insan untuk negara. Antara sumbangan Petronas dalam bidang pendidikan seperti penubuhan Universiti Teknologi Petronas, Pusat Latihan Pengurusan Petronas, Institut Teknologi Petroleum Petronas, Akademi Laut Malaysia, Projek E-Pembelajaran Petronas dan Biasiswa Pendidikan Petronas.

Sumbangan Petronas tidak terhad dalam bidang pendidikan semata-mata, tetapi juga dalam aspek keselamatan, alam sekitar, sains dan teknologi, seni dan budaya seperti program Petrosains, Petronas *Tag Tour*, Muzium Petroleum Sarawak, Program Bakti Pendidikan Petronas, Inisiatif Petronas - PEMADAM, Petronas *Street Smart*, Program Pendidikan *Our World* dan Dewan *Philharmonic* Petronas - Malaysia *Philharmonic Orchestra Equator*.

Dalam bidang kesihatan, antar sumbangan Petronas ialah menyediakan pemeriksaan dan rawatan percuma kepada masyarakat luar bandar di seluruh negara melalui Klinik Mata Bergerak Tun Hussein Onn. Menyumbangkan kemudahan mesin dialisis kepada pusat dialisis buah pinggang, Persatuan Bulan Sabit Malaysia di Miri, Sarawak, Polis Diraja Malaysia serta penubuhan Yayasan Pendidikan dan rawatan penyakit berkaitan barah. Petronas turut memberi sumbangan dalam bidang sukan dengan menubuhkan *Petronas Adventure Team*, *Petronas Motor Sport* iaitu penajaan Petronas dalam aktiviti sukan bermotor seperti *Grand Prix Petronas F1* dan pasukan *F1 Sauber, BMW Petronas*. Di samping itu Petronas turut menaja sukan lumba basikal seperti *De Tour* di Langkawi juga Bola Keranjang Petronas MABA serta menjadi penaja

utama sukan Malaysia sejak tahun 2006. Petronas turut memberi sumbangan dalam bidang seni dan budaya seperti penubuhan Galeri Petronas dan Kumpulan Seni Persembahan Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi berapa orang Yang Berhormat telah menimbulkan berapa perkara, insya-Allah kita telah ambil perhatian mengenai perhatian ini dan saya mohon maaf sekiranya masa mencemburui dan tidak dapat menjawab semua sekali perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih, insya-Allah semuanya ini akan kita ambil tindakan sekiranya ia boleh memberi kebaikan kepada pembangunan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007 dan menyentuh perkara-perkara berkaitan agama Islam. Sesungguhnya pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu amat dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, isu sijil pematuhan halal dan produk halal telah menarik perhatian Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dalam perbahasan ini. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya menyentuh mengenai kesukaran para pengusaha untuk mendapatkan pematuhan sijil halal oleh JAKIM dan telah mengemukakan beberapa cadangan. Berkenaan dengan cadangan yang telah dipanjangkan, JAKIM hanya bertanggungjawab dari aspek pengeluaran sijil halal kepada pengusaha-pengusaha bagi produk-produk yang dikeluarkan di peringkat nasional dan yang dieksport ke luar negara. Pihak yang bertanggungjawab dalam memberi bimbingan dan penyediaan kos perbelanjaan yang berkaitan dengan pengeluaran produk halal adalah di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI.

JAKIM tidak membebankan pengusaha bagi mendapatkan sijil pengesahan halal. Kos bagi mendapatkan sijil pengesahan halal telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 18 September 2002 seperti mana yang berikut. Iaitu pada industri kecil dikenakan sebanyak RM100 setahun, industri kecil dan sederhana sebanyak RM400 setahun dan multinasional sebanyak RM700 setahun. JAKIM dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia telah menyediakan satu garis panduan persijilan haram yang seragam untuk diterima pakai di seluruh Malaysia iaitu MS1500 2004, makanan halal, pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan yang mana garis panduan umum semakan pertama dan manual prosedur persijilan halal Malaysia.

JAKIM dalam proses memberikan sijil pengesahan halal kepada pengusaha-pengusaha mengambil kira dan memberi keutamaan kepada pengusaha yang mendapat sijil pengiktirafan *hazard analysis and critical point* dan ISO serta meneliti secara mendalam terhadap ramuan dan bahan-bahan kandungan yang digunakan dalam produk. Ini menepati konsep Halalan Thaiyibba

yakni halal lagi baik dan bersih yang disarankan dalam syariat Islam. JAKIM dengan kerjasama agensi-agensi seperti Perbadanan Kemajuan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, MARDI dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengadakan seminar, kursus dan taklimat kepada pengusaha-pengusaha bagi memastikan mereka mematuhi piawaian halal yang ditetapkan oleh JAKIM.

JAKIM sentiasa memberi perhatian dan keutamaan kepada setiap permohonan pengesahan persijilan halal yang dikemukakan oleh pengusaha-pengusaha dengan cekap, tepat dan mudah. Yang Berhormat bagi Batu Pahat membangkitkan mengenai isu halal dan produk halal, sijil halal yang dipertikaikan dan menyatakan bahawa kes-kes pertikaian status halal bahan-bahan pembuatan seperti sosej, mi, kuetiau dan roti di Nilai yang menimbulkan kebimbangan dan kerisauan di kalangan umat Islam di negara ini. Seperti yang dimaklumi, JAKIM adalah sebuah agensi kerajaan yang telah diberikan amanah untuk menguruskan persijilan halal di negara ini.

Oleh itu sikap bimbang dan risau terhadap status sesuatu produk yang dikeluarkan oleh pengusaha makanan perlu dihindari oleh semua pihak. Ini kerana JAKIM telah memberi sijil pengesahan halal berdasarkan dua garis panduan yang ditetapkan. Pertama, MS15000 2004, makanan halal, pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan garis panduan umum dan yang keduanya manual prosedur persijilan halal Malaysia.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa minit?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Lebih kurang dalam dua minit lagi.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, habiskanlah.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Kedua-dua garis panduan ini wajib dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha produk halal, jika didapati pihak pengusaha tidak akur dengan prosedur yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau KPDNHP. Dengan kerjasama JAKIM dan agensi yang berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan serta Kementerian Kesihatan berdasarkan akta atau undang-undang berkaitan. Penguatkuasaan halal bukan bergantung pada poster-poster ayat-ayat Al-Quran yang digantung di premis makanan, malah tindakan sedemikian boleh mencemarkan kesucian ayat-ayat Al-Quran.

Penalti terhadap kesalahan yang berkaitan dengan penandaan halal amatlah berat. Bagi kesalahan kali pertama yang dilakukan, denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun. Bagi kesalahan kali kedua, denda tidak melebihi RM200,000 atau penjara tidak lebih daripada enam tahun atau kedua-duanya sekali. Justeru itu, para pengusaha Islam perlu mengorak langkah dengan lebih banyak lagi membina kilang dan menghasilkan lebih

banyak produk halal untuk pengguna Islam di negara ini dan luar negara tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sempena pertambahan pegawai atau kakitangan baru yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, JAKIM akan lebih kerap lagi melakukan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dengan kerjasama KPDNHEP bagi memastikan pihak penguasa tidak sewenang-wenangnya melakukan penyalahgunaan terhadap logo halal. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh membangkitkan isu berkaitan Akta Produk Halal. Yang Berhormat mencadangkan agar kerajaan menggubal rang undang-undang produk halal supaya pegawai-pegawai pemantau atau audit JAKIM diberi kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan berkaitan proses pengeluaran dan sijil pemantauan produk halal. JAKIM sentiasa mengadakan pemantauan dan penguatkuasaan dengan kerjasama KPDNHEP dan agensi-agensi lain bagi memastikan produk ini dijual di pasaran halal dimakan oleh umat Islam.

Yang Berhormat bagi Sri Gading telah menyentuh tentang kuota simpanan jemaah haji dan menggesa agar kuota haji diberikan kepada Ahli Parlimen seramai 20 orang setiap musim haji. Untuk makluman Yang Berhormat, kuota haji rasmi bagi Malaysia adalah 26,000 orang berdasarkan 0.1% daripada jumlah penduduk kita. Dalam jumlah yang kecil ini, sekiranya dibahagikan kuota kepada mana-mana kumpulan termasuk Ahli Parlimen, ia akan menjadikan jumlah yang layak terpilih mengikut peraturan sedia ada menjadi lebih kecil.

Tabung Haji telah menyediakan sistem pendaftaran haji terbuka di mana umat Islam boleh mendaftar pada bila-bila masa dan memilih tahun mereka bercadang mengerjakan ibadah haji. Sekiranya pendaftaran bagi tahun itu telah penuh, maka mereka akan diperuntukkan tahun yang berikutnya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu berkaitan agama Islam yang sempat dijawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut akan dicatat dan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, selesailah jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri dan 2.30 petang kita akan menjemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jawab bagi pihak Kementerian Pertahanan. Dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada tahun 1.03 petang.

Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan minta mula jawapan.

2.31 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Boleh, sebelum bermula minta penjelasan? Boleh? [*Dewan riuh*] Sebelum Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Yang Amat Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum apa-apa, mahu soal kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Beliau pun menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri oleh sebab pagi ini langsung tidak ada jawapan. Oleh sebab ini adalah beberapa perkara yang sangat penting mengenai dasar dan masa depan negara dan kerajaan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, cukuplah. Yang Amat Berhormat belum mula menjawab lagi, macam mana nak bagi jawapan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, bukan sahaja menumpukan kepada Kementerian Pertahanan, tetapi juga kepada Jabatan Perdana Menteri oleh sebab jawapan tidak diberi, bolehkah juga dijawab?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, semua menteri boleh jawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. Jadi, saya tidak bercadang hendak beri jawapan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri kerana tugas itu telah diserahkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan saya percaya Yang Berhormat Menteri berkenaan akan beri jawapan yang sewajarnya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan, tak ada..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta sahaja. Yang Amat Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Adakah Yang Amat Berhormat, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah....

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: ..saya tak bagi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi. Belum lagi Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin. Saya ingin maklumkan Yang Amat Berhormat..

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tak ada, tak ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ringkas sahaja. Ringkas sahaja Yang Amat Berhormat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ringkas sahaja. Kita kerjasama..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Ya..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ..demi kebaikan Dewan, Yang Amat Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya hendak jawab ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ringkas sahaja, ringkas sahaja.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tak ada, tak ada.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ringkas sahaja, ringkas sahaja Yang Amat Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya nak tahu peraturan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya nak jawab bagi pihak kementerian..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ringkas sahaja. Apakah Yang Amat Berhormat menyedari,..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Batu Gajah, ya..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ringkas sahaja Yang Amat Berhormat yang amat saya hormati, ringkas sahaja. Saya pohon ringkas sahaja.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tak boleh, tak boleh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ringkas sahaja, sangat ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: ... bagi pihak Kementerian Pertahanan. *[Dewan riuh]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kerana Yang Amat Berhormat akan hadir jam 2.30 petang. Disebabkan itu Yang Berhormat Menteri terpaksa tergesa-gesa untuk menghabiskan jawapan kepada perbahasan demi untuk menyediakan pentas 2.30 petang untuk Yang Amat Berhormat, ini saya rasa tidak patutlah Yang Amat Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Sila duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, saya harap Yang Amat Berhormat, demi akauntabiliti dan bukan jadikan Parlimen di bawah kawalan eksekutif. Kerana Yang Amat Berhormat datang 2.30...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, cukuplah! Cukuplah, sila duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, kami ahli-ahli tidak dapat jalankan tugas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Sila duduk Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, saya haraplah, perkara ini tidak berulang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *The whole Parliament is suit the time of the Deputy Prime Minister* kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Beberapa Ahli: *[Riuh menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya haraplah Yang Amat Berhormat, saya haraplah perkara ini tidak berulang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena ikut peraturan. Cukuplah, sila duduk. Ya, Yang Amat Berhormat sila teruskan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Susah orang tak faham peraturan. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007 peringkat dasar yang telah menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Seterusnya, izinkan saya menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau, yang mencadangkan supaya bekas perajurit diberi bantuan perumahan. Bagi tujuan

tersebut, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini tiada skim khas yang disediakan bagi bekas perajurit untuk memiliki rumah.

Walau bagaimanapun, LTAT telah melaksanakan beberapa projek perumahan di mana bekas-bekas perajurit diberi keutamaan memiliki rumah-rumah kediaman pada harga yang berpatutan yakni lebih rendah daripada harga pasaran. Di samping itu, sebagai kakitangan kerajaan sewaktu mereka berkhidmat sebagai anggota tentera, mereka layak menggunakan skim pinjaman perumahan yang disediakan untuk anggota kerajaan.

Seterusnya Yang Berhormat yang sama mencadangkan supaya pesara ATM dipanggil bekerja untuk *redeploy* bagi kerja-kerja sivil. Adalah dinyatakan bahawa sememangnya kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran, ATM sentiasa berusaha membantu pesara ATM untuk mendapat kerjaya sama ada dalam sektor awam mahupun dalam sektor swasta. Dengan demikian, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi semasa dalam perkhidmatan, pesara ATM dapat melaksanakan kerja-kerja selepas mereka bersara dengan mendapatkan jawatan yang bermakna. Yang Berhormat bagi Arau turut menyarankan supaya Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) digunakan sebagai satu simbol kemegahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, suka dimaklumkan bahawa Rejimen Askar Melayu Diraja adalah merupakan rejimen tertua yang ditubuhkan pada 1 Mac 1933. Ia dianggotai oleh anggota-anggota yang berbangsa Melayu sahaja. Bagi memartabatkan RAMD, kerajaan telah menubuhkan batalion istiadat, sebagai satu penghormatan untuk penugasan perbarisan kawalan kehormatan bagi menyambut ketibaan lawatan pembesar-pembesar sama ada dari dalam atau luar negara. Kewujudan batalion-batalion *mechanize* dan batalion-batalion para yang merupakan pasukan elit tentera darat telah turut memartabatkan RAMD di dalam tentera darat.

Selain dari itu, Kerajaan Malaysia telah memberi keutamaan kepada RAMD untuk berkhidmat dan ditugaskan di bawah misi keamanan di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan penubuhan negara-negara Islam berdasarkan kemampuan yang telah ditonjolkan seperti kejayaan RAMD di Congo, Namibia, Cambodia serta Bosnia. Selain dari itu, keupayaan menangani insiden di Somalia, telah mencanai kewibawaan RAMD di persada antarabangsa. Malahan ketokohan perjuangan warga RAMD telah difilemkan bagi menonjolkan sifat patriotisme memperjuangkan kedaulatan negara sehingga ke titisan darah terakhir seperti mempertahankan negara tercinta dalam filem Leftenan Adnan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekalkan identiti dan keterampilan warga RAMD, rejimen ini telah mengekalkan pemakaian lencana bahu, *cap badge*, Harimau Pejuang dan *stable belt* demi mengekalkan ciri-ciri serta tradisi RAMD agar tidak pupus dan ia sentiasa masih relevan dalam perkembangan dunia ketenteraan semasa. Manakala bagi tujuan sudut sejarah, kerajaan telah meluluskan pembinaan Muzium Tentera Darat di Port Dickson bersesuaian dengan sejarah penubuhan RAMD. Selain dari itu RAMD mempunyai identiti tersendiri dengan

pembinaan Wisma Perwira RAMD, Muzium RAMD, dan tanah perkuburan RAMD yang semuanya ditempatkan di Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat bagi Sepanggar telah membangkitkan isu pembinaan jalan masuk ke pangkalan TLDM Teluk Sepanggar. Suka dinyatakan bahawa pihak kementerian dan kerajaan negeri bekerjasama bagi penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dengan jalan masuk tersebut. Mengikut cadangan asal sebanyak 246 buah rumah dan 104 buah kubur yang terlibat dengan pembinaan jalan masuk. Memandangkan kos pembinaan yang tinggi dan bagi mengelak perpindahan kubur dan penduduk yang ramai, kementerian telah bersetuju jajaran jalan masuk ini dikaji semula dan kementerian memutuskan jajaran baru iaitu Jalan Pintasan Selatan.

Terdapat sebanyak 131 buah rumah yang terlibat dengan pembinaan jalan ini dan akan dipindahkan ke Kampung Numbak. Pihak kementerian telah melantik kontraktor untuk melaksanakan pembinaan rumah di Kampung Numbak dan sehingga kini kemajuan projek adalah 70%. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun, Sepanggar.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sungai Petani tadi minta dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar dia bagi Sepanggar dulu Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Amat Berhormat mengenai soalan ini. Sebenarnya saya timbul soalan ini oleh sebab di Kampung Gentisan ini memang kita tahu bahawa ramai penduduk di sana adalah penduduk tempatan, anak watan dan mereka ini amalan mereka, tradisi mereka sebagai anak tempatan tetapi apa yang kita sukar dapat kita kepastian disebabkan di Kampung Numbak ini sebenarnya ramai orang asing yang sudah pun tinggal lama dan dipindah di penempatan di Numbak.

Jadi ada satu kawasan berhampiran dengan Kampung Gentisan ini yang dikenal pasti masih kosong. Maka oleh sebab itu kalau boleh kita tempatkan orang-orang tempatan ini supaya ditempatkan di satu kawasan yang kawasan kosong berhampiran Kampung Gentisan ini. Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil keputusan memindah mereka ke Kampung Numbak ini atas saranan daripada kerajaan negeri. Jadi berpandu daripada panduan kerajaan negerilah kita mengambil keputusan tersebut. Walau bagaimanapun saya ambil kiralah pandangan Yang Berhormat itu, saya tidak tahu apa yang boleh kita lakukan sebab rumah-rumah ini sudah hampir siap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah memohon supaya kementerian menyediakan pesawat TUDM untuk menghantar pelbagai bekalan ke Bareo memandangkan pengangkutan ke daerah tersebut amat terhad.

Adalah dimaklumkan bahawa pesawat-pesawat Nuri TUDM memang beroperasi di kawasan Bareo, Ba Kelalan dan Limbang dalam menyokong tentera darat dalam operasi kawalan perbatasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani Yang Amat Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Tadi sebelum Yang Amat Berhormat pergi jauh saya juga balik semula tadi berkenaan muzium dan peranan Leftenan Adnan. Di sini ingin saya bertanya dan juga mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat mengenai nama Leftenan Adnan itu tidak pernah ataupun tidak dapat tempat dalam pasukan kita. Jadi boleh tidak saya cadangkan pada masa yang akan datang kita namakan satu bintang keberanian dan sebagainya atas nama Leftenan Adnan dan begitu juga salah satu jalan di Kuala Lumpur ataupun di Putrajaya, mengapa tidak dinamakan Jalan Leftenan Adnan dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua kita telah memberi penghormatan yang agak istimewa kepada nama Leftenan Adnan kerana ABC termoden kita dinamakan sebagai Adnan. Itu merupakan lambang kebanggaan kita dan kita akan fikirkan apa langkah-langkah yang wajar pada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, tiada pesawat TUDM melakukan perkhidmatan pengangkutan khas ke kawasan pedalaman Sarawak melainkan dalam keadaan kecemasan ataupun darurat. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Maran telah membangkitkan isu kes jenayah di kalangan anggota tentera.

Penglibatan anggota tentera dalam kes-kes jenayah tidak dapat dinafikan berlaku dalam ATM tetapi bilangan anggota yang terlibat adalah kecil. Berdasarkan kepada statistik salah laku disiplin dan jenayah tahun 2000 hingga 2005, purata peratus anggota yang terlibat setiap tahun adalah dalam lingkungan di bawah 1.1% daripada kekuatan anggota ATM. Secara keseluruhannya penglibatan anggota tentera dalam gejala jenayah adalah tidak serius dan terkawal. Bagi anggota-anggota yang didapati terlibat dalam kes jenayah, mereka akan dikenakan tindakan tatatertib dan hukuman yang berat dan kemungkinan ditamatkan perkhidmatan ATM.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk membendung salah laku disiplin dan jenayah adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan kod etika ATM dan pelan tindakan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional ATM.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Amat Berhormat, akhir-akhir ini sering kita dengar dan nampak bahawa terdapat di kalangan anggota tentera walaupun kes-kes merupakan kes terpencil dan secara kecil-kecilan. Kalau dikira peratus seluruh anggota tentera terlibat dengan kegiatan jenayah, rompak dan sebagainya. Jadi apakah mungkin salah satu faktor dia sebab gaji mereka ini terlalu rendah jika dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain dan mereka ini *di front line* menggadai nyawa tetapi penerimaan gaji dia terlalu rendah.

Jadi apakah kerajaan dan kementerian tidak memikirkan langkah-langkah seterusnya mungkin menaikkan gaji mereka dan elaun mereka dan dengan ini mereka boleh menampung kehidupan keluarga mereka sebab dulu mereka tinggal di berek bujang selepas itu baru berkahwin, empat, lima orang anak, gaji yang sedia ada tidak meningkat tetapi perubahan keluarga dia meningkat. Minta pandangan dan penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, punca salah laku di kalangan anggota-anggota ATM ini banyak sebabnya bukan soal gaji, dia ada banyak faktor lain. Walau bagaimanapun saya berterima kasih dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya kerajaan dapat kaji dari masa ke semasa. Memang ini akan membantu mereka dari segi meringankan beban hidup mereka. Namun demikian sebarang kajian gaji ATM mestilah dilihat dalam konteks perkhidmatan awam pada keseluruhannya. Selain daripada.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun Yang Amat Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini. Pertamanya kita mengetahui dalam tentera ini ada Kor-Agama. Cuma dapatkan pihak Yang Berhormat beritahu *ratio* guru-guru agama ini berada di dalam tentera dengan *ratio* ataupun nisbah tentera. Adakah kerana kekurangan guru-guru agama dalam tentera ini menyebabkan sekarang makin timbul mereka-mereka yang celaru mental selain daripada kekurangan dari segi kewangan dan begitu juga kekurangan pendidikan agama ataupun kurang masuk keyakinan iman menyebabkan mereka ini celaru mata dan berlaku macam-macam dalam tentera sekarang ini. Terima, kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua kita mempunyai Kor-Agama ATM yang agak lengkap dan pelbagai program memang kita laksanakan. Umpamanya tiap-tiap unit ada guru agama masing-masing dan ini tidak boleh dijadikan sebagai satu sebab mengapa berlakunya kes-kes seperti ini. Walau bagaimanapun kita akan terus memperhebatkan lagi program-program latihan dan amalan agama dalam ATM.

- (ii) melakukan tapisan keselamatan dan dadah ke atas bakal anggota tentera sebelum mereka diterima masuk;

- (iii) menguatkuasakan undang-undang dan peraturan ketenteraan dan awam secara konsisten dan adil dan;
- (iv) menentukan keutuhan pengurusan ATM berfungsi lebih efektif iaitu mengatur strategik dan pelan membendung dan membanteras kegiatan jenayah serta memberi kesedaran kepada anggota tetapi hukuman disiplin dan implikasi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong penuh hasrat kerajaan menubuhkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang mana sesi akademik pertamanya akan bermula pada bulan Julai tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Angkatan Tentera Malaysia dalam terus berusaha gigih memperlengkapkan diri warga ATM dengan ilmu pengetahuan dan latihan ketenteraan. Perolehan aset yang canggih tanpa mempunyai warga yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan bersikap positif tidak akan menjamin keberkesanan dan keupayaan yang dihasratkan oleh kerajaan. Usaha ini bukan sahaja bagi meningkatkan tahap akademik anggota semata-mata malah merupakan usaha ATM untuk menyediakan anggota yang lebih berwibawa untuk menghadapi sebarang situasi di masa hadapan.

Bagi penubuhan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, ATM telah mencadangkan agar Akademi Tentera Malaysia (ATMA) yang sedia ada dinaikkan taraf sebagai Universiti Pertahanan. Ini juga telah juga dimaklumkan ataupun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lipis mencadangkan supaya universiti ini dibina di tapak yang lebih sesuai, seterusnya mencadangkan kawasannya sendiri untuk dijadikan sebagai tapak Universiti Pertahanan. Begitu juga Yang Berhormat bagi Gerik juga mencadangkan ditempatkan bukan di kawasannya tetapi di Lumut, Perak. Pada masa sekarang ini kerajaan tidak bercadang untuk menempatkan Universiti Pertahanan ini di luar daripada bangunan-bangunan ATMA yang sedia ada iaitu di Sungai Besi kerana kerajaan perlu menjimatkan perbelanjaan dan inilah cara ataupun kaedah yang terbaik kerana kita dapat memiliki sebuah Universiti Pertahanan dengan jumlah perbelanjaan yang jauh lebih kecil.

Cuma yang kita perlu ialah untuk menambahkan lagi beberapa kemudahan di ATMA itu supaya sesuai dengan keperluan sebuah Universiti Pertahanan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sekali lagi menyebut mengenai dengan Universiti Pertahanan, saya tadi dengar Yang Berhormat kata ada cadangan di Lipis, saya ingin buat cadangan supaya diadakan di Pulau Langkawi. Dia boleh masuk, tanahnya pun banyak lagi dan sebagainya. Itu Yang Amat Berhormat boleh masukkan sebagai cadangan kepada Kedah supaya masukkan Langkawi.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat di sini mengenai dengan fokus Universiti Pertahanan itu. Boleh Yang Amat Berhormat jelaskan kepada kita? Kita bimbang nanti, ada saya masukkan dahulu saya bimbang jadi macam UPM buat satu masa, ia fokus sepatutnya pertanian tetapi sekarang ia sudah terlalu apa pun kita tidak tahu – pertanian pun tidak, apa pun tidak. Akhirnya ia jadi macam universiti biasa. Jadi adakah Universiti Pertahanan ini dia akan fokus hanya kepada *military science*? Ia tidak ada lain-lain. Saya takut nanti Universiti Pertahanan ini akan jadi universiti macam yang lain juga. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini saya hendak bercadang buat di Pekan, senang sekali. *[Ketawa]* Tetapi saya berseloroh sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh buat di Sipitang, Yang Amat Berhormat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sipitang.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sipitang pun boleh. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai kepada bab itu ya. Ulasan itu ada dalam teks saya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat bagi Gerik telah menyarankan supaya UPNM ini diketuai oleh seorang ahli akademik. Saya hendak jelaskan bahawa jawatan Naib Canselor UPNM ialah jawatan terbuka. Jadi boleh dilantik di kalangan pegawai tinggi tentera yang ada latar belakang akademik yang baik sebab ada anggota tentera yang ada kelulusan sarjana dan sebagainya ataupun kita boleh lantik di kalangan ahli akademik. Kita akan tengok kesesuaian ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Sungai Petani mengenai status universiti ini, siapa yang mengawal Universiti Pertahanan ini nanti, sebenarnya mengikut akta yakni Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, universiti ini adalah tertakluk di bawah Kementerian Pengajian Tinggi tetapi dari segi kawalan pentadbirannya, dia akan diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan. Dalam beberapa aspek seperti program-program pengajian dan sebagainya, kita perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perjalanan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta sedikit penjelasan, Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Amat Berhormat Dato' Sri, saya amat tertarik tentang penubuhan universiti tentera ini. Tetapi adakah juga peluang keutamaan diberi kepada anak-anak angkatan tentera untuk memasuki universiti ini kerana

kadang-kadang kita lihat anak-anak guru sendiri tidak dapat peluang ke universiti dan sebagainya. Begitu juga dengan pasukan polis. Kita lihat maktab sains ada JV dengan pasukan polis. Jadi bolehkah Universiti Pertahanan ini diberi keutamaan kepada anak-anak tentera dan bekas tentera? Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh memberi keutamaan kepada anak-anak bekas tentera dan anak anggota-anggota tentera dengan syarat mereka sendiri hendak jadi anggota tentera. Sebab ada juga anak tentera tidak mahu masuk tentera.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan, Yang Amat Berhormat? Terima kasih Yang Amat Berhormat. Kita memang mengalu-alukan langkah maju kerajaan tetapi persoalannya, bagaimana persiapan awal kita sedangkan universiti ini di bawah pengawalan Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam Akta Pendidikan Tinggi, pensyarah-pensyarahnya mestilah terdiri daripada mereka yang memegang sarjana falsafah atau doktor falsafah. Jadi adakah falsafah di dalam negara kita ini, mereka yang mempunyai *skill* dalam bidang ketenteraan atau pertahanan ini yang telah mendapat PhD ini untuk menjadi pensyarah-pensyarah atau bergantung kepada pensyarah-pensyarah luaran pula?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ulas perkara ini bila saya terangkan tentang konsep universiti ini.

Tentang apa dia bentuk dan konsep universiti ini, perlu saya terangkan bahawa universiti ini tujuannya ialah untuk menjana barisan pegawai-pegawai tentera di masa depan yang mempunyai pengetahuan ilmu yang tinggi. Maksudnya mereka berwibawa, mereka mempunyai kelulusan sarjana muda sekurang-kurangnya dan mereka ini akan mempunyai pengetahuan ketenteraan dalam bidang-bidang aspek ketenteraan yang tertentu. Di samping itu dalam tempoh latihan itu, mereka juga dilatih sebagai seorang bakal pegawai tentera.

Dalam hal ini, kita telah tentukan bahawa peringkat permulaannya, 10 *degree* program akan kita laksanakan yakni dalam bidang kejuruteraan sivil, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektronik dan elektrikal, teknologi maklumat, *military security*, sains aeronautik, sains nautika, sains dan teknologi maritim, *military leadership and management*, dengan izin, *defence resource management* dan *defence studies*. Ini 10 bidang yang akan kita tawarkan.

Ini merupakan disiplin yang kita katakan *core discipline*. Tetapi bagi setiap pelajar yang mengambil mana-mana satu daripada 10 *core degree* itu ataupun *core studies*, mereka diwajibkan mengambil *military component*. Jadi misalnya kalau kita ambil kajian kejuruteraan sivil, di samping kita perlu mengkaji dalam bidang ataupun kita akan kita akan mengambil subjek *civil engineering* ini, kita perlu juga mengikuti apa yang dikatakan *military component* dan *military component* ini terbahagi kepada dua yakni *military art and science* yakni dalam bidang undang-undang tentera, dalam bidang sejarah ketenteraan, dalam bidang teknologi pertahanan, dalam

bidang pengurusan pertahanan, dalam bidang kepimpinan dan psikologi, dalam bidang pengajian strategik, dalam bidang media dan propaganda.

Dan di samping itu mengikuti latihan ketenteraan (*military training*) juga yakni dalam bidang *skills and competency development* dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga dari segi pembangunan fizikal. Itu merupakan komponen *military* yang diwajibkan dan di samping itu sebagai tambahan apa yang disebutkan sebagai *generic skills* pun perlu diambil oleh setiap pelajar Universiti Pertahanan nanti dan *generic skills* ini terbahagi kepada beberapa aspek ataupun komponen antaranya *Islamic and Civilizational Studies*, Bahasa Inggeris, Kajian Malaysia, kokurikulum dan setiap daripada pelajar akan diwajibkan mengambil satu bahasa moden misalnya kalau dia seorang pelajar bangsa Melayu, dia terpaksa ambil bahasa-bahasa seperti Bahasa Arab, Bahasa Italian, Bahasa Perancis, Bahasa Cina dan sebagainya. Pilihlah mana satu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [*Bangun*]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dan ini merupakan tambahan kepada kategori *generic skills*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat. Persepsi dan pandangan saya... minta penjelasan. Saya tertarik dengan *military security* yang dikatakan sebagai *syllabus*. Saya dimaklumkan atau apa daripada yang saya kaji dan saya baca *Homeland Security* akan menjadi cabaran utama dalam dekad-dekad akan datang. *Military warfare* tidak berbahaya berbanding dengan *Homeland Security* contohnya *terrorism within 'ICTization' of war, computer, internet usage* dan juga pendatang asing yang semakin menular di dalam Malaysia, dadah dan sebagainya. Ini akan menjadi *a national security* lebih serius berbanding dengan *conventional warfare* dan apakah perkara-perkara ini telah dimasukkan dalam sukatan-sukatan yang bakal diberikan dalam *military security* yang dikatakan tadi.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Nampaknya Yang Berhormat bagi Cameron Highlands sebut benda-benda itu macam orang Pahang. Memang benar apa yang dikatakan *non-conventional trap* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, akan merupakan ancaman terbesar pada masa ini dan juga masa akan datang. Jadi dari segi kurikulumnya, kita memang akan menerapkan kajian mengenai *non-conventional trap*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tertarik dengan beberapa bidang iaitu dalam bidang teknologi. Dalam negara kita ini kalau kita lihat bahawa kita belum terdedah

dan belum mengetahui dengan *electronic warfare*. Sedangkan negara jiran kita Singapura telah mempraktikkan sistem *electronic warfare* ini. Jadi apakah juga dengan kewujudan *varsity* ini akan lebih mendedahkan lagi dan di samping itu kita dapat melahirkan *military* yang cukup elit seperti negara-negara jiran yang mengetahui teknologi tinggi, strategi dan sebagainya.

Dan dengan cara ini mungkin apakah negara kita akan menjadi lebih *deterrent* jika dibandingkan dengan sekarang, sebab kita selalu diugut oleh negara-negara jiran walaupun kecil tetapi mengugut dengan berbagai-bagai ungkapan. Baru-baru ini terdapat juga satu ugutan berupa hasutan iaitu dia kata antara negara Malaysia juga termasuk meminta rakyat negara Singapura menjadi 'pak turut' seperti orang Cina di Malaysia. Ini ugutan! Jadi kita kena melahirkan *military* yang cukup *deterrent*, elit untuk *counter* mereka punya persoalan ini. Minta pandangan Yang Amat Berhormat.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang peperangan elektronik ini adalah merupakan satu aspek yang sangat penting dalam konsep *modern warfare* dan kita sudah sedar perkara ini dan ini juga akan kita lahir ataupun kita akan pastikan anggota-anggota kita terlatih dalam bidang *electronic warfare* ini. Di samping itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, memang kita mempunyai perancangan untuk membina kemampuan yang lebih tinggi dalam bidang *electronic warfare*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai nisbah kemasukan ke universiti pertahanan ini, dasarnya pada masa ini ialah 80% pengambilan ini ialah untuk bakal pegawai tentera dan 20% untuk keperluan awam dan sektor swasta. Ini merupakan nisbah yang kita akan tentukan peringkat awal dan kita akan kaji dari masa ke semasa mengikut keperluan anggota tentera, angkatan tentera dan keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sungai Petani turut mencadangkan supaya Maktab Tentera Diraja ditambah lagi menjadi Maktab Tentera Diraja Kedua. Kerajaan berpendapat bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *there can only be one* Maktab Tentera Diraja seperti mana *they can only be one Sandhurst, they can only be one West Point* dan sebagainya. Jadi kita tidaklah bercadang untuk mewujudkan satu lagi Maktab Tentera Diraja namun yang sedia ada ini, kerajaan telah pun memperuntukkan kelulusan kewangan sebanyak RM100 juta untuk menambah kapasiti. Kapasiti MTD akan ditambah dan dengan ini maka jumlah putera akan bertambah kepada 1,500 orang penuntut berbanding dengan 500 pada masa ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Cadangan yang saya buat itu supaya MTD ditambah lebih daripada satu ialah kerana kemasukan kita hendak tambah kerana kalau sesebuah maktab itu terlalu ramai 1,500 atau 2,000 saya rasa

kemungkinan kita akan menghadapi banyak masalah yang mana kita tidak dapat memantau masalah-masalah tadi. Begitu juga kalau dalam sekolah kita sekarang ini hendak kurangkan bawah daripada 1,000 supaya pemantauan dapat dilakukan. Ia boleh jadi MTD1, MTD2 atau MTD3. Tidak perlu kita guna nama lain. Jadi dengan cara itu, saya percaya oleh kerana model yang kita ada - MTD yang kita ada sudah berjaya, sudah terhasil.

Oleh yang demikian kita boleh tambah oleh kerana masa sudah sampai untuk penambahan pelajar-pelajar tadi. Jadi saya cadangkan supaya kita ada lebih daripada satu. Jadi ia boleh jadi MTD1, MTD2 dan MTD3 dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berfikir bahawa adalah lebih baik kita memberi tumpuan kepada sebuah MTD sahaja dan kita akan kembangkan keupayaannya kepada satu peringkat yang lebih ramai tapi masih boleh dikawal lagi. Dan kalau kita ada MTD2, MTD3 dan sebagainya akan timbul banyak masalah dari segi kawalan standard dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga mencadangkan supaya MTD dinaikkan taraf seperti Sandhurst di United Kingdom, West Point di Amerika Syarikat dan sebagainya. Kita tidak boleh samakan dengan Sandhurst di UK dan West Point di USA kerana MTD tidak melatih pegawai kadet untuk menjadi bakal Pegawai ATM tetapi sebaliknya memberi pilihan kepada mereka sama ada hendak bekerja di luar yakni dalam sektor awam ataupun swasta ataupun memilih untuk menjadi pegawai tentera. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan dan saya ucapkan ribuan terima kasih...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:kepada....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak boleh, sudah habis sudah. Habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Amat Berhormat, saya sudah tunggu lama.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sudah habis, sudah habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tentang *point* yang saya bangkitkan dalam ucapan saya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sudah habis sudah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, demikian sahaja penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, bagi sekejap sahaja.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:dan saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini kerana Yang Amat Berhormat tidak dapat menjawab *point* yang saya bangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

3.09 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Menteri Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Putatan yang telah menggesa supaya Pengarah Urusan MAS dilucutkan jawatan kerana tidak menunjukkan prestasi seperti yang diharapkan bagi membolehkan syarikat penerbangan tersebut. Berhubung dengan gesaan ini, adalah dimaklumkan bahawa Pengarah Urusan MAS tersebut baru sahaja dilantik pada Disember 2005. Setelah mengkaji masalah yang sedang dihadapi oleh MAS secara teliti, beliau telah mengumumkan pelan pemulihan perniagaan atau *business turn around plan* dengan izin pada Februari 2006. Pelan ini telah pun dipersetujui oleh kerajaan.

Dalam pada itu, kerajaan mempunyai keyakinan ke atas usaha-usaha beliau untuk memulihkan MAS dan oleh yang demikian, kementerian berpendapat bahawa beliau seharusnya diberikan peluang secukupnya untuk memulihkan MAS supaya menjadi sebuah syarikat yang berdaya saing. Tambahan lagi, pihak pengurusan serta kakitangan MAS telah memberi sepenuh kepercayaan dan sokongan kepada beliau untuk memulihkan dan menerajui syarikat ini.

Yang Berhormat bagi Sandakan, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu pula telah membangkitkan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [*Bangun*]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya Beluran. Tuan Yang di-Pertua, saya dijelaskan, kita semua mendapat penjelasan Menteri bahawa MAS MD ini akan diberi peluang. Tetapi saya ingin tahu apakah *terms of references* pelantikan beliau ini, dari segi adakah beliau ini bebas untuk menentukan harga tambang MAS dalam proses untuk ke pelan pemulihan perniagaan MAS itu, adakah beliau ini bebas dan kerajaan tidak boleh campur tangan, tidak boleh menunjuk ajar terhadap MAS, terhadap tambang yang dikenakan oleh MAS sekarang ini? Begitu juga dari segi sektor perjalanan dan sebagainya. Kerana yang jelas sekarang ini seolah-olah MAS dengan Air Asia mempunyai *authority* yang tersendiri dari segi kedua-dua ini. Menentukan sektor penerbangan dan juga menentukan tambang. Penjelasan Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali kah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya pun turut menyarankan di mana saya sendiri telah membuat kajian, rasionalisasi yang dilaksanakan oleh MAS dengan Air Asia langsung tidak rasional, Air Asia tidak rasional. Kenapa Air Asia tiba-tiba muncul dengan mendominasi penerbangan domestik? Dan LCC saya juga dimaklumkan masih digunakan secara percuma oleh Air Asia. Siapa pemilik syer Air Asia ini sebetulnya? Saya minta Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, kenapa dia tiba-tiba, kita waktu merdeka diberi penerbangan Foker 50, sudah merdeka 49 tahun, kita bukan maju ke hadapan, domestik di Sabah diberi Foker 50 lagi, bukan lagi 737. Di mana rasional dia? Sebab itu kita mahu minta kerajaan, Yang Berhormat sekali supaya menstruktur semula MAS ini, sebab kita rakyat sudah hilang kepercayaan.

Kami wakil-wakil rakyat sudah hilang kepercayaan, Yang Berhormat pun ditipu oleh mereka. Iaitu Yang Berhormat, dua minggu yang lalu menyatakan kepada kita, selaku wakil rakyat yang diberi oleh kerajaan 25% potongan, tetapi MAS memotong tanpa memaklumkan kepada kerajaan. Jadi bagaimana persoalan ini boleh kita terima dan bagaimana penyelesaiannya? Apakah MAS telah diberi amanah oleh kerajaan selaku GLC kerajaan iaitu menstruktur MAS dengan membuang enam ribu hingga lapan ribu pekerja sudah dilaksanakan. Syarikat-syarikat lain, saya tengok Thai Airlines, Emirates Arab Bersatu, Brunei Airlines kalau kita banding harga dia dengan MAS, jauh lebih rendah daripada apa yang dinaikkan oleh MAS sekarang. Saya mohon Yang Berhormat mintalah, ambil perhatian persoalan ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua lagi bangun Yang Berhormat, Sungai Petani dan Bera.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, saya juga nak sampuk, boleh jadi jawab sekali. Boleh?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sebelum, mungkin beberapa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang ada dalam jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi Sungai Petani.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Mungkin lepas saya memberikan jawapan, ada tiga, empat muka surat lagi tentang MAS dengan Air Asia. Lepas itu saya akan ambil semua pertanyaan dan 10 minit saya akan memberikan penjelasan kepada apa yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Bera dan Sungai Petani sila duduk dulu.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kadar tambang, dia ada dua sektor. Bagi sektor ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, ini yang baru Yang Berhormat, saya nak tanya sikit saja. Air Asia yang terbaru, boleh?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya akan sentuh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak, ini tak ada dalam itu Yang Berhormat, sebab ini baru berlaku. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, ok, pemangku ketua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya nak tanya dalam sistem kita nak mengangkat sistem penerbangan kita akui, Yang Berhormat telah beri penjelasan. Ini Air Asia tiba-tiba menamatkan penerbangan dari Ipoh ke Johor Bahru dengan penjelasan bahawa kononnya landasan yang ada hari ini tidak mencukupi, tiba-tiba sahaja. Sedangkan pelabur nak datang ke Perak dan sebagainya, ini saya bagi contoh, kenapa tiba-tiba sahaja. MAS dah tak ada, jadi apakah ini ada kuasa baru yang tidak memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya percaya Yang Berhormat Menteri sudah turun ke Ipoh dulu untuk melihat supaya Lapangan Terbang Ipoh ini juga menjadi salah satu lapangan terbang yang menjadi destinasi untuk menarik pelancongan, pelaburan dan sebagainya.

Jadi saya minta penjelasan kerana ini isu terbaru yang cukup mendukacitakan apabila tiba-tiba Air Asia tanpa memberi sebab, notis memberhentikan penerbangan dari Ipoh ke Johor Bahru, tak ada lagi dah penerbangan. Kalau ada pilihan, kita boleh terima tapi tiba-tiba. Apakah alasan kalau boleh Yang Berhormat minta tolong Air Asia ini memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau mereka tidak memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, ini satu perkara yang memalukan. Apakah Menteri tidak ada kuasa? Kalau inilah yang dilakukan oleh Air Asia, sesuatu siasatan perlu diadakan lebih segera untuk melihat kenapa Air Asia dengan sesuka hati, sewenang-wenangnya boleh memberhentikan penerbangan tanpa merujuk kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Mungkin saya boleh jawab jawapan Yang Berhormat dulu sebelum saya lupa. Memang Air Asia telah mengambil keputusan untuk memberhentikan operasinya dari Johor Bahru ke Ipoh tanpa memberitahu kepada pihak kementerian. Ini memang dibenarkan oleh kerana Air Asia sebagai sebuah syarikat kepunyaan swasta dan *public listed*. Dan selalu mengambil keputusan berdasarkan kepada pertimbangan komersial. Dan saya selalu menegaskan kepada syarikat-syarikat penerbangan di negara ini, memang mereka dibenarkan mengambil keputusan berdasarkan kepada pertimbangan komersial tetapi jangan lupa juga obligasi sosial mereka. Khususnya kalau sekiranya penerbangan ini adalah beroperasi di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman. Tetapi saya tidak setuju sebab yang diberi oleh Air Asia bahawa landasan di Lapangan Terbang Ipoh ini tidak cukup untuk mengambil Airbus 320, saya memang ada laporan daripada DCA yang mengatakan memang cukup.

Tetapi ini memang merupakan satu isu teknikal di mana kita boleh mengkaji lebih mendalam lagi. Tetapi sebelum itu saya juga berpendapat bahawa Air Asia bukan semua *aircraft* dia A330, dia banyak lagi Boeing 737. So sebelum mereka menggantikan segala ataupun seluruh pasukan *flip* dia kepada A320, mereka masih boleh terus beroperasi ke Ipoh dari Johor Bahru dengan menggunakan Boeing 737. Maka alasan yang diberi oleh pihak Air Asia ini tidak munasabah bagi saya dan saya akan menyampaikan pandangan ini kepada Air Asia dan saya akan berunding dengan Air Asia dan juga kerajaan negeri Perak untuk mencari jalan macam mana nak *to re-instate* dengan izin penerbangan ini kerana ini sangat penting bagi Ipoh.

Kalau alasan yang lain barangkali mungkin *load factor very low* ini dari pertimbangan komersial boleh diterima. Tadi yang mengatakan landasan di Lapangan Terbang Ipoh tidak cukup ini saya tidak boleh terima.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan rakyat Perak saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dalam hal ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sama?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berkaitan ya berkaitan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya berkaitan boleh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semalam Menteri Besar Perak mengatakan bahawa kerajaan perlu berbelanja lebih kurang RM28 juta untuk *to extend the runway* di Ipoh dan ini adalah disebabkan kerana permintaan yang dibuat oleh AirAsia. Sekarang Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa AirAsia sebenarnya ada *flit-flit* yang boleh datang ke Ipoh. Dalam keadaan ini adakah Yang Berhormat Menteri akan memberi arahan yang tertentu oleh kerana mulai dari hari ini mereka telah memberhentikan dengan serta-merta. Menteri besar pun hairan kerajaan negeri pun tidak tahu langsung mengenai perkara ini. Dan saya difahamkan bahawa

Menteri tidak memberitahu apa-apa mengenai perkara ini kepada Kerajaan Negeri Perak yang tidak tahu bahawa satu keputusan telah dibuat oleh AirAsia. Memandangkan kementerian ada kuasa untuk memberi lesen kepada AirAsia dan sebagainya adakah tindakan akan diambil terhadap AirAsia dalam perkara ini?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Pertanyaan ini saya telah bagi jawapan. Sebagai sebuah syarikat swasta yang disenaraikan di bursa saham mereka boleh mengambil keputusan berasaskan *commercial consideration*. Tetapi walau bagaimanapun *social obligation* juga penting ini saya hendak menegaskan maka saya setuju bahawa perkara ini akan dirunding dengan AirAsia dan juga pihak kerajaan negeri macam mana kita mencari jalan *to reinstate* penerbangan ini. Oleh kerana saya faham operasi ini penting bagi negeri Perak khususnya bagi bandar raya Ipoh saya memang faham.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat boleh tambah ke? Tidakkah kerajaan atau kementerian mengkaji kebenaran ini sebab ini berlaku di Ipoh, bagaimana kalau berlaku di lain-lain tempat. Sebab dia diberi kuasa sendiri untuk menentukan destinasi dia atas alasan komersial. Jadi kalau dia kata penerbangan Kota Kinabalu - Sandakan *no commercial value* dia akan berhenti kalau begitu bagus kita undang minta penerbangan-penerbangan lain. Kita buat langit terbuka bersainglah secara terbuka. Ini kita bagi dia kebenaran, dia buat sesuka hati kerajaan *lost control* ha ini lah dikatakan *lost control* Yang Berhormat. Kita *lost control*.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tidak apa Yang Berhormat terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Kita baru melaksanakan *rationalization* bagi *trunk road* kita membenarkan kedua-dua syarikat untuk bersaing AirAsia dengan MAS. Tetapi bagi *non trunk road* ataupun khususnya *ruler air services* ini sebagai obligasi kerajaan untuk memberikan perkhidmatan kepada mereka yang duduk di luar bandar. Ini kita akan menjaga, tetapi untuk *trunk road* kita memang membenarkan persaingan. Kalau sekiranya perkara ini tidak akan membawa kebaikan kepada negara dan juga pihak rakyat kita akan memberikan pertimbangan supaya lebih mungkin membenarkan syarikat penerbangan yang lain untuk beroperasi. Tetapi setakat ini kita benarkan persaingan antara MAS dan juga AirAsia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh saya memberikan penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sama ha? Okay Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, yang lain sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya minta dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia bagi terpulang kepada menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya mengenai itu Ipoh. Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa inilah kuasa AirAsia tidak perlu dapat kebenaran tetapi bukannya benar bahawa keputusan dibuat lebih awal. Sebenarnya semua yang ada memesan tiket-tiket dahulu sudah dimaklumkan bahawa penerbangan-penerbangan bermula hari ini akan dibatalkan mungkin sudah lebih satu bulan. Kenapa sampai sekarang baru Kementerian Pengangkutan diberitahu? Bukankah ada satu sistem di mana sungguhpun keputusan akan dibuat oleh AirAsia daripada *commercial consideration* atau apa-apa tetapi sekurang-kurangnya apa pertukaran jadual penerbangan patutlah dimaklumkan kepada Kementerian Pengangkutan. Tidakkah ada satu sistem mengenai itu?

Kedua sekarang kita dapati bahawa asas yang diberikan oleh AirAsia ialah *commercial consideration* tidak benar oleh kerana itulah mengenai teknikal. Sebab teknikal sama ada landasan Ipoh boleh menerima *airbus* atau tidak dan ini ditolak DCA (Department of Civil Aviation). Kenapa ini boleh berlaku? Kerana sebenarnya patutlah perkara ini di selesai satu bulan ini sebelum kita sampai hari ini di mana semua perkhidmatan ditamatkan. Bolehkah ini diubahsuai supaya di masa depan perkara ini semacam ini tidak akan berlaku.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya mengatakan mereka tidak wajib untuk meminta kebenaran tetapi mereka memang memaklumkan kepada kita. Dia tidak payah minta kebenaran untuk berhenti operasi kepada sesuatu perjalanan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bila dimaklumkan yang pertama kali kepada Kementerian Pengangkutan?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya tidak ada angka yang terperinci tetapi lebih kurang dua minggu, lebih kurang. Tetapi untuk merancang satu perjalanan memang mengambil masa yang lebih daripada itu. Memang syarikat penerbangan swasta boleh buat keputusan berasaskan *commercial consideration* tetapi kalau ini *commercial consideration* memang kita boleh pertimbangkan dan berunding. Tetapi alasan yang diberi ini memang tidak boleh diterima. Dia tidak mengatakan ini merupakan satu *commercial consideration*. Ini adalah atas landasan tidak cukup panjang, ini kementerian memang tidak dapat terima dan kita akan runding kepada AirAsia supaya cari jalan untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya soalnya ialah kenapa dalam dua minggu ini sebelum keputusan hari ini dilaksanakan...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Memang, memang ada ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...rundingan diadakan. Dan kenapa...

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tidak apa Yang Berhormat. Memang ada perbincangan, memang ada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa ini tidak ditundakan sehingga perkara ini diselesaikan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Memang ada perbincangan, memang ada perbincangan tetapi yang ditunjuk oleh AirAsia kepada Kementerian Pengangkutan ialah *very low factor* daripada Johor Bahru ke Ipoh. Memang bulan yang lepas tidak sampai 60%, 50% sahaja memang sangat-sangat rendah *load factor* dia. Tetapi kalau *load factor* dia rendah bincang dari segi ini kita boleh berunding tetapi yang mengatakan landasan tidak cukup panjang secara umum ini kita pihak kementerian memang tidak boleh menerima.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Beluran Yang Berhormat .

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' empat lima kali bercakap tentang obligasi sosial *over commercial consideration*. Saya ingin tahu di mana *weight* obligasi sosial ini jika setiap keputusan syarikat penerbangan tidak dirujuk kepada Menteri. Di mana obligasi sosial boleh naik tinggi daripada *commercial consideration*. Dalam kes-kes Ipoh umpamanya dan kalau dalam kes yang boleh berlaku di masa akan datang obligasi sosial ini akan turun ke bawah tidak akan dijadikan faktor untuk membuat keputusan tetapi lebih kepada *commercial consideration* jika pihak penerbangan tidak merujuk kepada kementerian.

Satu lagi Dato' bercakap tentang akan membuka penerbangan kepada syarikat jika ianya memberi kesan negatif kepada negara. Bilakah berapa lama *timeframe* Dato' fikirkan perkara ini boleh berlaku? *Considering* sekarang daripada 1 Ogos hingga sekarang 18 September masyarakat di Sabah Sarawak telah menerima kesan yang negatif daripada rasionalisasi penerbangan domestik AirAsia dengan MAS ini. Bila berapa lama *timeframe* yang Dato' fikirkan perkara ini boleh berlaku.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini memang merupakan suatu cadangan yang membina di mana kita akan memberikan pertimbangan, bila lesen penerbangan ini diperbaharui mungkin kita boleh timbang untuk memasuki beberapa *clause* supaya bila sesuatu operasi diberhentikan, pasti diberitahu kepada kementerian. Ini memang merupakan suatu cadangan yang membina di mana kita akan memberikan pertimbangan yang serius.

Mengenai *rationalization* saya akan bagi jawapan nanti dan langkah-langkah yang telah diambil untuk membetulkan beberapa kekurangan yang telah berlaku. Boleh saya ulang kepada beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Tentang kadar tambang bagi sektor antarabangsa memang sehingga kini pihak MAS tidak perlu merujuk kepada kementerian untuk mendapatkan kebenaran. Ini untuk sektor antarabangsa. Bagi sektor domestik sebelum rasionalisasi, di mana sektor domestik adalah dipunyai oleh pihak kerajaan. Kita cuma melantik MAS untuk menguruskan operasi domestik, di mana penetapan semua kadar tambang mesti dapat kebenaran daripada pihak kerajaan. Tetapi selepas *rationalization* di mana kita melaksanakan dan membenarkan dua buah syarikat untuk bersaing, maka kita mengatakan bahawa mereka tidak perlu mendapat keputusan daripada pihak kerajaan untuk menetapkan kadar tambang mereka.

Tetapi kalau sekiranya kadar tambang apabila sudah sampai kepada suatu tahap yang akan merugikan negara dan juga rakyat, kita akan *intervene* seperti mana sekarang di Sabah dan Sarawak, kadar tambang bagi *business class* amat tinggi. Kita telah memberitahu kepada MAS, mereka mesti mengulang kaji peningkatan *fare* bagi *business class* ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini merupakan suatu *intervention* daripada kerajaan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat,

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh saya

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak. Tidak. Oleh sebab disebutkan rasionalisasi, di sini bukanlah saya hendak menuding ke arah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Saya hendak membantu menteri dan saya amat simpati dengan menteri dalam keadaan ini. Dahulu menteri ada bercakap mengenai rasionalisasi. Bagi saya rasionalisasi itu sekarang sudah jadi *irrational*. Sudah jadi gila. Gila dalam erti kata macam tadilah.

Kalau Air Asia kata tidak mahu terbang, tidak terbang. Soal sosial *obligation*, sebenarnya kita ada kepentingan di dalam MAS dan pada awal, kita ingin pengurusan awal hendak mencari jalan *restructure* dan sebagainya akhirnya membawa sedikit sebanyak pulangan yang baik kepada MAS supaya ia tidak jadi bankrap.

Betul, tetapi malangnya sekarang ini dalam rasionalisasi yang sudah jadi *irrational* nampaknya macam menteri tidak boleh menegur di mana-mana hingga benda itu berlaku, baru menteri itu hendak tegur. Saya bimbang ini. Misalnya saya juga dengar Yang Berhormat tidak menyatakan kepada kita lagi, mungkin sekejap lagi mengenai dengan proses rasionalisasi pembuangan bukan pembuanganlah maksud saya, maaf saya itu terlalu kasar. Memberi MSS apalah MSSkah, apa SSSkah dengan pengurangan kakitangan misalnya mungkin dia buat duit.

Tetapi kita harus ingat. *British rail* di Britian, dia rugi tiap-tiap tahun tetapi dia *social obligation*, pengangkutan awam kepada orang ramai. Macam inilah juga di Malaysia, *domestic flight* kita kata. Apakah *domestic flight*, pihak kementerian tidak boleh tegur. Macam tadi

keistimewaan yang sudah diberi kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga orang pencen hendak ditarik balik. Kita beri, tiap-tiap kita pergi - penuh. Tiket tidak boleh dapat 25%. Inilah rasionalisasi yang *irrational* bagi saya.

Kemudahan-kemudahan benda yang baik sudah ada mengapa hendak dikocak-kacikkan. Saya berharaplah Yang Berhormat dalam hal ini pihak Kementerian Pengangkutan hendaklah bertegas. Kalau tidak tegas, ini akan terjadi. Akhirnya MAS bermaharajalela, Air Asia sudahlah bermaharajalela sudah sekarang. Saya pun hendak tanya juga betul ataupun tidak, dengar khabar, khabar-khabar angin betulkah atau tidak MAS tidak akan terbang lagi ke Alor Setar. Betul atau tidak itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Labuan bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat mengatakan kerajaan tidak boleh tegur kepada syarikat penerbangan memang tidak benar. Saya menyebutkan ini oleh kerana bila mulanya *rationalization* memang ada beberapa kekurangan dan bila kita tegur bahawa beberapa kekurangan telah pun dipulihkan di mana saya akan berikan jawapan.

Selepas itu mengatakan MAS akan memberhentikan operasinya dari KL ke Alor Setar ini memang tidak berasas. Tidak berasas.

Yang Berhormat menyentuh juga tentang mengapa masih terdapat beberapa perjalanan ataupun *route* masih beroperasi dengan *F50* dan bukan *Boeing*. Ini oleh kerana kekurangan ataupun kemudahan *airport* tidak dipertingkatkan untuk mengambil *Boeing 737* lagi, tetapi saya yakin bahawa bila diberikan sedikit masa di mana kita akan berusaha untuk mempertingkatkan beberapa buah lagi lapangan terbang khususnya di Sabah dan Sarawak dengan izin Tuhan suatu masa bila tibanya beberapa *airport* ini boleh menerima *Boeing 737*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Labuan bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengumumkan bahawa Labuan bermula 18 September iaitu hari ini dan 1 Oktober dikembalikan 90% penerbangan yang telah dibatalkan oleh MAS.

Walau bagaimanapun Dato', tadi saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa laluan domestik milik kerajaan dan Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi, bahawa diwujudkan suatu suasana *competition* supaya dia baik untuk pelanggan dan pengguna. Tetapi dalam konteks hari ini Dato' Menteri suasana *competition* itu tidak wujud bila mana kerajaan melepaskan laluan domestik kepada Air Asia.

Hanya mungkin sekarang sebahagian ditarik balik. Saya juga ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana *problem* saya di Labuan sebahagian sudah selesai. Cuma satu bahagian sahaja Dato' Sri Menteri, kenaikan tambang. Dimaklumkan bahawa kerajaan mengawal untuk laluan domestik.

Sebagai contoh Dato' Menteri, Labuan – Kota Kinabalu sebelum ini RM74 satu perjalanan pergi dan balik RM148. Hari ini MAS menaikkan tambang RM144 satu perjalanan, RM288 untuk *return air fare* untuk 69 *nautical mile*. Sedangkan daripada Jakarta ke Kuala Lumpur MAS baru mengenakan tambang kurang daripada RM1,000. Saya minta Yang Berhormat Dato' Menteri apakah ada kemungkinan perkara ini dilihat semula oleh pihak kementerian supaya kenaikan jangan melebihi daripada 15% ataupun 30% maksimum yang telah diumumkan oleh pengurusan MAS sebelum ini. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah membangkitkan persaingan di antara syarikat penerbangan - ini amat penting. Oleh kerana menurut persetujuan yang telah dicapai antara pemimpin-pemimpin ASEAN yang telah menetapkan ASEAN *Aviation Route Map* di mana sektor *aviation* ini akan dibebaskan *diliberalize* ikut jadual.

2008, kapita ke kapita akan di *liberalized*. Ertinya semua syarikat penerbangan di ASEAN boleh beroperasi. 2010 kapita *plus one*. Bila tiba masanya 2015, *fully liberalization*, untuk semua negara ASEAN. Di mana SQ, Royal Thai, semua syarikat boleh terbang kepada semua bandar raya di seluruh Malaysia. Maka kita hendak menyediakan syarikat penerbangan kita supaya dapat bersaing dengan syarikat penerbangan dari luar negeri. Maka *rationalization* ini adalah merupakan satu usaha kerajaan untuk *introduced* persaingan antara syarikat penerbangan di dalam negara kita.

Tetapi saya setuju di mana kadar tambang sudah naik terlalu tinggi, dan ia akan menyulitkan rakyat, kita akan *intervened*. Misalan kata, dalam *Air Fare Review* baru-baru ini oleh MAS, dia sudah mengumumkan bagi kelas ekonomi tidak akan melebihi 15%, bagi *business class* tidak akan melebihi 25% atau 30%. Tetapi kelas ekonomi boleh, kita kaji, dia sudah ada enam kelas *Air Fare* sekarang. Di mana empat kelas lebih murah daripada dulu, tetapi ada dua kelas sedikit tinggi, tetapi dia masih dalam lingkungan 15%. Tetapi bagi *business class* ada yang sampai 70%, ini yang kita tidak boleh terima. Maka saya telah mengatakan bahawa...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Dato', dia dalam bentuk *oil surcharge* tahu Dato'. Kalau kita minta tambang itu, ia *excluded* 25%.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh...boleh...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Dalam bentuk *oil surcharge*, dia berselindung sebalik *oil surcharge*. *Are you aware of this?*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya..yes, we are fully aware. So, mereka akan mengkaji semula tentang *business class* di mana kadar peningkatan sudah sampai 70%, ini yang kita tidak boleh terima. Yang Berhormat bagi Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yang Berhormat Dato' Sri Menteri terima kasih. Tetapi bagaimana dalam keadaan yang saya sebutkan tadi Dato' Sri Menteri yang melibatkan Labuan-Kota Kinabalu yang ekonomi naik 100%, dan bagaimana dengan Kuala Lumpur-Labuan, di mana kerajaan komited dalam konteks integrasi nasional. Tambang juga naik 100% daripada RM699 tambang pergi balik, hari ini Labuan-Kuala Lumpur sudah jadi RM1,400. Jadi bukan ekonomi naik 15% Dato' Menteri melebihi 15% melebihi harga atau pun peratus yang dipersetujui oleh kementerian. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, sekiranya perkara ini berlaku apakah Yang Berhormat Menteri dapat memberi jaminan bahawa ianya dapat diturunkan dengan serta-merta ke paras yang telah dipersetujui oleh pihak kementerian, seperti 15% untuk ekonomi dan tidak melebihi 25% untuk kelas perniagaan. Terima kasih Dato' Menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Ini merupakan satu perkara baru kepada saya, Labuan-KK ekonomi kelas sudah naik 100%.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, bukan sahaja Labuan, KK, Sandakan, Kota Kinabalu pun naik. Kuala Lumpur-Kota Kinabalu pun naik.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya ada *figure*, saya memang ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mungkin itu *figure*, ini sebab pegawai kena periksa, mungkin mereka menipu. Kenaikan dia 100%.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Kalau 'Y' class, *economy class* 100%, MAS tidak ada jalan tetapi mesti turun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia kena turun, Yang Berhormat kena panggil dia orang.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini jaminan saya akan beritahu, 100%. Kalau dia naik 100%, saya bagi jaminan di Dewan yang mulia ini, MAS mesti turunkan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *Thank you*, Dato' Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pulau bangun.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]: Yang Berhormat, terima kasih kerana beri saya laluan, saya hendak tanya sedikit, banyak soalan Yang Berhormat ditanyakan dalam Dewan ini, berkenaan dengan pengurusan dan sepatutnya wakil-wakil kerajaan yang duduk dalam Lembaga Pengarah MAS sendiri boleh bertanyakan dan juga memperjuangkan mengenai isu-isu sosial, kepentingan sosial ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah Lembaga Pengarah MAS sekarang ini menjalankan tugas mereka dengan baik, bagi pihak kerajaan atau tidak? Dan saya rasa kalau mereka tidak, mungkin Ahli-ahli Parlimen di sini boleh dilantik dalam

Lembaga Pengarah MAS, supaya kami sendiri dapat memberikan pandangan berkenaan dengan kepentingan rakyat dalam Lembaga Pengarah MAS.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali Yang Berhormat. Kita wakil-wakil Rakyat mencadangkan kepada kerajaan dan Yang Berhormat selaku Menteri, Ahli-ahli Lembaga Pengarah MAS, sudah tidak berkesan, tidak berfungsi. Jadi kenapa tidak diganti? Kenapa kita menyimpan benda busuk dalam kementerian kita? Semua rakyat sudah marah, pilihan raya bukan mereka, Pengerusi dia sudah buat penipuan, disambung lagi. Mana rasional dia? Saya juga ingin bertanya kenapa mahu ada LCC lagi? *Purposely* untuk Air Asia, sedangkan lapangan terbang kita KLIA begitu besar, sekarang lengang, kerana diwujudkan sesuatu untuk menguntungkan seseorang ke? Saya masih *insist* mahu tanya, siapa pemegang saham dalam Air Asia ini? Saya mahu Yang Berhormat beritahu kita.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pelantikan Ahli-ahli Lembaga kepada MAS, ini adalah bidang kuasa Menteri Kewangan, maka saya akan sampaikanlah teguran daripada Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya teguran Yang Berhormat dapat diberi pertimbangan.

LCCT ini bukan khususnya untuk Air Asia. LCCT ini khususnya untuk syarikat penerbangan tambang murah. Dan dirantau ini bukan sahaja Air Asia, memang ada banyak lagi syarikat tambang murah, selain daripada Air Asia, memang ada banyak lagi, di Singapura, di Filipina, di Thailand, di Indonesia. Mereka memang disambut baik, kita menerima operasi mereka kepada LCCT. Sekarang memang kita sudah ada permintaan daripada pihak Filipina, sebuah LCC akan beroperasi kepada LCCT tidak lama lagi. Maka saya hendak menjelaskan bahawa LCCT bukan dibina khususnya untuk Air Asia, tetapi khususnya untuk syarikat-syarikat tambang murah, di mana akan jadi geng popular di seluruh dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan mengenai langit terbuka tadi. Saya hendak tahu langit terbuka tadi adakah termasuk penerbangan dalam negeri atau pun untuk *international* sahaja? Sebab kalau kita lihat, MAS selama ini yang memonopoli laluan, pun gagal, rugi sepanjang masa, dan sekarang kita hendak buka pula kepada syarikat penerbangan lain secara langit terbuka. Saya yakin kalau kita buka, MAS, lagi cepat tutupnya. Jadi apa rasional dia?

Dato' Sri Chan Kong Choy: *Open Sky Policy* memang merupakan hak kerajaan, di mana kita menyahut dengan baik *open sky* dengan negara-negara lain. Setakat ini kita memang sudah mengadakan *open sky arrangement* dengan beberapa negara, seperti negara Thai, Taiwan, Amerika Syarikat dan sebagainya. Tetapi sebelum kita menentukan sama ada kita hendak melaksanakan *open sky* dengan beberapa negara yang tertentu, kita harus memberikan pertimbangan kepada faedah kepada negara.

Satu contoh ialah *open sky* dengan Singapura. Di mana Singapura merupakan satu destinasi sahaja, di mana Malaysia ada banyak destinasi. Kalau kita *open sky* dengan Singapura maka kita boleh terbang kepada satu bandar raya, dan mereka boleh terbang kepada banyak bandar raya di negara kita. Maka kita akan mengambil sedikit masa untuk memberikan pertimbangan yang secukup-cukupnya sebelum kita membuat satu keputusan muktamad.

Tentang siapa punya AirAsia ini, AirAsia merupakan satu syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur Malaysia. Maka Yang Berhormat boleh periksa dalam *website*. Senang sahaja hendak dapat nama-nama pemegang saham saya pun tidak tahu siapa dia.

Yang Berhormat bagi Sandakan, Kelana Jaya dan Kota Kinabalu pula membangkitkan mengenai isu kelewatan penerbangan MAS dan AirAsia yang semakin ketara sejak akhir-akhir ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh kementerian lain, kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta syarikat-syarikat penerbangan tempatan untuk mengambil langkah dan tindakan yang berkesan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan domestik pada keseluruhannya khususnya di Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa Khas ini telah mengadakan beberapa perbincangan yang mana antara lainnya memfokuskan mengenai isu kelewatan penerbangan MAS dan AirAsia. Dalam hal ini syarikat-syarikat penerbangan telahpun diarah supaya mengambil tindakan untuk mengelakkan kelewatan dari berlaku kecuali dalam keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan. Dalam pada itu Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penerbangan Awam akan memantau prestasi-prestasi syarikat-syarikat penerbangan dan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan meningkatkan prestasi serta mutu perkhidmatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Sandakan dan Yang Berhormat Kelana Jaya pula telah menimbulkan persoalan berhubung masalah kekurangan kekerapan penerbangan terutamanya di kawasan Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu juga telah membangkitkan persoalan mengenai kekurangan kekerapan penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Sabah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Pengangkutan sedang meneliti masalah ini secara terperinci dan keputusan telah pun diambil bersama-sama dengan syarikat penerbangan untuk menambah bilangan penerbangan bagi sektor-sektor yang terlibat seperti berikut.

Bagi menampung keperluan penumpang, MAS akan mengadakan semula perkhidmatan bagi sektor Miri ke Kota Kinabalu dan Kuching-Bintulu. MAS akan mengadakan penerbangan harian atau 7 kali penerbangan seminggu bagi kedua-dua sektor ini mulai hari ini 18 September 2006. Penerbangan bagi kedua-dua sektor ini akan ditempah kepada dua kali penerbangan sehari atau 14 kali penerbangan seminggu apabila keperluan penumpang bertambah dan MAS memperoleh pesawat tambahan untuk mengadakan perkhidmatan berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya nampak mulai hari ini *flight schedule* ke Bintulu hanya satu kali satu hari. Walhal dulu memang banyak *flight* kerana Bintulu adalah satu bandar di negeri Sarawak di mana pembangunan industri paling pesat. Industri yang tinggi mutu, jadi mesyuarat untuk orang-orang perniagaan selalu diadakan di Bintulu. Mana ada cukup yang satu *flight* ini. Yang kedua sebelum ini AirAsia hanya terbang ke Bintulu dua kali dalam satu hari. Lepas itu penerbangan AirAsia selalu lambat, kadang-kadang dibatalkan. Jadi apakah yang terjadi? Sekarang mesyuarat yang penting dengan Petronas ataupun dengan Shell diadakan di Kuala Lumpur tetapi tambang dari Kuching ke Kuala Lumpur sudah dinaikkan hingga 60%. Inilah masalah kami di Sarawak dan ia ada kesan kepada ekonomi negeri itu. Tolong mohon penjelasan Yang Berhormat menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. MAS mula beroperasi satu kali seminggu sekarang, tetapi bila permintaan bertambah MAS akan menambah satu lagi penerbangan jadi dua penerbangan satu hari. Tambahan daripada itu AirAsia telah pun beroperasi dua atau tiga kali dan mereka akan tambah satu kali lagi bila mereka dapat pesawat baru dan ada permintaan. Sebelum rasionalisasi Bintulu Kuching ada 6 penerbangan tetapi 2 *Boeing* dan 4 *Fokker* tetapi semua *Boeing* tidak ada *Fokker*. Memang kalau tinjau dari segi ini memang sudah ada peningkatan dari segi kapasitinya khususnya *Fokker* 50 orang tetapi *Boeing* 150 maka kapasitinya sudah bertambah tetapi saya janji bila ada permintaan bertambah kita akan memberitahu kepada Syarikat AirAsia dan juga MAS akan menambah frekuensi antara Kuching dan Bintulu. Yang Berhormat .

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang penting Yang Berhormat Menteri ialah *timing* kerana kalau mesyuarat diadakan pukul 9 pagi kalau *timing* dia sekarang yang *direinstate* pada hari ini ialah pada pukul 12 setengah dari Kuching jadi bagaimanakah *timing* ini boleh di sesuaikan untuk masa mesyuarat. Ini adalah penting yang kedua ini, AirAsia ini memang *unreliable flight*, dia memang betul-betul *unreliable* jadi apakah akan terjadi kepada kami di Sarawak yang ingin menggunakan pesawat ini bukan untuk pergi makan angin. Tetapi untuk membuat perniagaan, bisnes dan sebagainya. Terima kasih

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya setuju sekali dengan pandangan Yang Berhormat bahawa jadual yang sesuai adalah sangat penting khususnya bagi bisnes *community*. Maka saya telah mengarahkan Jawatankuasa yang telah ditubuhkan yang diketuai oleh KSU saya supaya juga memberi perhatian khusus kepada jadual iaitu untuk mengadakan satu dengan izin *better spread of services* antara semua penerbangan maka semua perkara ini akan diambil berat oleh Jawatankuasa ini. Yang Berhormat

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Dato. Bagaimana pula dengan Sandakan, Kota Kinabalu. Berapa pula penerbangan MAS ditambah? Dan bolehkah mereka juga menyesuaikan *timing* waktu itu sebab dulu ada penerbangan pagi 7.20 sampai Kota Kinabalu lebih kurang jam 8. Mesyuarat jam 9 dia boleh balik petang tetapi sekarang dia terbang 8 lebih mesyuarat sudah berjalan. Dan petang tidak ada pula. Jadi macam mana itu yang orang marah ini.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ok Yang Berhormat saya akan sampaikan ke KK-Sandakan dan KK-Tawau selepas ini. MAS juga akan mempertingkatkan kekerapan perkhidmatan bagi sektor Kuala Lumpur-Labuan dari 7 kali seminggu ke 14 kali seminggu dan sektor KK-Labuan iaitu dari 14 kali seminggu ke 21 kali seminggu. Pada akhir bulan September 2006 dan tertakluk kepada usahanya untuk memperoleh sebuah pesawat *Boeing 737* tambahan untuk tujuan berkenaan.

MAS juga mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan kekerapan perkhidmatan bagi sektor-sektor lain seperti KK-Tawau, KK-Sandakan dan Kuching-Sibu tertakluk kepada keperluan penumpang serta pesawat tambahan yang diperolehi. Khususnya bila pesawat tambahan diperolehi maka MAS telah berjanji bahawa kekerapan antara KK-Sandakan, KK-Tawau juga akan dipertingkatkan. AirAsia dan FAX juga mempunyai rancangan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera.

Dato' Sri Chan Kong Choy: ...boleh selepas ini, AirAsia dan FAX juga mempunyai rancangan untuk menambah kekerapan penerbangan bagi sektor-sektor yang terlibat pada 18 hingga 22 September iaitu mulai hari ini hingga 22 September berdasarkan kepada keperluan penumpang bagi setiap sektor yang terlibat. Berasaskan kepada itu jumlah kekerapan penerbangan pada penghujung bulan ini akan dapat mencapai 90% dari jumlah penerbangan yang disediakan sebelum rasionalisasi penerbangan domestik pada 1 Ogos 2006. Yang Berhormat bagi Bera

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa rasionalisasi ini telah mendapat persetujuan daripada pihak kerajaan dan baru-baru ini pihak kerajaan menukar balik keputusan apabila menambahkan laluan. Jadi adakah semasa cadangan rasionalisasi itu terutama yang melibatkan laluan, pihak kerajaan tidak mengambil kira soal ini. Bagaimana dulu semasa membuat keputusan pihak kerajaan *overlook* perkara ini dan apabila di bantah oleh semua pihak, akhirnya sekarang ubah? Ini menunjukkan satu ketidakcekapan berlaku. Itu yang pertama.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Yang kedua, mengenai FAX. Saya difahamkan bahawa FAX akan mendapat subsidi sebanyak RM20 juta untuk penerbangan laluannya dan dulu perkara yang sama juga diberikan kepada Malaysia Airlines. Saya tidak tahu bagaimana FAX boleh menerima tawaran ini sedangkan MAS selama ini mengatakan mereka tidak mampu. Apakah MAS tidak mampu dengan RM20 juta subsidi ini kerana kelemahan pengurusan, bukan kerana masalah lain? Kerana kalau tidak, FAX tidak boleh menerima cadangan yang diberikan oleh kerajaan ini.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Perkara yang sama, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tunggu jawab dulu. Selepas itu Yang Berhormat boleh tegur. Kita tidak ubah rasionalisasi. Rasionalisasi akan diteruskan. Kita cuma menambah baik, apa kekurangan yang ada kita akan memperbaikinya dari masa ke semasa hingga sampai ke satu tahap yang memuaskan. Ini kita bersetuju bahawa bila kita *migrate* daripada satu rejim lama ke satu rejim baru, memang ada kekurangan atau masalah, maka kita ambil peluang ini untuk menambah baik. Sebelum rasionalisasi, operasi antara Sabah dan Sarawak merupakan monopoli MAS. Selepas rasionalisasi kita benarkan AirAsia supaya juga beroperasi antara Sabah dan Sarawak dan di dalam Sabah dan Sarawak. Ini ertinya persaingan telah diadakan di antara kedua-dua syarikat.

Memang kita akan meneruskan dengan keputusan ini. Kita tidak akan ubah. Kalau kita ubah, ertinya kita tidak membenarkan AirAsia beroperasi antara Sabah dan Sarawak, maka kita akan teruskan tetapi kalau ada kekurangan atau masalah, saya berterima kasih. Yang Berhormat boleh bangkitkan di Dewan yang mulia ini bila-bila masa, jumpa saya atau melalui surat-menyurat. Saya memang menerima baik teguran dan cadangan daripada Yang Berhormat. [Tepuk] Bersama-sama kita boleh mempertingkatkan mutu perkhidmatan *aviation* di dalam negara kita. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Memang hakikatnya sesuatu yang baru itu ada masalah. Tetapi kita masih tidak nampak rasionalnya terhadap rasionalisasi *non-trunk sector* antara AirAsia dengan MAS. Kenapa mesti kita beri peluang kepada AirAsia tidak bersaing dengan MAS dalam sektor *non-trunk* ini seperti Sandakan - Kota Kinabalu - Sandakan, Tawau - Kota Kinabalu? Kenapa tidak kita saingkan sahaja seperti penerbangan Kuala Lumpur - Kota Kinabalu? Kita saingkan antara MAS dengan Air Asia.

Saya tidak nampak mengapa mesti diberi keistimewaan kepada AirAsia untuk sektor yang *non-trunk* ini sedangkan yang jelas sekarang ini AirAsia tidak mampu walaupun ada anak syarikat. Walaupun AirAsia mengumumkan keuntungan berjuta ringgit baru-baru ini tetapi mereka tidak mampu melaksanakan tanggungjawab yang ini, tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik antara sektor yang *non-trunk* ini?

Saya berbalik kepada soalan mengapa kerajaan tidak kaji. Kita bagi bebas, kita bagi persaingan antara MAS. Penduduk di Sabah dan Sarawak sudah biasa dengan MAS. Mereka mahu dengan MAS kerana perkhidmatan yang diberi oleh MAS dan sekarang kesulitan yang

berlaku disebabkan oleh tidak ada persaingan antara MAS dengan AirAsia ini, yang menjadi beban masyarakat kita.

Saya ingin bercakap sekali lagi, perkara kesulitan penerbangan domestik *non-trunk* udara ini akan memberi kesan politik kepada kerajaan, Dato'. Sama ada kerajaan sedar ini atau tidak, sama ada AirAsia sedar atau tidak, inilah yang akan berlaku nanti. *You have to settle this*. Orang marah, orang perniagaan marah, masyarakat marah, Dato'. Marah disebabkan oleh rasionalisasi ini, orang terbeban disebabkan oleh perkhidmatan udara MAS dan AirAsia ini. Ia akan memberi kesan, Dato'. Yang lebih penting ini bukannya keuntungan MAS, bukan keuntungan AirAsia tetapi kerajaan ini mesti kukuh dan mesti kuat. Jangan kerana ini, beberapa kerusi kita kalah nanti. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini bahawa *non-trunk route*, sebelum ini *non-trunk* di mana AirAsia diberi monopoli cuma dua perjalanan sahaja iaitu antara KK dengan Miri dan juga Bintulu dengan Kuching, dan dengan keputusan yang terbaru ini di mana MAS dibenarkan beroperasi semula, kedua-dua perjalanan ini memang sudah tiada monopoli. Memang sudah tidak ada monopoli lagi. So, *non-trunk route* cuma dua sahaja. Tetapi MAS sekarang sudah dibenarkan beroperasi semula. *Non-trunk route* yang lain adalah diambil alih oleh FAX di mana kebanyakannya adalah merupakan *rural air services* dan juga operasi Fokker di mana kerajaan akan terus memberi subsidi seperti dahulu khususnya bagi kawasan pedalaman.

Maka mutu perkhidmatan FAX ini saya setuju sangat penting bagi rakyat di kawasan pedalaman khususnya tidak ada pilihan yang lain, tidak ada alternatif yang lain kecuali perjalanan udara sahaja. Maka saya sendiri telah memberikan perhatian yang cukup serius dan saya telah turun ke Miri pada 8 hari bulan, minggu yang lepas supaya saya sendiri bertemu dengan semua persatuan termasuk wakil rakyat daripada kawasan pedalaman. Saya hendak dengar daripada mereka teguran dan cadangan mereka, dan kebanyakan daripada cadangan mereka telah pun diterima dan beberapa kekurangan telah pun dibetulkan. Saya berjanji akan turun sekali lagi ke Miri dan saya berjanji kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat, saya sendiri akan terbang ke *rural air trip* seperti Ba'kalalan dan seperti Bario supaya saya sendiri akan menyaksikan sendiri, memastikan bahawa operasi di *rural air services* ini akan cukup baik dan tidak kurang daripada sebelum rasionalisasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ini merupakan satu jaminan saya dan saya berani beri di Dewan yang mulia ini. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat bagi banyak penjelasan dan kami semua merasa teruja mengenai AirAsia dan MAS. Sebelum ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya haraplah semasa kita di peringkat jawatankuasa perkara ini tidak akan timbul lagilah, kalau masa tidak cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak timbullah. Ini tumpang, menteri ada lebih baik menteri jawab. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya sebelum rasionalisasi, benda itu berjalan cukup elok. Cuma MAS sahaja menghadapi masalah pengurusan. Kita tukar pengurusan dan pengurusan yang baru lebih teruk daripada pengurusan yang lama. [Ketawa] Yang ini yang pelik.

Jadi soalnya, tadi Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan persaingan antara dua *airlines* tadi, MAS dan AirAsia. Saya tidak ada apa-apa halangan untuk AirAsia menjalankan penerbangan mereka. Tetapi mengapa tidak oleh kerana sudah haru biru, kelam kabut, misalnya kelewatan yang tempoh hari kita pun keluarkan kenyataan, jawatankuasa ditubuh untuk memantau, meninjau, selepas itu tidak ada apa-apa. Jadi, keluhan-keluhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan perjalanan *trunk route* ke atau tidak 'terang' ke, kenapa tidak diganti semula, MAS dulu terbang di kawasan-kawasan tertentu biarkan MAS beroperasi dan AirAsia juga beroperasi.

Jadi lebih baik Macau pilihlah. Hendak AirAsia kah, hendak MAS kah, tetapi bimbang pula. Tadi kita kata hendak adakan persaingan. Inilah persaingan yang sihat. Dia hendak naik MAS kah, dia naik AirAsia. Jadi tidak perlu kita kata, buang MAS ambil AirAsia.

Begitu juga perjalanan-perjalanan bukan sahaja di Sabah dan Sarawak, di Semenanjung juga, harus difikirkan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, kita hendak tambah penerbangan atau tidak.

Seperti tadi saya bangkit mengenai sebelah Utara. Kalau penerbangan di Alor Setar. Bukan orang di Kedah sahaja pakai, orang Perlis juga pakai, Selatan Thai juga menggunakan MAS di Kepala Batas, Alor Setar. Jadi soal-soal ini saya pohon kepada Menteri yang bijaksana dan saya masih anggap Menteri dapat mengawal keadaan supaya MAS, AirAsia diberi penerbangan yang sama. Biar mereka bersaing bersama-sama terutama sekali dari segi harga kah, apa kah, biar mereka bersaing. Tetapi yang masalah pengurusan di dalam MAS, saya rasa Menteri dapat selesaikan perkara ini.

Macam saya bangkitkan baru-baru ini juga mengenai dengan MSS. Sampai hari ini kita tidak diberi laporan. Berapa ramai yang telah diterima dan berapa ramai yang tidak menerima dan apakah kedudukan kemudiannya kepada pekerja-pekerja ini. Maksud saya, pekerja bawahan inilah yang sebenarnya menaikkan MAS, bukan puak-puak yang duduk di bahagian pengurusan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh dengan sekali gus mengenai MSS?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: MSS

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sebelum itu, sebelum itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *Okay. Okay....*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana....

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sama?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sama. Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi, mengenai masalah yang timbul oleh kerana *transfer* daripada rejim lama kepada rejim baru. Adakah pelaksanaan MSS, dekat RM500 juta yang digunakan untuk 2,600 kakitangan-kakitangan MAS di mana mewujudkan 181 orang *golden handshake* yang menjadikan separuh jutawan, hak *millionaires* dibayar antara RM400 ribu ke RM700 ribu dan tiga kali daripada mereka akan dibayar, kalau mereka menghabiskan tempoh perkhidmatan mereka. Bukankah ini sebenarnya, bukan untuk jimat wang tetapi sebaliknya.

Satu bonanza untuk kakitangan-kakitangan sahaja, oleh kerana kalau mengikut cara yang untuk menjimatkan wang, mungkin boleh menjimatkan RM100 juta daripada.... Di sini, ada satu jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada diberi, dikata, dan saya petik bahawa, "...Prinsip utama MSS ialah berdasarkan kepada gaji terakhir dan berdasarkan kepada jumlah tahun perkhidmatan yang sudah diberi." Jadi, sudah tentulah mereka yang sudah bekerja lama, katakan 35 tahun dan hanya mempunyai setengah tahun lagi hendak habis, apa yang diperoleh oleh mereka sudah tentu jauh daripada gaji setengah tahun yang sekiranya boleh. Kalau tinggal setengah tahun, lima bulan, baik dapat MSS RM500 ribu, RM600 ribu. Bukankah ini, dengan izin, *crazy MSS*. Bukan untuk kepentingan MAS, bukan untuk kepentingan rakyat, oleh kerana wang daripada Perbendaharaan. Kenapa ini dibenarkan?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Saya tidak mempunyai butiran secara terperinci mengenai MSS ini, tetapi saya janji, kalau perkara ini di...., kita akan bagi laporan penuh masa Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat, boleh bangkitlah segala pertanyaan mengenai MSS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Satu jam lebih sudah kita berkisar MAS, AirAsia. Saya seperti dengan Yang Berhormat Menteri, saya seperti Yang Berhormat Ahli Politik, tentulah masalah-masalah rakyat diberikan keutamaan, dan itulah juga saya punya fikiran, hasrat kerajaan. Setelah AirAsia masuk, kalam kabut kita. Jadi, maknanya AirAsia ini menjadi musuh kepada rakyat. Sebelum ini, penerbangan MAS begitu baik, tiada kacau bilau. AirAsia masuk, kacau bilau. Menteri pun jadi serba salah. Saya tahu, ada kuasa-kuasa tertentu yang Yang Berhormat Menteri tidak ada. Menteri pun tidak boleh hendak jawab dekat sini.

Saya ingin hendak mengembalikan zaman kegemilangan MAS, sebelum Tajuddin jadi CEO...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kena ambil masa berapa lama?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Saya setengah minit Tuan Yang di-Pertua. Harap bersabar. Ini masalah, kepentingan rakyat.

Waktu *CEO* dipegang oleh Tan Sri Aziz Abdul Rahman, servis baik, perkhidmatan baik.... Ah, perkhidmatan lah tu! Jadualnya baik, makanannya baik... *[Disampuk]* MAS untung. Makanannya dapat hadiah antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua. MAS antara perkhidmatan yang terbaik. Boleh tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita lupakan AirAsia ini. MAS kembali semula kepada landasan asalnya seperti dikelolakan oleh *CEO*, zaman Tan Sri Aziz Abdul Rahman. Kalau Tan Sri Aziz Abdul Rahman boleh buat keuntungan dalam servis MAS yang begitu baik, kenapa kita berlaku seperti hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat Tuan Yang di-Pertua ingat baliklah zaman kegemilangan MAS dan rakyat. Harga pun murah waktu itu. Harga MAS pun murah. Untung. Servis baik, makanan baik. Jadual penerbangan pun baik dan yang lebih penting untung....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betul kah Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Untung. Betul. Yang saya cakap ini betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah, tidak tahu kalau yang lain setuju, tidak setuju, kalau MAS pun rugi sikit-sikit, ini pun kita terimalah, Tuan Yang di-Pertua sebagai penerbangan nasional. Apa salahnya. Di London dia punya *airline* pun rugi juga, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sumbangan kerajaan kepada rakyat. Ini naik tambang macam dari Kuala Lumpur pergi Langkawi RM550. Siapa hendak naik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Tunggu Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri saya tahu. Menteri setuju dengan apa yang saya cakap ini. Jadi saya haraplah, kalau Yang Berhormat Menteri tidak hendak jawab, tidak apalah. Ambil sajalah, apa yang saya kata, bincanglah, rundinglah balik, bawa dalam Kabinet lah, bagaimana perkhidmatan ini memberikan keuntungan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Yang Berhormat tidak ada peluang pergi mesyuarat itulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Tadi Beluran punya cakap betul Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya kalau ini dibiarkan, kita akan kalah Kerusi Tuan Yang di-Pertua. DAP sukalah dia, kita kalah. Ini hendak kena beritahu bahawa rakyat marah. Antara rakyat yang marah hari ini ialah penerbangan ini. Jadi AirAsia ini kacau daun Tuan Yang di-Pertua. Buang sajalah dia atau buka kepada penerbangan-penerbangan yang lain supaya bersaing lebih ramai lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Menteri bersedia menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Silakan jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta, minta penjelasan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sebelum Yang Berhormat jawab mungkin saya boleh

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tidak apa. Sebelum ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nantilah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasihlah, pandangan Yang Berhormat. Tetapi saya tidak setuju tentang beberapa pandangan Yang Berhormat. Khususnya, mengatakan AirAsia telah jadi musuh kepada rakyat. Memang ramai rakyat berpeluang untuk terbang dalam pesawat oleh kerana AirAsia. Oleh kerana tambang yang begitu murah. Tahun lepas AirAsia telah berjaya untuk membawa lebih daripada tujuh juta orang penumpang. Tahun ini akan sampai mungkin lapan, lapan juta setengah dan memang banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan dan pembangunan industri pelancongan dalam negara kita, khususnya operasinya antara Indonesia, antara Macau, antara Filipina, antara Thailand dengan Malaysia, memang sudah banyak memberikan sumbangan.

Maka, saya tidak bersetuju bahawa Air Asia adalah musuh kepada rakyat. Kenyataan ini tidak adil. Kita sudah satu dalam

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ia macam orang main bola cannon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa ini, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Murahnya Air Asia maka naik pula MAS. Siapa hendak naik Air Asia, Tuan Yang di-Pertua. Orang-orang yang katalah, eksekutif. Siapa hendak naik, Tuan Yang di-Pertua? Kerusi tidak ada tiket, siapa hendak naik? Orang hendak tunggu MAS juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana boleh kerusi tidak ada tiket? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerusi tidak ada nombor, Tuan Yang di-Pertua. Berebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Ketua Pembangkang pun tidak hendak naik Air Asia ini, Tuan Yang di-Pertua. Dia ada standardnya juga. *[Disorak]* Kalau Menteri hendak naik Air Asiakah?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Naik, naik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Naik, naik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak naik. Tidak hendak naik dengan perkhidmatan yang macam itu, orang hendak pilih MAS juga. Sebab itu saya kata Air Asia ini menjadi musuh kepada rakyat kerana ia punya sebab perkhidmatan MAS jadi kucar-

kacir. Itu yang saya maksudkan musuh. Betullah harga murah, itu kita tidak tahu. Besok kita bagi dia monopoli, dia naikkan pula kerana sebab-sebab munasabah, Air Asia kena naikkan tambang. Waktu itu apa? Terduduk lagi rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat, operasi penerbangan syarikat penerbangan tambang murah memang sudah menjadi satu trend di seluruh dunia, kita kena terima hakikat ini. Kita mesti menerima hakikat bahawa dalam zaman liberalisasi yang saya sebutkan tadi, kalau Air Asia tidak beroperasi di Malaysia pun syarikat penerbangan tambang murah akan dibenarkan, akan beroperasi di Malaysia. Kita tidak ada pilihan lain. Bila tibanya 2015, *2008 capital to capital, 2010 capital plus one, 2015 free for all.*

Kalau Air Asia tidak ada pun, Tiger Air akan terbang di seluruh Malaysia. Ini memang merupakan satu hakikat, kita harus terima dalam zaman liberalisasi, maka kita kena berusaha untuk menolong LCC kita. Saya merasa bangga bahawa Air Asia dalam konteks ini telah menjadi satu LCC yang berjaya sekali, bukan sahaja di rantau ini tetapi di seluruh Asia. Memang ini merupakan satu kejayaan, maka saya tidak bersetuju bahawa Yang Berhormat kata, Air Asia menjadi musuh kepada rakyat. Saya memang tidak bersetuju, tidak adil.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang terhormat Menteri. Saya sokong kenyataan yang dibuat oleh Menteri. Selalunya dalam sidang Parlimen, pada beberapa bulan yang lepas kita dengar kenyataan yang berbeza-beza dan bercanggah daripada *backbenchers*. Sehari mereka akan hantam MAS dan hari yang lain akan hantam Air Asia *[Disorak]* dan, hari itu apabila saya tanya....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat bagi Seputeh, kita tidak mahu cakap itulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Seputeh mahu jawabkah? Haiya, you apa campur biar Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hari itu apabila saya tanya Menteri, apa yang dia bangkit, apakah pendiriannya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Hey, apa ini? Ini Menteri mahu jawab. Apa you tanya?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Apakah pertanyaan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sudahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak minta daripada pandangan Menteri tentang kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa dia kata kita perlu ada satu *open-sky*, kita perlu ada menyambut lapangan syarikat penerbangan dari mana-mana negara untuk bersaing dengan MAS, dengan Air Asia dan lain-lain. Tetapi sekarang

kita dengar Yang Berhormat bagi Sri Gading keluarkan kenyataan yang berbeza. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional memang selalu memberi pandangan dan cadangan yang konkrit, yang membina [Tepuk] dan kita terima apa yang konstruktif tetapi yang tidak begitu tepat, ini merupakan tanggungjawab saya untuk memberikan pandangan dan pendirian kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Selain.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa Air Asia ada peranan khasnya dengan memperluaskan peluang untuk mereka yang lebih berpendapatan rendah untuk menjadi *air-travelers*. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa sungguhpun bajet *airline*, ia patut bertanggungjawab perkhidmatan yang pokok, *basic services* perlu diberikan dan tidak boleh lari dari tanggungjawab mengenai *deliver basic services*.

Bukankah masa sudah sampai. Tentu Yang Berhormat sudah tahu mengenai kompelin yang banyak mengenai Air Asia. Bukankah masa sudah sampai di mana ada piagam, carta mengenai *basic services* yang perlu diberikan oleh Air Asia supaya perkara ini tidak berlaku.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat, memang ada piagam tentang *basic services* yang harus diberikan oleh syarikat tambang murah, memang ada. Kalau Yang Berhormat ada kompelin atau secara spesifik boleh kemukakan kepada kita, kita ambil berat tentang perkara ini. Yang Berhormat pernah naik Air Asia?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pernah! Pun banyak kompelin dan Yang Berhormat bagi Seputeh ada banyak kompelin, khasnya.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya sedia menerima kompelin secara spesifik. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah mencadangkan agar *landing fee* untuk pesawat dari luar dikurangkan dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke negara ini. Berhubung cadangan ini, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan buat masa ini tidak bercadang untuk menurunkan *landing fee* untuk pesawat-pesawat dari luar, memandangkan caj pendaratan yang dikenakan di lapangan-lapangan terbang negara adalah yang terendah di rantau ini.

Insentif-insentif ini disediakan kepada syarikat-syarikat penerbangan asing bagi menggalakkan mereka beroperasi di semua lapangan terbang antarabangsa negara.

Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Antara insentif – Selepas saya - Antara intensif yang diberikan adalah pengecualian caj pendaratan kepada syarikat-syarikat penerbangan yang

memperkenalkan perkhidmatan baru, syarikat penerbangan sedia ada yang mengadakan penambahan frekuensi dan perkhidmatan atas laluan baru. Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagaimana kita hendak mencapai sasaran tahun 2007, Tahun Melawat Malaysia dari segi industri pelancongan, sedangkan rasionalisasi penerbangan kedua-dua MAS dan Air Asia ini sudah tidak rasional. Baru-baru ini, di kawasan saya, di Kinabatangan ada terdapat tiga *homestay* di kawasan saya. Setiap hari kami menerima 50 hingga 80 orang pelancong luar negara. Tiap-tiap hari. Tetapi hari ini cuma tinggal dua tiga orang sebab penerbangan sudah tidak rasional, [*Disampuk*] sudah tidak ada.

Persoalan yang saya kemukakan sekarang kenapa Yang Berhormat selaku Menteri tidak dimaklumkan oleh kedua-dua syarikat penerbangan ini terhadap apa juga keputusan yang mereka ambil. Itu sebab kita kata bahawa kedua-dua syarikat ini *override* dengan Menteri. Tidak boleh. Seharusnya Menteri *fullpower* dalam soal ini. Kenapa wakil kementerian tidak disimpan, setiausahakah, timbalan menterikah duduk sama-sama berbincang. Kenapa satu agensi seorang yang menentukan? Ini seharusnya tidak berlaku. Yang Berhormat kena tegas bahawa apa-apa juga keputusan kena maklumkan kepada kementerian saya. Selaku Menteri, saya harus terlibat sebab ini menentukan masa depan negara dan rakyat. Ini tidak, kenapa boleh berlaku begini?

Seorang Ahli: Tambahan!

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang tegas dalam perkara ini. Oleh sebab itu hampir semua frekuensi yang dibatalkan dahulu akan diletak balik. [*Tepuk*]

Yang Berhormat bagi Sandakan, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Yang Berhormat bagi Sepanggar dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga telah membangkitkan mengenai persoalan tambang domestik MAS yang terlalu tinggi hingga membebankan para pengguna.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MAS kini mempunyai struktur harga tiket yang berbeza-beza termasuk 6 harga tiket yang berlainan bagi kelas ekonomi, termasuk dua harga tiket *online*, dengan izin. Penumpang MAS kini boleh mendapat harga tiket kelas ekonomi yang lebih murah berbanding sebelum ini. Namun begitu, adalah tidak dinafikan bahawa kadar tambang kelas perniagaan bagi destinasi-destinasi tertentu telah meningkat tinggi, di mana ada di antaranya mencecah 70%. Justeru, kerajaan telah memaklumkan kepada MAS supaya mengkaji semula kadar kenaikan kadar tambang, khasnya kenaikan tiket penerbangan yang melebihi 30%.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Lanang, telah mencadangkan agar kerajaan membenarkan *open sky* dengan kerajaan Thailand dan Singapura iaitu dengan membenarkan syarikat penerbangan dari Singapura dan Thailand ini bersaing dengan syarikat tempatan. Berhubung cadangan ini, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan kini

mempunyai perhubungan udara berbentuk terbuka, *open sky* dengan izin bagi hak trafik ketiga dan keempat bagi kerajaan Thailand.

Ini bermakna syarikat penerbangan yang telah dilantik *destinated airline* dengan izin oleh kedua-dua buah negara adalah dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di kedua-dua buah negara tanpa had ke atas frekuensi dan jenis pesawat yang digunakan. Berkaitan dengan cadangan *open sky* dengan kerajaan Singapura pula, adalah dimaklumkan bahawa cadangan ini sedang di teliti secara terperinci oleh Kementerian Pengangkutan. Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, bukan sahaja di antara kedua-dua negara atau ketiga-tiga negara, bahkan kita mencadangkan kalau boleh diberi syarikat-syarikat ini kemudahan seperti AirAsia dan MAS untuk memberi perkhidmatan di peringkat domestik sebab ini untuk mengelakkan, memberi ruang kepada orang ramai, sebab harga tiket MAS naik, dulu ada penerbangan 50% untuk warga emas, sekarang sudah tidak ada, tidak tahulah dia bagi balik ke tidak, dia cakap dia hendak bagi balik tetapi tidak tahu bila.

Melalui tempahan melalui *website*, saya sudah cuba, *purposely* saya sudah cuba empat kali, jawapan dia tetap sama, "*Tempahan yang dibuat telah dipenuhi*" tidak pernah, bermakna mereka bermain sandiwara, macam juga AirAsia main wayang. Dia buat iklan, *advertisement* tapi cuba Yang Berhormat masuk *website* dia, kalau dapat penerbangan murah ini saya *salute* Yang Berhormat, tapi saya cuba empat, lima kali, jawapan tetap sama. Tidak tahulah pakai nama menteri ka, tetapi saya sudah cuba tidak dapat. Ini mereka main wayang lah Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya akan cuba sendiri, lepas itu dan saya telah menyentuh tentang *open sky* sebentar tadi bahawa kita bersetuju untuk melaksanakan *open sky* dengan semua negara ASEAN berperingkat-peringkat, kita tidak boleh melaksanakan *open sky over night* maka kita sabarlah mengikut jadual yang telah saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah menimbulkan persoalan mengenai terdapat Ahli Parlimen yang tidak dapat menikmati diskaun tambang yang telah diberikan oleh MAS kepada Ahli-ahli Parlimen. Mengenai isu ini adalah dimaklumkan bahawa Ahli-ahli Parlimen dan pasangannya - *spouse* adalah layak untuk menikmati diskaun 25% untuk semua kelas tambang domestik. Tidak dapat dinafikan bahawa oleh sebab diskaun ini baru sahaja ...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua, Labuan dan Santubong.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Lepas itu, lepas ini saya beri peluang ya. Terdapat kekeliruan di antara kakitangan-kakitangan MAS mengenai pelaksanaan dan cara tempahan tiket

ini dilaksanakan. Ini telah menimbulkan kesulitan kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, namun demikian, MAS telah memaklumkan bahawa tindakan telah pun diambil untuk memastikan kesulitan ini daripada berulang. Dalam pada itu saya ingin merayu kepada Ahli Yang Berhormat apabila Ahli Yang Berhormat ingin membuat tempahan tiket sama ada tempahan itu dibuat oleh Ahli Yang Berhormat sendiri atau melalui agen agar memaklumkan kepada MAS bahawa mereka adalah merupakan Ahli Yang Berhormat oleh itu adalah layak untuk mendapatkan diskaun sebanyak 25% daripada tambang biasa.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, Dato' Sri Menteri...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mana satu ini Tuan Yang di-Pertua, Santubong ka ni..Tuaran...Beluran...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Beluran...Beluran.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Santubong?..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: [Menganggukkan kepala]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Santubong... sorry la Santubong.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Lepas ni...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua-dua pun boleh lah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dua-dua sekali, yang pertama Dato', saya dengar perbincangan Dato' daripada awal lagi, yang pertama ialah soalan tambang MAS ini, tidak mengambil kira soalan implikasi sosial mungkin tidak boleh bangkit, soalan implikasi sosial, integrasi di antara Semenanjung dan Sarawak. Apa yang dikira ialah macam mana hendak membuat keuntungan untuk pihak MAS yang akhirnya akan merugikan negara ini. Daripada segi integrasi dan soal *interaction* di antara masyarakat dari Semenanjung, Sarawak, Sabah keseluruhannya.

Yang kedua sama ada Dato' sedar atau tidak bahawa yang diberi dengan Ahli Parlimen itu, satu ialah tahap kelas D dan tahap yang kedua hanya empat *sit* dalam *business class*, *the allocate* untuk Ahli Parlimen, dan yang empat ini, biasanya semua tiap-tiap kali kita *booking* dia dah *full* dah, dah orang lain ambil sudah. Tapi sebenarnya bila kita masuk dalam kapal terbang, saya ni tiap-tiap minggu turun naik Tuan Yang di-Pertua, jadi itu saya boleh lihat secara praktikal. Pagi tadi dia kata penuh, tapi kita ada mempunyai enam *seat* kosong. Bila saya balik minggu lepas hari Khamis, saya dimaklumkan bahawa, saya diberitahu *last seat available* untuk penerbangan 8.50 ke Kuching daripada Kuala Lumpur. Apabila saya masuk, ada lima lagi *seat* kosong.

Jadi persoalannya yang Wakil Rakyat tidak dapat *discount rate*, tetapi dalam MAS kosong, maklumat daripada orang ramai kata orang tak nak terbang lagi daripada Sarawak-

Semenanjung ini oleh kerana tambang MAS mahal sangat. Jadi MAS rugi, Malaysia rugi, jadi siapa yang untung ni Dato'?. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang diskaun untuk Ahli Parlimen. Masalahnya senang sahaja Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen dahulu, sebelum diambil oleh Idris Jala ini, ia memang 25% tanpa syarat. Tetapi sekarang ini apabila Idris Jala masuk dia dengan syarat macamlah AirAsia yang RM9.99 itu, orang tidak dapat. So dia kategorikan Ahli Parlimen ini Dato' dalam Kelas D dengan M. Bila kita *booking* dalam kelas D dengan M, dia bergantung kepada *availability* setiap kuota setiap penerbangan. *Then again* balik berapa banyak kuota itu, saya pun tidak tahu, tetapi 100 kali *booking*, 99 kali kita tidak dapat kuota Dato', kita tak dapat, Ahli Parlimen tak dapat.

Jadi nama sahaja itu ada 25% diskaun tetapi syarat dia *on availability of quota for that particular flight*. Tapi *most of the time* tidak dapat, *99 times over 100 times* tidak dapat. Jadi kita balik kepada sistem itu, Ahli Parlimen mesti dikategorikan dalam Kelas C dengan Y, apabila kita masuk Kelas C dengan Y, kita akan automatik dapat yang itu, kalau tak dapat Dato' tak apa lah, tapi bila kita cakap kita ada 25% diskaun, kita pergi kaunter MAS, kita minta 25% diskaun, dia kata tidak ada, pasal kita masuk dalam kategori *senior citizen*, macam kategori *senior citizen* Dato', *so just clear over this*, perelaskan ini, kalau tidak ada Ahli Parlimen tak payah tanya-tanya di kaunter, mahu di gosip, mahu tanya, ada atau tidak, oh..dia kata "*Penerbangan ini tidak ada*". *Next flight check*, tidak ada. Dia bilang, "*Dua hari nanti ada kuota*". *So it doesn't work that way*, so kalau ada, ada, supaya kita tahu. Kalau tidak ada, mulai hari ini kita beritahu, Speaker pun tahu, kalau tidak ada diputuskan hari ini tidak ada, [*Seorang ahli ketawa*] kita tidak payah minta lagi Dato', itu sahaja. Perelaskan itu jangan dalam keadaan yang susah kita berada di kaunter MAS ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran, saya hendak sekali lagi memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa diskaun yang diberikan kepada Ahli Yang Berhormat dan juga *spouse* memang ada, tidak ada kuota dan juga semua di Kelas C ataupun Kelas Y, itu sahaja. Tertakluk kepada adanya tempat, *availability of seat*, kalau ada tempat, mesti ada.

Ini sekali lagi saya hendak memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, dulu mula-mula keputusan ini tidak dapat dilaksanakan secara lancar oleh sebab sistem belum di *synchronize*. Tapi bila tindakan telah diambil untuk membetulkan sistem komputer memang tidak ada alasan yang lain untuk memberikan macam-macam alasan untuk – to *denied* 25% diskaun yang dinikmati oleh Ahli Yang Berhormat, memang tidak ada.

Kalau Yang Berhormat ada masalah – memang ada seminggu dua Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalabakan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Kalabakan beritahu saya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya ada menulis surat Datuk. Memang ada masalah. Sehingga hari Khamis yang lalu, memang ada masalah, memang ada kuota. Dia bukan *availability of seat*. Dia *availability depend on availability of* kuota Datuk.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tak ada kuota.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *No, no, no.*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tak apa, tak apa. Yang Berhormat, saya terima kasih atas *information* ini. Tak ada kuota.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yes, ok. Saya tahu Datuk prihatinnya.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Keputusan memang jelas, tak ada kuota.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Datuk.

Dato' Sri Chan Kong Choy: *Availability of seat*. Kalau yang sekiranya Yang Berhormat dapat masalah, menghadapi masalah yang sama, beri tahu saya. Tak ada alasan MAS hendak memberikan alasan yang lain. Tak ada, memang tak ada. Cukup banyak penjelasan telah diberi kepada kakitangan-kakitangan MAS di seluruh negara bahawa perkara ini harus dilaksanakan, harus dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Saya hendak memberikan penjelasan sejelas-jelasnya dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong mana naik kapal terbang, naik kereta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adalah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang dengan sabar dengar semua, kerana saya mengalami masalah juga. *[Ketawa]* Misalnya pada 20 Ogos...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada tulis ke? Tulis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kerana saya sering menggunakan MAS kerana lebih boleh dipercayai daripada Air Asia. Sebab saya hendak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selalu dari mana ke mana?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dari Kuala Lumpur ke..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kuala Lumpur – Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang. Kuala Lumpur ke Kota Bharu dan sebagainya. Dan ke antarabangsa juga masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Antarabangsa Air Asia memang tak adalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Air Asia saya tak naiklah, tak naiklah Air Asia. Dan pada 20 Ogos...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Baru ini AIPO Yang Berhormat pergi tak? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Jerai tak ada lapangan terbang. *[Ketawa]* Memang tak ada. *[Ketawa]* Yang Berhormat, misalnya pada 20 Ogos, saya pergi saya tengok dia ada kuota itu sudah genap. Tak ada kuota sebab waktu itu puak-puak UMNO itu, puak-puak Pak Lah itu dia hendak pergi itu Kota Bharu. Kerana PM di situ, Yang Amat Berhormat di situ, dia pun puak-puak Pak Lah hendak pergilah. Saya tak dapat kuota itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kata UMNO, orang UMNO hendak pergi Kota Bharu. Yang Berhormat hendak pergi Kota Bharu buat apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada masalah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dia hendak masuk UMNO juga. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Masalah peribadilah di situ. Eh, masalah peribadi. Dia bukan peribadi, dia hendak jumpa dengan Yang Amat Berhormat. Itu di ke Kota Bharu itu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: You pergi sana jumpa siapa? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Amat Berhormat. Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya kita kaji semua kakitangan di kaunter dari segi pakaian, dari segi tingkah laku, dari segi keberkesanan, efisiensi dan sebagainya. Ini memang penting. Saya sama-sama hendak meningkatkan perkhidmatan MAS dan juga Air Asia. Kita bagi, kita hendak semua kakitangan itu cantik, itu pakaian pun indah, perkhidmatan pun berkesan dan sebagainya. Saya hendak tengok macam itu. Kerana berapa tahun lagi, saya tak setuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Pada, sebelum Tajuddin pun mana ada sistem, memang sudah. Selepas Tajuddin pun mana, lebih tidak ada sistem. Sekarang mula kita nampak ada keuntungan sudah, ada keuntungan sudah. Dan para penumpang di antarabangsa, kalau tak silap saya hampir dua juta sudah, hampir dua juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan MAS Kargo pun sudah meningkat. Dan adakan itu *warehouse* di Han Chou sudah sekarang ini. Di Han Chou.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Han Chou.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bercakap bahasa Cina*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendek kata Yang Berhormat tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gadinglah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang tak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang tak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia tak cakap betul. Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi itu. Sekarang kita ada lebih sistem sedikit. Ada lebih sistem sedikit. Bukan tidak. Cuma saya ada banding dengan SIA. Kerana kita mula itu dari MSA, hendak banding dengan SIA. SIA dapat untung banyak pada *quarter* yang berakhir 30 Jun itu kalau tak silap saya, 224 juta *Dollar Singapore, Singapore*. Dan kita, kalau kita berbanding dengan Singapura SIA, ini memang kita mesti bandingkan kerana kita mula daripada MSA. Daripada perbandingan ini, apakah kedudukan MAS sekarang? Ha, ini saya hendak tahu sebab kalau kita hendak Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Arau dan Yang Berhormat bagi Jerai sahaja, matilah dia. Asyik dengan domestik sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta penjelasan sikit. Ini pin itu pakai dua itu apa dia? Naik pangkat ke? [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Ketawa*] Dia hendak domestik sahaja. Domestik ada masalah sosial dan sebagainya, kita tak dapat untung. Kalau ikut kehendak semua itu, mesti rugi teruk lagi. [*Ketawa*] Ha, dia hendak sosial selalu dan saya ini hendak tahu dari segi antarabangsa. Macam mana kedudukan kita? Saya hendak MAS satu hari kelak boleh berbanding dengan SIA ataupun lebih daripada SIA. Itu ya. Dari segi MAS Kargo, dari segi perkhidmatan antarabangsa, dan saya hendak tahulah setakat ini apakah kedudukan kita berbanding dengan SIA?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali tentang masalah yang Ahli Yang Berhormat menghadapi pada 20 Ogos tentang diskaun Ahli Parlimen. Masa itu memang kuota sistem masih ada. Kuota masih ada, masih ada. Maka masalah ini *genuine*lah masa itu. Kalau dikatakan kuota sudah penuh, memang sudah penuh. Tetapi lepas itu kita sudah tak ada kuota untuk semua Ahli Parlimen. Dan susah hendak banding SIA dengan MAS oleh kerana SIA cuma beroperasi di antarabangsa di mana MAS ada antarabangsa, ada domestik.

Walau bagaimanapun MAS memang merupakan satu syarikat penerbangan yang selalu mengikuti *best practices* di dalam industri penerbangan, dan saya bangga hendak katakan

bahawa mutu perkhidmatan MAS memang kita tidak segan hendak mengatakan MAS boleh banding dengan kebanyakan syarikat penerbangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Penampang telah menimbulkan isu bahawa rasionalisasi perkhidmatan udara domestik yang dilaksanakan akan mengakibatkan integrasi nasional di antara Sabah Sarawak dan Semenanjung gagal dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses rasionalisasi perkhidmatan udara domestik yang telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2006 akan dipantau pelaksanaannya oleh Kementerian saya, dan Kementerian yang lain yang ada kaitan dari masa ke semasa. Jawatankuasa khas di bawah Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama MAS, Air Asia akan terus berusaha untuk memastikan permasalahan-permasalahan yang timbul akibat daripada proses rasionalisasi ini akan dapat diatasi dengan baik ke arah mencapai tahap perkhidmatan domestik yang lebih baik di samping menjamin bahawa integrasi nasional akan terus terpelihara.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah menimbulkan isu mengenai masalah pengurusan tiket dan tempahan oleh MAS. Di mana masih terdapat tempat duduk kosong semasa penerbangan walaupun tempahan gagal dibuat kerana penuh. Mengenai isu ini, adalah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa sebab yang mengakibatkan situasi di atas berlaku. Antaranya:

- *mis-connection*, dengan izin iaitu apabila penumpang yang mempunyai tempahan sah dan mempunyai tiket gagal menyertai penerbangan disebabkan oleh gangguan perjalanan iaitu kelewatan penerbangan sebelumnya.
- Penumpang yang membuat pembatalan di saat akhir,
- penumpang-penumpang yang membuat keputusan untuk menyertai penerbangan lebih awal daripada penerbangan yang ditempah pada asalnya,
- penumpang-penumpang yang *no show* iaitu apabila penumpang yang mempunyai pengesahan tempahan dan telah membeli tiket, gagal menaiki penerbangan tanpa membuat pembatalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, MAS kini sedang di dalam proses untuk menaik taraf sistem tempahannya kepada sistem penyelesaian tempahan, *reservation solution* dengan izin. Selain itu, MAS juga mengamalkan kaedah *over booking* untuk mengatasi masalah tempat duduk kosong ini. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah *no show* ini adalah merupakan satu masalah serius yang turut dialami oleh kebanyakan syarikat-syarikat penerbangan antara bangsa yang lain.

Berkaitan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, mengenai syarikat Air Asia di Sabah dan Sarawak yang menggunakan terminal yang tidak lengkap dan tidak selesa kepada penumpang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sepanggar bangun.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Selepas itu. Adalah dimaklumkan bahawa sebagai sebuah syarikat penerbangan tambang murah, Air Asia tidak menggunakan kemudahan *aerobridge* dan perkhidmatan mereka di mana-mana lapangan terbang di Malaysia, sila Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat menteri. Ini mengenai tempahan yang tidak dapat dijalankan. Di mana pada ketika ini, sekiranya kita buat tempahan dan tempahan itu kita minta supaya *forward* dengan izin, tempahan itu, kita kena bayar caj. Kalau di Kota Kinabalu, kita kena bayar RM65.00 caj, *you know*. So kenapakah ini boleh dibayar caj? Kenapa harus dibayar caj, sedangkan tempahan itu belum lagipun diambil? Cuma kita minta supaya tempahan itu, sekiranya tempahan esok kita tidak guna, kita mahu supaya tempahan itu *diforwardkan* kepada mungkin 3 hari yang akan datang. Tetapi ini, masih juga kita kena buat bayaran caj, itu satu.

Kedua, saya difahamkan bahawa wakil-wakil yang menjalankan penjualan tiket bagi MAS ini, mereka sudah buat tempahan tambahan untuk ejen mereka ini. Maka ini sebab saya rasa, masalah di sini di mana bila kita masuk di dalam kapal ini, kita dapat lihat banyak i tempat duduk yang masih kosong disebabkan semua tempahan itu diberikan kepada wakil-wakil ejen ini. Adakah ini betul? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya memang bersetuju bahawa masih ada kelemahan di dalam sistem penempahan tempat duduk MAS ini, dan saya sebutkan tadi bahawa MAS sedang dalam proses untuk menaik taraf sistem tempahannya dan saya yakin bila sistem baru ini iaitu *system reservation solution* dapat beroperasi, maka saya harap dan yakin bahawa beberapa kelemahan yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat diperbaiki.

Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Bagan telah sentuh tentang cadangan pengurangan kadar kompaun yang melibatkan semua jenis kesalahan lalu lintas.

Mengenai perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa kementerian ini tidak setuju dengan cadangan pengurangan kadar kompaun bagi semua jenis kesalahan memandangkan beberapa kesalahan yang dipertimbangkan untuk pengurangan kompaun merupakan kesalahan-kesalahan yang serius, seperti memandu melebihi had laju dan menunggang motosikal tanpa lesen. Keputusan ini akan menyampaikan mesej yang kurang tepat kepada pengguna jalan raya khususnya segelintir ataupun golongan yang dianggap sebagai pengguna jalan raya yang berisiko tinggi.

Di samping itu, kerajaan telah membuat keputusan supaya 5 kesalahan lalu lintas yang serius seperti memandu melebihi had laju, memotong barisan, gagal mematuhi lampu isyarat, menyalahgunakan lorong kecemasan dan memotong di garisan berkembar tidak boleh diberi pengurangan kadar kompaun memandangkan kesalahan-kesalahan ini lebih menjurus kepada kecederaan parah dan kematian.

Yang Berhormat bagi Ledang pula ada mencadangkan agar diwajibkan setiap pembelian motosikal, topi keledar secara percuma oleh penjual. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2005, penunggang dan pembonceng motosikal telah mencapai bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya yang tertinggi iaitu 3,584 orang ataupun kematian ataupun 57.9% daripada keseluruhan kematian akibat kemalangan jalan raya. Kerugian kepada negara akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2005 dari segi ekonomi dianggarkan berjumlah RM9 bilion.

Maka dalam konteks ini, maka cadangan Yang Berhormat supaya diwajibkan setiap pembelian motosikal, topi keledar diberi percuma oleh penjual adalah satu cadangan yang saya anggap boleh dipertimbangkan khususnya oleh pembuat, pengedar dan juga pengimport motosikal.

Mengenai sikap ibu bapa yang menggalakkan anak-anak yang tidak mempunyai lesen untuk menunggang motosikal bagi memudahkan mereka ke sekolah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang. Memandu sesuatu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Bagi mana-mana orang yang melanggar seksyen ini merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali. Seksyen 26(1) telah menjelaskan bahawa seseorang tidak boleh membenarkan orang lain memandu sesuatu kenderaan bermotor melainkan dia merupakan seorang pemegang sesuatu lesen memandu yang sah. Dalam hal ini sikap ibu bapa yang menggalakkan anak-anak yang tidak memiliki lesen memandu menunggang motosikal bagi memudahkan mereka ke sekolah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen ini dan ibu bapa tersebut boleh diambil tindakan undang-undang. Ibu bapa hendaklah mengambil langkah yang lebih proaktif iaitu menggalakkan anak-anak mereka menggunakan pengangkutan awam daripada menggunakan motosikal ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran pula mempersoalkan kebenaran ibu bapa kepada anak-anak yang tidak mempunyai lesen, mempunyai kaitan dengan kekurangan sistem pengangkutan di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini sedang dalam usaha mempergiatkan lagi sistem pengangkutan awam baik di bandar mahupun di luar bandar. Kerajaan menyedari bahawa pada masa ini terdapat kelemahan sistem pengangkutan terutamanya di luar bandar.

Tetapi ini tidak semestinya menjadi satu alasan kepada ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka memandu kenderaan motor tanpa lesen memandu kerana tindakan ini melanggar Seksyen 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sebaliknya, ibu bapa hendaklah lebih proaktif dengan mendidik anak-anak mereka berhubung pematuhan peraturan lalu lintas dan keselamatan jalan raya agar mereka lebih berdisiplin semasa berada di jalan raya kelak. Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di luar bandar bagi kemudahan penduduk-penduduk di kawasan tersebut terutamanya pelajar-pelajar sekolah.

Mengenai kempen kesedaran jalan raya, hendaklah dijalankan setiap masa dan bukannya secara bermusim sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Kementerian ini melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah mempergiatkan kempen keselamatan jalan raya bagi tujuan meningkatkan kesedaran pengguna-pengguna jalan raya. Bagi tujuan ini sebanyak RM42.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Sri Chan Kong Choy: RM 42 juta telah dibelanjakan bagi kempen media keselamatan jalan raya melalui radio, televisyen, pawagam dan laman web. Kempen media ini akan dilaksanakan sepanjang tahun untuk mendidik pengguna jalan raya mematuhi dan menghargai peraturan lalu lintas. Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya Yang Berhormat Menteri tertarik tentang kempen keselamatan jalan raya. Tetapi saya dapat lihat lebih banyak kerajaan suruh menjaga keselamatan jalan raya lebih banyak kemalangan berlaku dan saya lihat di sesetengah negara kerajaan biar sahaja kemalangan tidak berlaku. Macam di sesetengah negeri dia kira kereta kalau kereta langgar motor, kereta salah, lori langgar kereta, lori salah, dia kira yang besar itu salah kena jaga. Jadi Yang Berhormat saya hendak tanya, *road bully* ini yang banyak berlaku di negara kita hari ini disebabkan oleh tidak ada kesabaran dan sebagainya.

Jadi bagaimanakah kerajaan juga harus menyedarkan di samping kesopanan kita berada di atas jalan raya supaya *road bully-road bully* yang berlaku boleh dikatakan hari-hari ini keterlaluan sangat dan apakah tindakan-tindakan yang boleh kita ambil untuk meningkat supaya mungkin hukuman denda yang agak begitu tinggi sedikit supaya mereka ini serik dan tidak melakukan perbuatan *road bully*. Dan satu lagi Yang Berhormat apa rasionalnya kerajaan bercadang untuk hendak beri topi keledar untuk penunggang-penunggang motor ini. Kalau dia orang boleh beli motosikal pasal apa dia orang tidak mampu hendak beli topi keledar? Jadi duit topi keledar itu kita buatlah untuk pembangunan luar bandar. Apa pandangan Yang Berhormat tentang pemberian percuma topi keledar ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh buat balai raya untuk kawasan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tampung jalan berlubang, jadi tidak payah kita beli topi keledar bagi *free*. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang memandang berat tentang berlakunya kemalangan jalan raya. Oleh sebab dia merupakan satu kerugian yang cukup besar kepada kerajaan dan juga kepada negara. Maka kita telah mengambil beberapa langkah, yang terbaru ialah kita telah merangka rancangan keselamatan jalan raya 2006 hingga 2010, *Road Safety Master Plan* lima tahun di mana kita telah merangka sembilan strategi, 52 program pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan dan juga alam sekitar, *4E, Education, Enforcement, Engineering and Environment*, supaya semua langkah ini diambil untuk mendidik rakyat Malaysia supaya menjadi pengguna jalan raya yang lebih disiplin.

Saya hendak bagi satu contoh mulai tahun depan, elemen keselamatan jalan raya akan mula diajar kepada murid-murid di darjah satu di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di mana kita akan memasuki elemen *road safety* ini dan ini akan *roll out* kepada seluruh negara di mana pada masa yang akan semua murid sekolah mulai daripada darjah satu hingga ke tingkatan empat akan juga menerima pendidikan mengenai keselamatan jalan raya dan bila mereka sedia untuk mengambil ujian memandu kereta ataupun motosikal, mereka sudah disediakan tentang pendidikan selama 12 tahun dan bukan merupakan orang yang tidak ada pendedahan kepada *road safety*.

Maka ini merupakan satu *long term plan* di mana kita sedia untuk dalam Bahasa Inggeris *to take one generation* untuk mengubah sikap pengguna jalan raya di Malaysia. Ini menunjukkan komitmen kerajaan begitu serius kerajaan terhadap keselamatan jalan raya ini. Di samping itu kita akan teruskan dengan penguatkuasaan maka saya tidak setuju dengan pengurangan kadar kompaun bagi *across the board* semua jenis termasuk pembawa ekspres bas dalam jalan raya itu pun boleh dikurangkan di mana beberapa nyawa di dalam tangan pemandu ekspres bas ini memang kita tidak setuju. Maka kita akan menyampaikan mesej yang cukup betul kepada mereka yang menggunakan jalan raya khususnya *road bullies* ini di mana saya mengkategorikannya sebagai *high risk* pengguna ataupun *high risk* pengguna jalan raya yang berisiko tinggi.

Maka semua ini apa sahaja inisiatif yang diambil oleh kerajaan kita mesti dapat kerjasama dari semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat mesti bekerjasama dengan pihak kerajaan supaya menyampaikan mesej yang cukup betul kepada rakyat khususnya mereka yang duduk di luar bandar yang degil tidak pakai topi keledar. Ini sayalah pohon kerjasama Yang Berhormat supaya memberikan kerjasama dan sokongan kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mempunyai pengalaman sebagai pegawai polis tujuh tahun. Tujuh tahun menjadi ahli Majlis Keselamatan *Road Safety Council* Malaysia. Dalam pengalaman saya membudayakan *compliance* kepada undang-undang ialah dengan menguat kuasa. Tetapi kalau kita lihat sekarang penguatkuasaan adalah *seasonal* dan mengikut naluri kehendak pegawai-pegawai atasan. Apabila hendak buat kempen buat tunjuk muka hendak tunjuk politik yang mereka sudah buat kerja baru kita lihat bahawa kempen ada. Lain daripada itu kita tidak nampak pegawai JPJ tidak nampak pegawai polis jadi macam mana, itu soalan pertama.

Yang kedua yang Datuk sebut tadi soalan bas-bas ekspres yang Datuk sebut. Tetapi sekarang kalau hendak dapat lesen PSV, *Public Service Vehicle License* itu untuk membolehkan seseorang memandu teksi-teksi ataupun bas, lori, dan sebagainya, macam beli kacang pun payah sedikit. Beli kacang pun payah, berdiri panjang mahu dua tiga jam baru sampai ke rumah balik. Tetapi PSV lesen dua jam sahaja kursus sudah habis. Jadi saya hendak bertanya adakah kementerian bercadang supaya mendapatkan lesen sebagai pemandu teksi, sebagai pemandu lori, sebagai pemandu bas mesti diperkukuhkan supaya bukan hendak menyusahkan masyarakat tetapi supaya memperketatkan *compliance* undang-undang dan supaya orang mengetahui tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pemandu kereta awam. Terima kasih Datuk.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, penguatkuasaan ke atas lalu lintas memang akan diteruskan sepanjang tahun mulai beberapa tahun yang dulu khususnya *integrated enforcement* di mana bukan sahaja polis, JPJ tetapi disertai oleh semua agensi yang berkenaan kerajaan akan melaksanakan penguatkuasaan di seluruh negara dari masa ke semasa sepanjang tahun dan juga kempen melalui media cetak dan media elektronik juga akan dijalankan sepanjang tahun khususnya sekarang dengan tertubuhnya Jabatan Keselamatan Jalan Raya di mana satu jabatan baru yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kempen dan sebagainya.

Maka dengan semua usaha yang telah diambil oleh kerajaan ini maka saya haraplah dengan peningkatan penguatkuasaan, peningkatan kempen pendidikan dan sebagainya kita akan membawa satu perubahan kepada keselamatan jalan raya ini. Untuk apa yang disarankan oleh Yang Berhormat supaya mempertingkatkan usaha dalam latihan kepada pemandu-pemandu kepada kenderaan komersial, ini memang adalah dalam perancangan Kementerian Pengangkutan. Yang Berhormat.....

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Dato' Menteri, saya minta maaf, saya datang lambat. Ini adalah kerana pesawat yang kami patut naiki rosak sepanjang hari di Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, AirAsia atau MAS?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: MAS. Jadi sekarang pun masih terbengkalai di Kuching. Nasib baik ada pesawat pukul 2.15 petang tadi. Jadi dapatlah mendengar Yang Berhormat Menteri memberi jawapan.

Yang Berhormat Dato' Menteri, saya ingin bertanya tentang penanaman pokok kayu di sepanjang jalan kita di Malaysia ini. Tiap-tiap kali ada kempen menanam kayu, kita tanam sahaja di tepi jalan raya kita dan saya nampak apabila ada kemalangan maut, adalah mereka mati kerana pokok kayu yang di tepi jalan. Kadang-kadang kita nampak ada juga kemalangan di mana tidak ada pokok kayu, kereta itu terus terbang mungkin masuk ke tepi jalan, jadi mereka tidak mati.

Jadi adakah kementerian membuat kajian supaya jangan menanam kayu yang besar-besar di tepi jalan. Kayu yang besar-besar itu pun juga saya rasa menjejaskan pemandangan dan *sight* kita apabila kita hendak memandu *long distance*. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat, kemalangan jalan raya berlaku bukan oleh kerana pokok kayu di tepi jalan tetapi oleh kerana sikap pemandu. Kalau sikap pemandu tidak tepat, tidak disiplin, dia tidak langgar pokok, dia langgar tiang lampu, sama sahaja. Kita tidak akan tanam tiang lampu. Maka saya tidak setuju bahawa penanaman pokok ini adalah yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya. Berasaskan kepada kajian yang telah dijalankan bahawa lebih daripada 80% daripada berlakunya kemalangan adalah disebabkan oleh sikap kecuai pemandu dan bukan beberapa sebab yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya berunding dengan Yang Berhormat bagi Arau dan Yang Berhormat bagi Papar. Saya hendak ucap terima kasih kerana semasa Yang Berhormat bagi Larut jadi Pengerusi Lembaga Pelesenan, beliau telah mencadangkan di belakang bas dan lori diletakkan nombor telefon pejabat Lembaga Pelesenan. Tetapi kadang-kadang mungkin tindakannya itu lambat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu bukan di bawah Kementerian Pengangkutan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya, tetapi ada pelekat di belakang lori, pengangkutanlah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nombor telefon Kementerian Pengangkutan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ia ada nombor telefon. Jadi maknanya kalau pemandu itu memandu dengan aduan, jadi kita tengok macam lori *tanker* Shell,

dia ada letak nombor syarikat. Jadi boleh tidak saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya setiap lori, kenderaan besar, *trailer*, kontena dan sebagainya mesti meletakkan nombor telefon syarikatnya itu supaya apabila kita nampak pemandu itu *reckless*, kita boleh terus telefon dia punya syarikat untuk memaklumkan kepada syarikat bahawa pemandu lori kamu ini membawa dengan kadar yang mengganggu ketenteraman di jalan raya kerana kita tahu sekarang ini semua pemandu ada *handset*.

Jadi bermaknanya tuan milik lori itu boleh menelefon balik kepada pemandu dia mengatakan, "Saya dapat aduan bahawa kamu memandu secara berbahaya." Jadi ini kita dapat terus berhubung dengan syarikat, contohnya macam bas ekspres dan sebagainya. Jadi *hotline* syarikat itu ataupun pemilik kenderaan itu supaya dia dapat menghubungi balik pemandu dia. Saya ingat ini pandangan yang baik, Yang Berhormat Dato'. Yang Berhormat Dato' buatlah, pelekat nombor sahaja, bukan susah. Bukan nombor *four digit* ini, nombor telefon. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan timbangkan cadangan Yang Berhormat ini. Kalau ia boleh mendatangkan faedah kepada semua, saya tidak nampak mengapa ia tidak boleh dilaksanakan. Saya akan memberitahu pihak yang berkenaan mengenai cadangan Yang Berhormat ini.

Di samping itu, kementerian ini telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran akan melaksanakan Program Pendidikan Jalan Raya di sekolah-sekolah mulai tahun 2007. Pengajaran pendidikan keselamatan jalan raya ini akan diserapkan di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Program ini bertujuan menanamkan kesedaran keselamatan jalan raya di peringkat awal lagi. Selain itu bagi mengurangkan kemalangan jalan raya pada musim perayaan, kementerian ini akan mempergiatkan program keselamatan jalan raya bersama agensi-agensi penguat kuasa bagi memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna jalan raya tentang kepentingan mematuhi peraturan lalu lintas. Kempen ini akan dilaksanakan melalui program pendidikan dan penguatkuasaan.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya ada mencadangkan perkhidmatan LRT disambungkan di antara kawasan Subang Jaya atau USJ dengan Puchong. Untuk membentuk satu rangkaian perkhidmatan LRT yang lebih sempurna dan lokasi terminal LRT yang dibina hendaklah sesuai.

Berhubung dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, ia sememangnya telah diambil kira oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad dalam cadangannya untuk meluaskan laluan LRT sedia ada. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan memaklumkan kepada SPNB supaya tumpuan yang khusus diberikan kepada kawasan yang tersebut bagi membolehkan laluan baru yang dicadangkan akan dapat memberi manfaat kepada penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab kementerian yang sempat saya jawab

dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Sekarang sampailah masanya, dengan ini saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.17 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2007 di peringkat dasar yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Mengenai isu terdapatnya kontraktor-kontraktor yang tidak dibayar dan “gulung tikar” berikutan penswastaaan pengurusan sisa pepejal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Sri Gading, pihak Kementerian ingin memaklumkan bahawa program penswastaaan pengurusan sisa pepejal telah pun dipersetujui oleh jemaah menteri pada 6 September 1995 lagi untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Pada awalnya, kaedah pelaksanaan adalah secara pengambilalihan interim iaitu perjanjian ditandatangani dan diperbaharui setiap tahun dengan PBT dan bayaran perkhidmatan dibayar secara bulanan. Kerajaan menyedari akan masalah yang dihadapi oleh syarikat konsesi dan kontraktor-kontraktor yang terlibat, terutama masalah bayaran perkhidmatan yang tertunggak oleh PBT. Hal ini berlaku kerana terdapat PBT-PBT yang terlibat menghadapi masalah kewangan dan kekurangan peruntukan.

Bagi membantu PBT-PBT berkenaan membayar tunggakan bayaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun memberi bantuan kewangan untuk membayar sebahagian jumlah bayaran perkhidmatan yang tertunggak sejak tahun 1998 sehingga tahun 2004 yang berjumlah sebanyak RM42,406,469.40. Memandangkan kaedah pelaksanaan penswastaaan pengurusan sisa pepejal masih lagi di peringkat interim, terdapat banyak kekangan yang menghalang syarikat konsesi melaksanakan perkhidmatan dengan berkesan.

Kerajaan pada masa ini juga sedang berusaha sedaya-upaya supaya penswastaaan pengurusan sisa pepejal dapat dilaksanakan secara menyeluruh dengan secepat mungkin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, baru-baru ini iaitu pada Rabu yang lalu Jemaah Menteri telah meluluskan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yang meliputi perlu mengubah suatu Rang Undang-undang untuk diluluskan oleh Parlimen ini. Oleh kerana Rang Undang-undang itu telah pun dalam peringkat terakhir untuk disemak lulus oleh Jabatan Peguam Negara.

Kalau sekiranya sempat untuk dibentangkan di Parlimen dalam sesi ini maka ia akan dapat menyelesaikan masalah jangka panjang dan di bawah Dasar Pengurusan Sisa Pepejal ini dicadangkan juga satu jabatan pengurusan sisa pepejal ditubuhkan dan mengenai perkara ini,

kami tengah mendapatkan bantuan segera daripada semua agensi supaya kita cuba jadikan ini satu keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penggunaan incinerator bagi pelupusan sisa pepejal dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ledang, pihak kementerian ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah menyediakan pelan strategik pengurusan sisa pepejal kebangsaan. Sebagai rujukan dalam melaksanakan program dan projek pengurusan sisa pepejal secara bersepadu di seluruh negara. Dari segi teknologi yang akan digunakan untuk pelupusan sisa pepejal ianya tertakluk kepada hierarki sisa pepejal aspek ekonomi, kesesuaian teknologi, lokasi kemudahan tersebut serta kesan kepada alam sekitar. Kerajaan telah terbuka kepada pelbagai jenis teknologi bagi pengurusan sisa pepejal.

Walau bagaimanapun, kajian terperinci perlu dibuat terlebih dahulu, termasuk penyediaan laporan kajian alam sekitar EIA bagi memastikan penggunaan teknologi baru adalah berkesan dan bersesuaian untuk diguna di negara kita. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal di peringkat kebangsaan bagi mengkaji semua teknologi yang dicadangkan termasuk penggunaan incinerator sebelum diguna pakai di negara ini bagi melupuskan sisa pepejal dengan mengambil kira aspek keselamatan penduduk dan alam sekitar. Hasil kajian Jawatankuasa Teknikal akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai "Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar" yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi mendapat kelulusan sebelum sesuatu teknologi digunakan di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Puchong, kerajaan telah menangguhkan penutupan tapak pelupusan sampah di Ayer Hitam oleh kerana pada masa ini Terdapat Tapak Ganti Bagi Melupuskan Sampah Bagi Kawasan Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya dan kawasan sekitarnya. Tapak pelupusan Ayer Hitam hanya dapat ditutup sepenuhnya setelah stesen pemindahan di Shah Alam telah siap dan sedia beroperasi. Adalah dijangkakan stesen pemindahan di Shah Alam dapat disiapkan pada tahun depan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, berdasarkan maklumat yang diberi oleh operator tapak pelupusan Kubang Badak, Batang Berjuntai iaitu Worldwide Landfill Berhad tapak tersebut kini menerima sampah dari Majlis Daerah Kuala Selangor 60 tan sehari dan Majlis Perbandaran Selayang 450 tan sehari. Tapak pelupusan tersebut telah dinaiktaraf dan mempunyai kemudahan-kemudahan seperti paip pengumpulan *leached*, paip penyaluran gas metana serta loji rawatan *leached*. Memandangkan kedudukan tapak pelupusan berdekatan dengan kawasan penduduk, kaedah kawalan pencemaran bau dilaksanakan dengan menutup sampah dengan tanah setiap hari. Tapak pelupusan tersebut hanya akan ditutup setelah tapak pelupusan baru dibina bagi menggantikan tapak tersebut.

Pada masa ini, agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi mewujudkan dan penutupan tapak pelupusan adalah kerajaan negeri dan PBT. Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan bertanggungjawab menyediakan dasar dan garis panduan mengenai pewujudan dan penutupan tapak pelupusan sisa pepejal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Putatan, Pulau Gaya adalah di luar kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Sabah telah melantik Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi membantu menguruskan isu kebersihan dan sampah sarap di Pulau Gaya memandangkan kawasan itu menjadi salah satu punca utama kepada masalah kekotoran sampah laut dan pantai-pantai berhampiran bandaraya Kota Kinabalu. Di antara langkah yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu untuk mengatasi masalah kebersihan di Pulau Gaya ialah mengutip dan membersihkan pantai secara berterusan, membina kemudahan pusat pembuangan sampah di lokasi-lokasi strategi di kawasan pulau, membina perangkap-perangkap sampah, memberi pendidikan kesedaran ke atas kebersihan alam sekitar.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh DBKK dalam mengatasi masalah kekotoran ini dilaksanakan dengan bantuan kewangan daripada kerajaan negeri Sabah. Bantuan kewangan tersebut bukan merupakan peruntukan tetap dan pihak DBKK perlu menghantar permohonan setiap tahun pada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, permohonan bantuan kewangan bagi tahun 2006 tidak diluluskan oleh kerajaan negeri Sabah. Dalam hal ini pihak kementerian akan memanjangkan isu yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat kepada kerajaan negeri Sabah agar isu diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Putatan, kriteria pemilihan kontraktor konsesi bagi menyelenggara jalan-jalan PBT dan jalan bandar raya di Sabah bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ianya adalah ditentukan oleh Kementerian Kewangan Sabah dan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, pengambil kakitangan PBT bagi jawatan Datuk Bandar, Yang Dipertua dan setiausaha adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pengambilan kakitangan bawahan adalah di bawah bidang kuasa PBT sendiri. Semua PBT adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dalam menguruskan pengambilan termasuk menetapkan proses pengambilan, kelayakan calon dan syarat-syarat lantikan kakitangan. Penggunaan pengaruh orang-orang tertentu bagi pengambilan kakitangan PBT adalah di luar jangkaan atau kawalan pihak kementerian.

Mengenai cadangan untuk mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan bagi melantik Ahli-ahli majlis PBT yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, perkara ini telah dijawab oleh kementerian ini semasa Perbahasan Titah Di Raja di Dewan yang mulia ini pada bulan Mac tahun ini. Seperti yang dimaklumkan perkara ini telah di bincang oleh Jemaah Menteri dan sistem pelantikan ahli-ahli majlis PBT seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen

10, Akta 171 masih dikekalkan dan didapati ahli-ahli majlis yang dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri pada masa ini telah pun mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di bawah akta ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Puchong, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Seri Ong Ka Ting:telah mengambil....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pelantikan Ahli Majlis kerajaan tempatan ini. Saya hendak memohon Yang Berhormat kerana sekarang ini kita dapat melihat sesetengah kawasan penduduk makin bertambah, perpecahan kawasan kadang-kadang menjadi kawasan yang dahulu kecil hari ini jadi besar.

Jadi boleh tidak Yang Berhormat saya hendak mencadangkan supaya ditambah Ahli-ahli majlis kerana sekarang ini kita tidak boleh tambah kerana akta sudah sebegitu rupa, tetapi banyak orang memohon supaya ditambah ahli majlis supaya mereka dapat memberi sumbangan membantu kerajaan tempatan dan kita rangkumkan dalam konsep Barisan Nasional di dalam majlis tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang masa cukuplah. Soalan ini boleh jawab esok pagi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.